



# رِيسْتَاانِ *Ristaan*

حَفْلُ الْخُرُوجِ - ١٠

اُونُوْرِسِيْتِيْ اِسْلَامِ سُلْطَانِ شَرِيْفِ عَلِي

HAFL AL-TAKHARRUJ KE-10

UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI



سَمَاءُ الْجَمْرِ الْجَمِيمِ





**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN  
HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH  
IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,  
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**CANSELOR  
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI**





**DULI YANG TERAMAT MULIA PADUKA SERI PENGIRAN MUDA MAHKOTA  
PENGIRAN MUDA (DR) HAJI AL-MUHTADEE BILLAH  
IBNI KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA  
SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH,**

*D.K.M.B., D.P.K.T., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), P.H.B.S.*

**MENTERI KANAN DI JABATAN PERDANA MENTERI**

**PRO-CANSELOR  
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI**

**Diterbitkan oleh:**

UNISSA PRESS

Simpang 347, Jalan Pasar Gadong,

Gadong, BE 1310

Negara Brunei Darussalam

**Hakcipta Terpelihara © 2020**

Hakcipta Terpelihara. Kandungan buku “Ristaan” yang termasuk maklumat, teks, imej, grafik dan susunannya serta bahan-bahannya ialah kepunyaan Universiti Islam Sultan Sharif Ali kecuali dinyatakan sebaliknya.

**Pengerusi**

Prof Madya Dr Hajah Rose binti Abdullah

**Timbalan Pengerusi**

Dr Ismail bin Abdullah

**Setiausaha**

Siti Nur Zuhaidah binti Haji Abdullah

**Ahli-Ahli**

Awang Hamzah bin Awang Haji Jali

Awang Md Nazirul Ruzaini bin Mardi

Dayang Rasidah binti Haji Abdul Razak

**Reka Bentuk Hiasan Kulit**

Siti Nur Zuhaidah binti Haji Abdullah

Md Alias bin Haji Metussin

**Rekaletak Dalam**

Siti Nur Zuhaidah binti Haji Abdullah

Awang Hamzah bin Awang Haji Jali

**Jurufoto**

Pusat Teknologi dan Multimedia

Universiti Islam Sultan Sharif Ali



# Isi Kandungan

6

SEKAPUR SIRIH

9

PETIKAN TITAH

12

HAFL AL-TAKHARRUJ  
KE-9

18

MAHRAJAN HAFL  
AL-TAKHARRUJ KE-9

21

KECEMERLANGAN  
AKADEMIK

38

KECEMERLANGAN  
PENYELIDIKAN  
DAN PENERBITAN

42

PROGRAM  
PEMBANGUNAN

59

MAJLIS ILMU

74

KOMITMEN  
ANTARABANGSA

85

KUNJUNGAN DARI LUAR  
KE UNISSA

93

UNISSA DAN  
MASYARAKAT

114

KECEMERLANGAN  
PELAJAR



# Sekapur Sirih

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَسَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ،  
الْمَبْعُوثِ رَحْمَةً لِلْعَالَمِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، أَمَّا  
بَعْدُ؛

Kita terus merafa'kan rasa syukur ke hadrat Allah *Subhanahu wa Ta'ala* kerana dengan limpah kurnia dan InayahNya jua, penerbitan buku Ristaan sempena Hafli Al-Takharruj Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Kali Ke-10 telah berjaya dilaksanakan. Buku ini merakamkan maklumat dan peristiwa penting yang menjadi rujukan masa depan dan tanda kenangan kepada semua yang terlibat menjayakan keberlangsungan sejarah perkembangan dan pencapaian UNISSA dalam tempoh satu tahun daripada bulan Ogos 2019 hingga September 2020.

Program-program ilmiah di UNISSA seperti persidangan, seminar, pertandingan, forum, ceramah umum, kongsisama dan sebagainya amat giat dijalankan di sepanjang tahun. Perkongsian ilmu secara 'online' seperti 'web conference' dan 'webinar' juga sangat aktif diungkapkan. Aktiviti ilmiah ini bukan sahaja bermanfaat kepada pelajar dan ahli tenaga intelek bahkan juga kepada masyarakat umum dalam hasrat utama UNISSA untuk menjadi sebuah hab pengajian tinggi Islam di rantau ini.

Akhir kalam, saya ingin menzahirkan rasa sukacita dan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada semua graduan UNISSA yang diraikan atas kejayaan mereka mendapatkan segulung ijazah pada tahun ini. Semoga Allah *Subhanahu wa Ta'ala* akan terus memberikan taufiq dan hidayahNya dalam membimbing UNISSA menuju jalan yang diberkati dan dirahmati. Amin ya Rabbal Alamin.

Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal  
Rektor  
Universiti Islam Sultan Sharif Ali



# *Petikan Titah*

**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan  
Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah  
ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar `Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,  
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.**



# Petikan Titah

*Petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Majlis Hafli Al-Takharruj Ke-9 Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Negara Brunei Darussalam pada Hari Khamis, 28 Zulhijjah 1440H bersamaan 29 Ogos 2019M.*

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

بسم الله الرحمن الرحيم

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'ala Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Beta bersyukur ke hadhrat Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, kerana atas limpah rahmat-Nya jua dapatlah kita bersama-sama meraikan Majlis Hafli Al-Takharruj kali Ke-9, Universiti Islam Sultan Sharif Ali pada pagi ini.

Beta dengan tulus ikhlas ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua graduan yang telah berjaya menyempurnakan pengajian masing-masing. Demikian juga kepada ibu bapa, penjaga serta para pensyarah yang sama-sama memberikan sumbangan signifikan kepada kejayaan yang dicapai oleh para graduan pada hari ini.

Sebagai gedung penjana ilmu pengetahuan, UNISSA juga tidak terlepas daripada berhadapan dengan cabaran dan tuntutan semasa. Ini termasuklah kesediaan UNISSA untuk terlibat dalam mengharungi gelombang Revolusi Industri Keempat, yang secara drastik telah merubah cara hidup manusia dan dunia dalam pekerjaan.

Bagi menghadapi cabaran ini, UNISSA perlu peka dalam menyediakan dan menawarkan program-program pengajiannya. Program-program tersebut mustahak dikenalpasti sebagai mampu untuk memenuhi keperluan-keperluan semasa, dan juga secocok dengan transformasi digital, tanpa mengabaikan peranan utamanya untuk melahirkan ulama dan cendekiawan yang berwibawa.

Dalam situasi ini, UNISSA sebenarnya adalah tersendiri. Ia berbeza dengan pusat-pusat pengajian tinggi yang lain. Semangat dan sasarannya juga berbeza. Kerana itu pada hemat Beta, bukanlah perkara yang mendesak untuk mesti mengejar *ranking* dunia yang sedia ada, berdasarkan ianya hanya ciptaan orang lain dan kriteria kecemerlangan juga ditetapkan oleh mereka sendiri.

Sedang aras kecemerlangan sebenar tidak semestinya ditentukan oleh sebuah komuniti atau

negara sahaja, melainkan sepatutnya menjadi hak kepada banyak pihak untuk sama-sama menentukannya.

Kecemerlangan memang wajar dicari. Kita tidak boleh berhenti dari mengusahakannya. Bagi UNISSA, buktikanlah ianya cemerlang. Wujudkan kriteria kecemerlangan melalui kerja-kerja akademik oleh para pensyarah dan penuntut, dengan melazimkan rajin menulis, seperti buku atau kajian atau artikel-artikel ilmiah, dan menghantar tulisan-tulisan tersebut ke jurnal-jurnal antarabangsa.

Kita sedia mempunyai banyak bahan, malah di UNISSA sendiri bahan-bahan itu sudah ada, tinggal sahaja lagi kita mahu ataupun tidak untuk memanfaatkannya.

Di antara program-program pengajian UNISSA: Ada program Undang-undang dan Perundangan Syariah, program Usuluddin, program Tahfiz dan Qira'at, program Pengurusan Perniagaan, program Sains dalam Kewangan Islam, program Syariah (Fiqh dan Kehakiman), program Sejarah dan Tamadun Islam, program Bahasa Arab dan Penterjemahan, program Sains Halal dan lain-lain.

Ini semua adalah bahan. Ianya bukan saja jurusan untuk dipelajari, malahan juga boleh ditulis di dalam bentuk buku atau tulisan atau kajian atau artikel. Jika ini mampu dibuat sehingga jadi budaya kepada UNISSA, maka Beta berpendapat, inilah antara ciri kriteria kecemerlangan yang lebih melayakkan UNISSA menempati *ranking*.

Pada masa ini tidak terdapat tanggapan walau satupun, tentang institusi pendidikan tinggi Islam tidak relevan. Sedang pendapat yang sahih, telah meletakkan pendidikan tinggi Islam itu sebagai keperluan asasi yang tidak boleh diabaikan, kerana daripadanya muncul tamadun yang sempurna.

Kerana itu Beta berpendirian, pengajian dan pendidikan Islam mesti terus diperkasa, kerana ia adalah teras segala kepentingan, yang mampu untuk menghadirkan segala kebaikan untuk bangsa dan negara.

Beta sukacita mengambil maklum bahawa UNISSA telah menyediakan Pelan Strategik 2019-2023. Beta berharap pelan ini akan dapat mempertingkatkan lagi kualiti pengajian yang ditawarkan, mampu menghasilkan penyelidikan bermutu serta memberikan perkhidmatan dan urus tadbir yang cemerlang. Ketiga-tiga elemen ini adalah merupakan ciri yang mesti wujud di UNISSA.

Akhirnya Beta mengambil peluang untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada seluruh warga UNISSA yang meliputi para Ahli Majlis dan Senat, Rektor, Pegawai Utama, ahli-ahli akademik dan seluruh pegawai dan kakitangan Universiti di atas segala sumbangan dan khidmat bakti mereka. Semoga Allah *Subhanahu wa Ta'ala* jua akan membalas mereka dengan ganjaran yang berlipat ganda.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

قصر مؤتمرات جامعة الزيتونة  
INTERNATIONAL CONVENTION CENTRE





HAFL  
AL-TAKHARRUJ  
Ke-9



# TERUS PERKASA PENGGAJIAN ISLAM

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah bahawa pada masa ini tidak terdapat tanggapan tentang institusi pendidikan tinggi Islam itu tidak relevan malah meletakkan pendidikan tinggi Islam itu sebagai keperluan asasi yang tidak boleh diabaikan, kerana daripadanya muncul tamadun yang sempurna.

Baginda semasa bertitah pada Majlis Hafl Al-Takharruj Ke-9 UNISSA yang diadakan pada 28 Zulhijjah 1440 bersamaan 29 Ogos 2019 di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas turut menekankan bahawa pengajian dan pendidikan Islam mesti terus diperkasa, kerana ia adalah teras segala kepentingan, yang mampu untuk menghadirkan segala kebaikan untuk bangsa dan negara.

"Sebagai gedung penjana ilmu pengetahuan, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) juga tidak terlepas daripada berhadapan dengan cabaran dan tuntutan semasa. Ini termasuklah kesediaan UNISSA untuk terlibat dalam mengharungi gelombang Revolusi Industri Keempat, yang secara drastik telah merubah cara hidup manusia dan dunia dalam pekerjaan.

"Bagi menghadapi cabaran ini, UNISSA perlu peka dalam menyediakan dan menawarkan program-program pengajiannya.

"Program-program tersebut mustahak dikenalpasti sebagai mampu untuk memenuhi keperluan-keperluan semasa dan juga secocok dengan transformasi digital, tanpa mengabaikan peranan utamanya untuk melahirkan ulama dan cendekiawan yang berwibawa," titah Baginda lagi.

Baginda menitahkan bahawa UNISSA sebenarnya adalah tersendiri. Ia berbeza dengan pusat-pusat pengajian tinggi yang lain. Semangat dan sasarannya juga berbeza.

"Kerana itu pada hemat Beta, bukanlah perkara yang mendesak untuk mesti mengejar *ranking* dunia yang sedia ada, berdasarkan ia hanya ciptaan orang lain dan kriteria kecemerlangan juga ditetapkan oleh mereka sendiri," titah Baginda.

Menurut Baginda, aras kecemerlangan sebenarnya tidak semestinya ditentukan oleh sebuah komuniti atau negara sahaja, melainkan sepatutnya menjadi hak kepada banyak pihak untuk sama-sama menentukannya.

"Kecemerlangan memang wajar dicari. Kita tidak boleh berhenti dari mengusahakannya. Bagi UNISSA, buktikanlah ianya cemerlang. Wujudkan kriteria kecemerlangan melalui kerja-kerja akademik oleh para pensyarah dan penuntut, dengan melazimkan rajin menulis, seperti buku atau kajian atau artikel-artikel ilmiah, dan menghantar tulisan-tulisan tersebut ke jurnal-jurnal antarabangsa," tekan Baginda Sultan.

Baginda juga bertitah menyatakan bahawa kita sedia mempunyai banyak bahan, malah di UNISSA sendiri bahan-bahan itu sudah ada, tinggal sahaja lagi kita mahu ataupun tidak untuk memanfaatkannya.

Program-program pengajian yang terdapat di UNISSA, antaranya ialah Undang-undang dan Perundangan Syariah, Usuluddin, Tahfiz dan Qira'at, Pengurusan Perniagaan, Sains Dalam Kewangan Islam, Syariah (Fiqh dan Kehakiman), Sejarah dan Tamadun Islam, Bahasa Arab dan Penterjemahan, Sains Halal dan lain-lain.

"Semua itu adalah bahan, yang bukan saja jurusan untuk dipelajari, tetapi juga boleh ditulis dalam bentuk buku atau tulisan atau kajian atau artikel.

"Jika ini mampu dibuat sehingga jadi budaya kepada UNISSA, maka Beta berpendapat, inilah antara ciri kriteria kecemerlangan yang lebih melayakkan UNISSA menempati *ranking*," titah Baginda.

"Beta sukacita mengambil maklum bahawa UNISSA telah menyediakan Pelan Strategik 2019-2023. Beta berharap pelan ini akan dapat mempertingkatkan lagi kualiti pengajian yang ditawarkan, mampu menghasilkan penyelidikan bermutu serta memberikan perkhidmatan dan urus tadbir yang cemerlang. Ketiga-tiga elemen ini adalah merupakan ciri yang mesti wujud di UNISSA," tambah Baginda di penghujung titahnya.

# 289 Graduan UNISSA TERIMA IJAZAH, DIPLOMA

Seramai 289 graduan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menerima ijazah dan diploma dalam pelbagai bidang dan peringkat pengajian pada Majlis Hafl Al-Takharruj Ke-9 yang diadakan pada 28 Zulhijjah 1440 bersamaan 29 Ogos 2019 bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa.

Berangkat mengurniakan ijazah dan diploma berkenaan ialah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor UNISSA.

Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro Canselor UNISSA.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman selaku Pengerusi Majlis UNISSA dan Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Sejurus keberangkatan tiba, selawat dan qasidah (dikir) 'Ahlau Bikumu Sultanana' berkumandang mengiringi perarakan masuk Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Duli Yang Teramat Mulia ke Dewan Plenary, diikuti dengan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan'.

Hafl Al-Takharruj diimarahkan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an Surah Ali Imran, ayat 102 hingga 104 yang dibacakan oleh graduan Diploma Tertinggi Kebangsaan Sistem Keadilan Jenayah Syariah, Awang Abdul Muin bin Haji Abdul Hamid.

Manakala bacaan Al-Hadis, disampaikan oleh graduan Sarjana Muda Syariah (Fiqh & Kehakiman), Awang Ahmad Khairulanam @ Muhammad Hidayatil Wafi.

Sementara itu, bacaan inti sari ayat Al-Qur'an berserta Al-Hadis dibacakan graduan Diploma

Tertinggi Kebangsaan Sistem Keadilan Jenayah Syariah, Sheikh Ahmad Wa'ez bin Haji Sheikh Aubid.

Sementara itu, Rektor UNISSA juga menyebarkan sembah alu-aluan dan kemudian memaklumkan penerima-penerima Pingat dan Hadiah Buku Universiti juga para penyumbang sempena Hafl Al-Takharruj Ke-9.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Hafl Al-Takharruj Ke-9 ini menyaksikan tiga graduan menerima Ijazah Doktor Falsafah, 20 graduan Ijazah Sarjana, enam Diploma Perundangan Islam dan Guaman Syari'e, dua penerima Diploma Lepas Ijazah, 174 graduan menerima Ijazah Sarjana Muda dan 84 graduan menerima Ijazah Diploma Tertinggi Kebangsaan Sistem Keadilan Jenayah Syariah.

Hafl Al-Takharruj Ke-9 ini dimeriahkan lagi dengan kehadiran wakil-wakil daripada 24 buah institusi pengajian tinggi luar negara daripada Thailand, Filipina, Singapura, Timor Leste, Malaysia dan Indonesia.

UNISSA sebagai sebuah universiti Islam antarabangsa di negara ini dianugerahkan Standardisasi untuk Organisasi Antarabangsa (ISO) 9001 : 2015.

UNISSA mempunyai rakan strategik dengan universiti dan Institusi Pengajian Tinggi antarabangsa melalui penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian (MoA) berjumlah 163 buah.

Ia juga menjadi ahli Pertubuhan Antarabangsa antaranya Islamic Universities League (IUL) 2016, Asian Islamic Universities Association (AIUA) 2016 dan Union of AFRO - ASIA Universities.

Kemajuan universiti ini diharap akan semakin meningkat setelah tertubuhnya kampus kekal UNISSA bertapak di Mukim Labu, Temburong nanti, sekali gus melonjakkan lagi reputasi dan merealisasikan harapan negara untuk melihatnya sebagai hab pengajian tinggi Islam di rantau ini.





## PEREMPUAN PENERIMA PINGAT 2019



**MOHAMMAD BAHAUDDIN BIN HAJI ABU BAKAR**  
Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab  
Kampus Kuala Pertama



**DEWI ERIKA BINTE SAMIDI**  
Ijazah Sarjana Muda Keusahanan  
(Tajuk & Hadiah)  
Kampus Kuala Pertama









**17**

- Perwakilan Mabit Bahasa Universiti: 2019/2017
- Perwakilan Universiti Darul Uloom: 2018/2021/2017
- Majlis Alumni Program, Universiti Sultan Galileo, Ony
- Majlis Alumni, Institut Teknologi Sepuluh Nopember, Indonesia
- Perwakilan, "Persepsi Orang dalam Sukah Al-Bayawan" (Tajuk & Hadiah) dalam Mabit "Kebudayaan & Keperempuanan" Seminar Antarabangsa Pengajaran Bahasa Arab 2018
- Lulusan Institut, Persepsi Orang dalam Sukah Al-Bayawan, Bahasa Arab, Dewan Bahasa & Pustaka Kuala Lumpur
- Perwakilan dalam Mabit Bahasa Arab Antarabangsa, Gelar Hadiah Yang Di Perah, Mabit Persepsi Orang dalam Sukah Al-Bayawan, 2018/2021
- Sambutan, Anjakan P1 Sabah yang Persepsi SMARTER Baiti
- Sambutan, Program Zarah Mahabul
- Sambutan, "Persepsi Orang dalam Sukah Al-Bayawan" National Association of the Sister (2018/19)
- HMI, UMS (Sambutan), Jabatan Pembangunan Masyarakat

MAHRAJAN HAFL  
AL-TAKHARRUJ  
Ke-9

# Berkenan Rasmikan MAHRAJAN HAFL AL-TAKHARRUJ UNISSA

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah mengadakan Mahrajan Hafl Al-Takharruj sempena Hafl Al-Takharruj Ke-9 UNISSA pada 25 Zulhijjah 1440 bersamaan 26 Ogos 2019 bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri telah berkenan berangkat merasmikan Mahrajan Hafl Al-Takharruj Ke-9 UNISSA.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Hamzah bin Haji Sulaiman selaku Pengerusi Majlis UNISSA dan Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Mahrajan Hafl Al-Takharruj Ke-9 UNISSA.

Turut sama menjunjung keberangkatan ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Timbalan Pengerusi Majlis UNISSA.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa yang dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Duli Yang Teramat Mulia kemudiannya berkenan mengurniakan sabda perasmian Mahrajan Hafl Al-Takharruj Ke-9 UNISSA.

Sebelum dijunjung menyaksikan Galeri Pameran Mahrajan Hafl Al-Takharruj ke-9, Duli Yang Teramat Mulia telah berkenan menandatangani Lembaran Kenangan UNISSA.

Galeri pameran kali ini mengetengahkan aktiviti-aktiviti dan program mahasiswa UNISSA serta peranan dan sumbangan mereka dalam kalangan masyarakat Brunei Darussalam melalui pelbagai aktiviti akademik, kokurikulum dan kemasyarakatan. Ini sejajar dengan maksud tema Mahrajan Hafl Al-Takharruj Ke-9

ini iaitu 'Memasyarakatkan Universiti'.

Pemilihan tema tersebut adalah untuk menonjolkan sumbangan pelajar UNISSA dalam merealisasikan Wawasan Brunei 2035 yang memfokuskan rakyat yang aktif, berkemahiran tinggi dan berjaya, kehidupan rakyat yang berkualiti dan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Antara pameran yang diberigakan ialah Pameran Pasukan Beruniform yang baharu ditubuhkan di UNISSA, Pameran Aplikasi Pendidikan Islam, Pameran Keusahawanan Pelajar UNISSA dan Pameran Keagungan Tanah Suci.

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya berkenan melancarkan buku-buku terbaharu terbitan UNISSA.

UNISSA telah berjaya menerbitkan 27 buah buku baharu dalam pelbagai bidang hasil tulisan tenaga akademik tempatan dan luar negara dengan lapan buah buku dalam Bahasa Melayu, empat dalam Bahasa Inggeris dan enam dalam Bahasa Arab. Di samping itu, sembilan jurnal dan sebuah monograf juga telah diterbitkan.

Buku-buku berkenaan dihasratkan akan menjadi bahan ilmiah dan sumber rujukan kepada para pelajar dan masyarakat awam dan akan dapat memperkaya lagi bahan bacaan yang telah sedia ada.

Sebelum berkenan berangkat ke majlis santap, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima pesambah daripada Rektor UNISSA, berupa tulisan khat kaligrafi Islam dipetik daripada ayat Al-Qur'an. Pesambah tersebut adalah hasil rekaan Dayang Nurlina Shazlina binti Ali, mahasiswi Tahun 3 Fakulti Bahasa Arab UNISSA.

Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan menerima junjung ziarah dan beramah mesra bersama para mahasiswa dan mahasiswi serta pensyarah-pensyarah UNISSA sebelum berangkat balik meninggalkan majlis berkenaan.








# KECEMERLANGAN AKADEMIK

# JUMLAH KEMASUKAN PELAJAR

## SESI AKADEMIK 2020/2021

---



Jumlah Keseluruhan

# 524



# JUMLAH GRADUAN

## HafI Al-Takharuj UNISSA Kali Ke-10

8

**DOKTOR  
FALSAFAH**

5 Lelaki  
3 Perempuan

18 Lelaki  
26 Perempuan

**SARJANA**

44

22

**DIPLOMA  
SISWAZAH**

12 Lelaki  
10 Perempuan

63 Lelaki  
124 Perempuan

**SARJANA  
MUDA**

187

31

**DIPLOMA  
TERTINGGI  
KEBANGSAAN**

11 Lelaki  
20 Perempuan

Jumlah Graduan

292

# JUMLAH TERBITAN UNISSA TAHUN 2019

---

Buku Bahasa  
Melayu **7**

**6** Buku Bahasa  
Arab

Buku Bahasa  
Inggeris **4**

**1** Monograf

Jurnal **9**

# 27

JUMLAH BUKU



# JUMLAH TENAGA AKADEMIK DAN STAF SOKONGAN

## Tenaga Akademik

Jawatan	Tempatan	Expatriat	Jumlah
Profesor	0	5	5
Profesor Madya	2	7	9
Penolong Kanan Profesor	3	5	8
Penolong Profesor	10	9	19
Pensyarah	19	5	24
Penolong Pensyarah	9	0	9
Tutor	4	0	4
Jumlah	47	31	78

## Staf Sokongan

Jawatan	Jumlah
Pegawai & Kakitangan	107
Pegawai & Kakitangan (Diperbantukan)	13
Pegawai (Gaji Hari)	0
Kakitangan (Gaji Hari)	8
Kakitangan (Sambilan)	17
Pegawai I-Ready	7
Jumlah	152

# KULIAH UMUM KEWANGAN ISLAM



Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), melalui Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm) telah mengadakan Kuliah Umum Kewangan Islam pada 2 Zulhijjah 1440 bersamaan dengan 3 Ogos 2019 bertempat di Dewan Jubli, UNISSA.

Kuliah telah disampaikan oleh Yang Berbahagia Profesor Dr Ismail bin Mohammad, mantan Profesor Universiti Putra Malaysia (UPM) dan juga Ketua Penyunting bagi Jurnal Karya Asli Lorekan Ahli Matematik (KALAM), Malaysia. Beliau telah mengongsikan penemuan penyelidikannya yang bertajuk 'Penjanaan Dana Pinjaman Bebas Riba Secara Bermatimatik' yang menerangkan maksud riba dan kesannya terhadap ekonomi dan sosio budaya dengan pembuktian ilmu sains matematik.

Hadir semasa Kuliah Umum tersebut iaitu Dr Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani, Dekan FEKIm, UNISSA. Turut hadir mendengarkan sesi kuliah tersebut ialah Dr Muhammad Zaki bin Haji Zaini/Jaineh, Timbalan Dekan FEKIm, tenaga akademik dan mahasiswa mahasiswi tahun 1 hingga 3 FEKIm, serta peserta dari institusi kewangan Islam tempatan seperti Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), *Centre For Islamic Banking, Finance And Management (CIBFM)*, Takaful Brunei Darussalam dan sebagainya.

## Persidangan Bahasa Arab Di Asia Tenggara

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menerusi Fakulti Bahasa Arab dengan kolaborasi Fakulti Bahasa Arab dan Komunikasi Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Malaysia, Universitas Islam Negeri (UIN) Ar Raniry, Indonesia, Persatuan Guru-Guru Seindonesia dan Persatuan Bahasa Arab Malaysia telah mengadakan Seminar Bahasa Arab Asia Tenggara pada 11-12 Muharram 1441 bersamaan 11-12 September 2019.

Persidangan ini telah diadakan di UniSZA dengan tema "Buku-Buku Pengajaran Bahasa Arab Di Asia Tenggara: Antara Pemantapan dan Penilaian Semula". Tujuan persidangan ini diadakan adalah untuk memperkenalkan buku pengajaran bahasa Arab di negara-negara Asia Tenggara



dan juga untuk menilai dan memantapkan buku pengajaran bahasa Arab di IPT negara-negara Asia Tenggara.

Persidangan ini telah dihadiri oleh beberapa orang pembentang kertas kerja dari Brunei, Malaysia, Indonesia,

Thailand, Kamboja, Singapura dan Negara Timur Tengah. Seramai 35 orang pembentang kertas kerja mewakili institusi pengajian tinggi di Brunei Darussalam dan 22 orang daripadanya adalah daripada UNISSA.

# Bengkel Keusahawanan 2019 dan PENYAMPAIAN ANUGERAH PROJEK KEUSAHAWANAN TERBAIK 2018/2019

Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah mengadakan Bengkel Keusahawan 2019 selama dua hari iaitu pada 24-25 Muharram 1441 bersamaan 24-25 September 2019 bertempat di Auditorium, UNISSA.

Bengkel ini merupakan salah satu program di bawah Business Plan Series kelolaan Brunei LiveWIRE dan merupakan kesinambungan daripada program Bengkel Bright Ideas yang telah diadakan pada 25 & 26 Februari 2019 yang lalu di UNISSA.

Bengkel tersebut telah disertai oleh seramai 65 orang peserta yang terdiri dari kalangan pelajar UNISSA dan peserta dari BIBDSEED. Fasilitator bengkel ialah Awang Haji Abdul Yusrin @ Mohd Yusrin bin Dato Haji Mohd Salleh, Penasihat Perniagaan, Pengajian Tinggi, Program Keusahawanan dari Brunei LiveWIRE.

Hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis penutupan bengkel tersebut ialah Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, Rektor UNISSA. Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Hajah Nurul Akmar binti Haji Mohd Jaafar, Ketua Bahagian Pemasaran, Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Pegawai-Pegawai Utama dan para pensyarah FEKIm UNISSA.

Dalam ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Dr Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani, Dekan FEKIm UNISSA, selaku Pengerusi Majlis, telah menjelaskan tentang peri

pentingnya bengkel tersebut diadakan sebagai wadah informasi yang mendedahkan pelajar tahun 3 FEKIm untuk membuat persediaan awal bagi menjalani Kursus Wajib Fakulti pada tahun 4 pengajian, iaitu kursus Entrepreneurship Project yang diperkasakan oleh BIBD. Menurutny lagi, keterlibatan BIBD secara langsung dalam menyediakan dana bagi kursus wajib tersebut menunjukkan bahawa BIBD bukan sahaja merupakan sebuah bank Islam yang mementingkan hal-hal kewangan semata, tetapi juga memainkan peranan yang sangat signifikan dalam sama-sama membangun ummah yang berpendidikan dan berkemahiran.

Untuk memberikan galakan yang berterusan kepada para graduan agar terus bergiat aktif dalam bidang keusahawanan yang telah mereka jalani pada tahun akhir pengajian di FEKIm UNISSA, maka buat julung-julung kalinya Anugerah Projek Keusahawanan Terbaik diperkenalkan.

Dekan FEKIm UNISSA telah mengumumkan kumpulan FeteDeko sebagai penerima Anugerah Projek Keusahawanan Terbaik FEKIm UNISSA bagi sesi akademik 2018/2019. Penyampaian anugerah telah disempurnakan oleh Tetamu Kehormat Majlis dan Jemputan Khas dari BIBD. FeteDeko menawarkan perkhidmatan menghias majlis keramaian yang berkonsepkan Islam dengan reka bentuk yang asli. Kumpulan ini membawa pulang Geran Modal Keusahawanan bernilai \$1,000.00 tunai, sebuah Piala Pusingan berserta Piala Iringan dan Sijil Kecemerlangan.





# Tingkatkan Kefahaman PENYEMBELIHAN HAIWAN



Ke arah meningkatkan kesedaran kefahaman dalam pengurusan dan penyembelihan haiwan di kalangan masyarakat umum, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat (PKPSH) dengan kerjasama Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban (PPHT) mengadakan satu Bengkel Kebajikan Haiwan dan Penyembelihan.

Seramai 24 peserta terdiri daripada para cendekiawan dan penasihat syariah, pengamal industri makanan, ahli akademik dan individu persendirian ikut serta dalam bengkel tersebut yang diadakan pada 5 Zulhijjah 1440 bersamaan 6 Ogos 2019.

Bengkel diadakan di Golden Chicks Abattoirs Sdn. Bhd., Kampung Pangkalan Batu di mana para peserta telah ditunjuk ajar secara praktikal penyembelihan yang betul dan pemprosesan daging-daging yang telah disembelih selaras dengan Syariah Islam.

Taklimat mengenai latar belakang Golden Chicks Abattoirs Sdn. Bhd., disampaikan oleh Pengurus Kilang Golden Chicks Abattoirs Sdn. Bhd., Aviandri Setiawan. Pengetahuan dan pemahaman dalam pengendalian haiwan adalah amat mustahak demi menjamin kehalalan dan juga kesuciannya.

Fokus terhadap konsep Thayyiban perlu diberi penekanan kepada peserta bengkel supaya pengurusan ladang dan proses penyembelihan itu selaras dengan undang-undang syariah dan selaras dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan negara ini sebagai negara yang berpotensi untuk menjadi sebuah negara hab pilihan dan produk halal global.

Hadir pada bengkel tersebut dan seterusnya menyampaikan cenderahati dan sijil kepada peserta serta fasilitator ialah Timbalan Pengarah PKPSH, UNISSA, Dr Hajah Rafidah binti Haji Abdullah. Sementara itu, pemudah cara bengkel ini ialah Pensyarah PPHT UNISSA, Dr Zeiad Amjad Abdulrazzak Aghwan.

Bengkel ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang kebajikan haiwan sebelum dan semasa penyembelihan serta menjelaskan perbezaan antara penyembelihan halal pra-penyembelihan dan tradisional, serta untuk menyerlahkan konsep Thayyiban.

## Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban UNISSA KENDALIKAN BENGKEL KEPIMPINAN

Universiti Islam Sultan Sharif Ali melalui Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban (PPHT) buat pertama kalinya mengendalikan bengkel kepimpinan bagi persatuan pelajar yang bernaung dibawah Pusat tersebut pada 28 Muharram 1441 bersamaan 28 September 2019. Bengkel dikendalikan oleh Prof Madya Dr Nurdeng Deuraseh, Pengarah PPHT dan Raihana Mohd Raffi, Felo Penyelidik PPHT sebagai fasilitator bersama. Seramai 10 orang ahli persatuan pelajar halal sains dari Halalan Thayyiban Student Society, UNISSA telah mengikuti bengkel kepimpinan yang bertemakan "*Wisdom Leadership*". Objektif utama program ini adalah untuk memahami peranan dan cabaran semasa serta tanggungjawab sebagai pemimpin dalam menerajui persatuan pelajar. Program ini membolehkan pelajar untuk menanam sikap berintegriti, semangat dan budaya kerja berpasukan.



# Meningkap Kelebihan Al-Qur'an MELALUI PERSPEKTIF NEURO SAINS KOGNITIF

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Usuluddin telah mengadakan satu pembentangan ilmiah mengenai hubungan gelombang otak dengan al-Qur'an iaitu ketika membaca dan mendengarkan ayat-ayatnya. Pembentangan tersebut telah diadakan pada 28 Muharram 1441 bersamaan 28 September 2019 di Bilik Bankuet, UNISSA. Pembentangan ini adalah hasil penyelidikan Yang Berbahagia Profesor Madya Dr Norsiah Fauzan daripada Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Antara yang menarik dalam penyelidikan yang dikongsikan beliau ialah hubungkait antara neurosains kognitif dengan ayat-ayat al-Qur'an yang boleh dijadikan terapi merawat berbagai penyakit yang berkaitan dengan otak seperti tekanan mahupun penyakit Alzheimers. Penyelidikan ini telah merekodkan perbezaan gelombang dalam otak ketika



membaca dan mendengar surah-surah atau *zikrullah*. Beliau menggunakan sistem antarabangsa 10-20 menggunakan 19 qEEG Mitsar bagi mendapatkan tindak balas ketika diperdengarkan bacaan ayat-ayat al-Qur'an. Beliau turut memberikan contoh dengan menggunakan hasil keputusan analisis daripada surah *Taha* ayat 1 hingga 9 dan mendetilkan penemuan gelombang otak apabila dibacakan ayat berkenaan kepada seseorang. Pembentangan yang diselajurkan dengan sesi soal jawab dan perbincangan lanjut mengenai kajian yang boleh dilaksanakan secara berkolaborasi dihadiri kira-kira 50 orang yang terdiri daripada para tenaga akademik, para pelajar pasca siswazah, pelajar prasiswazah dan pegawai kaunselor UNISSA. Majlis diakhiri dengan penyampaian cenderahati kepada pembentang dan rombongan.

## Mini Colloquium: ISLAMIC MANAGEMENT, DEVELOPMENT AND CIVILIZATION



Universiti Islam Sultan Sharif Ali through Faculty of Islamic Development Management has held a Mini Colloquium on 23 safar 1441 corresponding to 24 October 2019 located at Banquet room, UNISSA.

This Mini Colloquium was delivered by two speakers. Dr Ahmad Faosiy Ogunbado as a first presenter with his presentation entitled "Islam in Africa" and continued by Madam Liza Mariah binti Haji Azahari as a second presenter with delivering her presentation entitled "Cross Culture Management: A Case Study of African Culture in Brunei Darussalam".

Present as guest of honor at the Mini Colloquium was Dr Shahrul Nizam bin Salahudin, Dean of Faculty of Islamic Development Management, UNISSA and Ustaz Muhammed Sahrin bin Haji Masri, Deputy Dean of Faculty of Islamic Development Management, UNISSA also present respected lectures and students.

This event has been chaired by Mohammad Redhuan Solehin bin Abdullah Deris, a student from the Faculty of Islamic Development Management itself.

Among the objectives of the event is to make the listener more exposed to the current issues in the development of Islam both in our own country and abroad as in Africa.

## Kuliah Umum PERKEMBANGAN KURIKULUM PENDIDIKAN ISLAM UNTUK MENDEPANI REVOLUSI 4.0



Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), melalui Fakulti Usuluddin telah mengadakan kuliah Umum pada 2 Rabiulawal 1441 bersamaan dengan 30 Oktober 2019 bertempat di Bilik Banquet. Kuliah tersebut telah disampaikan oleh Puan Aisah Mat Dan, Pensyarah dan Penyelaras Program Diploma Pendidikan Pengajian Islam serta Penasihat Kelab Mahasiswa Pengajian Islam, Universiti Selangor Malaysia (UNISEL). Seramai 21 orang pelajar daripada UNISEL yang sedang menjalani program *International Exchange Student* turut menghadiri Kuliah Umum tersebut termasuk beberapa orang pensyarah dan pelajar UNISSA. Di akhir acara, Dr Hajah Lilly Suzana binti Haji Shamsu, Dekan Fakulti Usuluddin berkenan menyampaikan cenderahati kepada Puan Aisah Mat Dan, Penyampai Kuliah Umum.

## MESYUARAT PEGAWAI-PEGAWAI KANAN (SOM) MABIMS KALI KE-44

Perwakilan Negara Brunei Darussalam telah berlepas meninggalkan negara bagi menghadiri Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan (SOM) MABIMS Kali Ke-44 dengan tema "Masyarakat Gemilang Pembawa Rahmat" yang diadakan pada 14-17 Rabiulawal 1441 bersamaan dengan 11-14 November 2019 di Marina Mandarin Hotel, Republik Singapura.

Perwakilan negara diketuai oleh Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof, Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama selaku Ketua SOM MABIMS Negara Brunei Darussalam.

Turut serta dalam rombongan ialah Yang Mulia Awang Haji Mohd. Albi bin Haji Ibrahim, Ketua Bahagian Antarabangsa dan MABIMS, Kementerian Hal Ehwal Ugama yang juga selaku Ketua Sekretariat MABIMS Brunei; Dayang Hajah Omi Kalsum binti Haji Mohd Noor, Ketua Unit Muraqib, Pejabat Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama. Yang Mulia Awang Haji Nor Yusof 'Ain bin Haji Mohd Noor, pegawai di Sekretariat MABIMS Brunei dan Dr Dayang Hajah



Umami Faizah binti Haji Abdul Rahman, Pensyarah di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) yang juga Pengasas dan Mentor kumpulan Syababul Iman, Masjid Sultan Sharif Ali Sengkurong.

## Forum Khas Kembara Melestarikan Itqan AL-MULUK BITA'DIL AS-SULUK (KALIMAT)



Program Kembara Melestarikan Itqan Al-Muluk Bita'dil as-Suluk (KALIMAT) yang diadakan saban tahun mengingatkan rakyat Terengganu tentang betapa pentingnya penemuan batu bersurat yang membuktikan kemajuan peradaban Islam di negeri Kuala Terengganu, Malaysia.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Insan, Dakwah dan Penerangan negeri, Mohd Nor Hamzah berkata, program itu juga bertujuan menggambarkan tentang kehebatan para ulama dan pemimpin negeri Terengganu yang telah menggubal satu undang-undang perlembagaan negeri bagi mendaulatkan Islam seawal 1911 M.

"Undang-undang yang dinamakan Itqan Al-Muluk Bita'dil as-Suluk ini digubal pada zaman Sultan Zainal Abidin ke-3 yang menunjukkan eratnya hubungan umara (pemimpin) dan ulama ketika itu.

"Sejarah turut merakamkan kebijaksanaan gabungan ini memastikan Kuala Terengganu, Malaysia terus sejahtera dan selamat daripada ideologi ciptaan barat," ucapnya sewaktu merasmikan Forum Multaqa Ulamak Nusantara.

Forum Khas Kembara Melestarikan Itqan Al-Muluk Bita'dil as-suluk (KALIMAT) telah diadakan pada hari Selasa bertarikh 15 Rabiulawal 1441 bersamaan dengan 12 November 2019 di Dewan Konvensyen, Taman Tamadun Islam (TTI).

Forum terbabit menampilkan Tokoh Ma'al Hijrah Terengganu, Dato' Seri Abdul Hadi Awang dan Timbalan Yang Dipertua Majlis Agama Islam Wilayah Fatani Bahagian Pelajaran, Ma'mun Daud turut juga sebagai panel forum berkenaan.

Manakala wakil panel jemputan dari Negara Brunei Darussalam iaitu Pengarah Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) iaitu Dr Haji Hambali bin Haji Jaili.

Program anjuran Jabatan Mufti Negeri Terengganu itu dihadiri lebih 300 peserta dari seluruh daerah.

Turut hadir ialah Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri (DUN), Dato' Yahaya Ali dan Mufti Terengganu, Sahibus Samahah Dato' Dr. Zulkify Muda serta pemimpin-pemimpin tempatan.

## DIRECTOR OF SPDO COMPLETED TRAINING



The Director of Strategic Planning and Development Office (SPDO), Dr Adam bin Haji Jait has completed The Executive Development Programme (EDP) 15/19 on Public Policy and Management for Senior Government Officials training for three months organised by Sultan Haji Hassanal Bolkiah Institute of Defence and Strategic Studies Ministry of Defence Brunei Darussalam in collaboration with Lee Kuan Yew of Public Policy National University of Singapore on 25 Zulhijjah 1440 until 9 Rabiulakhir 1441 corresponding to 26 August 2019 until 6 December 2019.

## UNIVERSITY-COMMUNITY ENGAGEMENT CONFERENCE

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) through the Centre for The Promotion of Knowledge and language (CPKL) attended the University-Community Engagement Conference on 7-8 Rabiulawal 1441 corresponding to 4-5 November 2019 at the Trindak dSeni, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. University-Community Engagement Conference is an annual collaboration conference organised by Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) & Universiti Sains Malaysia (USM)



on a rotational basis. This year, KUPU SB hosted the conference.

UNISSA presented two papers at the conference. Deputy Dean of Student Centre (HEP) Nurhafizatulhikmah binti Haji Seribini presented a paper on "*Snapshots of Service Learning in UNISSA*"; while Head of Industrial Training Unit Dr Hajah Halimaturradiah binti Dato Seri Setia Haji Metussin shared on "*Assessment of Industrial Training Experiences: A Study Case in UNISSA*".

# BENGGKEL FOKUS PENYELIDIKAN



Universiti Islam Sultan Sharif Ali melalui Pusat Penyelidikan dan Penerbitan, UNISSA telah menganjurkan Bengkel Fokus Penyelidikan yang diadakan pada 19 Jamadilakhir 1441 bersamaan dengan 13 Februari 2020 bertempat di Bilik Bankuet, Bangunan Pentadbiran UNISSA. Bengkel berkenaan telah dipengerusikan oleh Dr Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad, Timbalan Rektor UNISSA. Bengkel ini bertujuan untuk membincangkan mengenai fokus bidang penyelidikan (*Focus Research Areas*) fakulti dan pusat serta bidang-bidang penyelidikan yang signifikan kepada masyarakat, negara dan ummah. Bengkel dalam bentuk perkongsian ini diadakan untuk menjadi panduan bagi staf akademik UNISSA dalam mengenalpasti penyelidikan yang hendak dilaksanakan. Para peserta bengkel terdiri daripada staf akademik UNISSA iaitu Penolong Rektor UNISSA, dekan-dekan, pengarah-pengarah, dan timbalan-timbalan dekan dari setiap fakulti dan pusat.



## *Lecturer Exchange* PROGRAM MAGISTER MANAJEMEN PENDIDIKAN

Pada 14 hingga 20 Rabiulakhir 1441 bersamaan dengan 11 hingga 17 Disember 2019, Dr Adam bin Haji Jait, Pengarah Pejabat Perancangan dan Pembangunan Strategik, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah dijemput bagi menyampaikan "*Lecture Exchange Program Magister Manajemen Pendidikan*" di Universitas Mulawarman, Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan, Kota Samarinda, Kalimantan Timur, Indonesia.

## Bengkel Penyeliaan PENYELIDIKAN EFEKTIF



Penyelia memainkan peranan penting dalam membentuk calon Sarjana dan Kedoktoran yang mampu melahirkan sebuah penyelidikan yang berkualiti. Menyedari kepentingan ini, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Pengajian Siswazah (PPS) dengan kerjasama Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) telah mengadakan Bengkel Penyeliaan Penyelidikan Efektif pada 15 Jamadilawal 1441 bersamaan dengan 11 Januari 2020 bertempat di Bilik Latihan L1.3. Penganjuran bengkel ini memberi pendedahan kepada para peserta khususnya para penyarah mengenai peranan penyelia dan kualiti penyeliaan. Ia juga bertujuan untuk mengajar teknik kemahiran penyeliaan kepada tenaga akademik terutama yang baharu berkecimpung dalam dunia penyeliaan mahu pun yang baharu menamatkan pengajian PhD supaya dapat melaksanakan tugas penyelidikan dengan lebih berkesan. Fasilitator bagi bengkel tersebut iaitu Profesor Dr Haji Abdul Hafidz bin Haji Omar, Pengarah Kanan, Fakulti Biosciences dan Medical Engineering, Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

## UNISSA Anjur Retreat Tahunan



Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah mengadakan Retreat Tahunan pada 24 Muharram 1442 bersamaan dengan 12 September 2020 bertempat di Hotel Empire, Jerudong. Retreat berkenaan adalah dibawah kelolaan Pejabat Perancang dan Pembangunan Strategik (PPPS) melalui Unit Pelan Strategik bagi menilai tahap pencapaian Petunjuk Prestasi Utama atau Key Performance Indicator (KPI) UNISSA.

Majlis telah dihadiri oleh Pegawai-pegawai Utama UNISSA, terdiri daripada Dekan-dekan Fakulti, Pengarah -pengarah Pusat; dan Ketua-ketua Unit.

Pelan Strategik UNISSA (2019-2023) merupakan pelan jangka masa lima tahun, yang menetapkan hala tuju

perancangan, strategi pembangunan dan pelaksanaan untuk mencapai visi, untuk menjadi hab pengajian tinggi Islam di Asia juga misi UNISSA untuk melahirkan pemimpin bertakwa dan berwibawa yang menyumbang kepada pembangunan ummah melalui kecemerlangan akademik, penyelidikan dan khidmat masyarakat.

Pelan ini didukung oleh empat teras utama, iaitu Kecemerlangan pengajaran dan pembelajaran; Kecemerlangan penyelidikan dan penerbitan; Pengiktirafan di peringkat nasional dan antarabangsa; juga Prasarana dan urus tadbir yang mampan.

Sebanyak 78 KPI telah dibentangkan oleh Ketua dan Peneraju KPI dalam tiga sesi berasingan. Majlis diakhiri dengan penyampaian sijil-sijil kepada semua peserta.

# Taklimat Memfokuskan PERKEMBANGAN EKONOMI NEGARA



Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) mengadakan satu sesi taklimat bersama Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB), Kementerian Kewangan dan Ekonomi pada 7 Muharram 1442 bersamaan dengan 26 Ogos 2020.

Hadir semasa sesi taklimat berkenaan ialah Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal. Taklimat tersebut disampaikan oleh Penolong Ketua Pegawai Eksekutif BEDB, Awang Abdurrahman bin Abdul Aziz dan Pegawai Eksekutif BEDB, Dayang Samantha binti Haji Ali.

Antara tujuan taklimat diadakan adalah untuk memberi maklumat dan kefahaman dalam kalangan ahli akademik mengenai statistik dan perkembangan ekonomi negara yang terkini, di samping memberi peluang untuk berinteraksi dan mewujudkan perbincangan dua hala bagi isu-isu ekonomi yang dihadapi, yang memerlukan komitmen berterusan dari berbagai pihak.

Dalam sesi taklimat tersebut, wakil dari BEDB mengongsikan peranan organisasi itu dalam merealisasikan Wawasan Brunei 2035 yang ingin menjadikan Negara Brunei Darussalam (NBD)

sebagai sebuah negara yang berekonomi dinamik dan berdaya tahan, serta di antara 10 buah negara teratas dari segi Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Per Kapita. Perkara ini termasuk dalam tanggungjawab BEDB, di mana NBD dilihat sebagai destinasi pelaburan yang menarik bagi Pelaburan Langsung Asing (FDI).

Pada masa ini, BEDB berjaya menarik beberapa pelaburan asing dan yang terbesar setakat ini adalah bersama Hengyi Industries Sdn. Bhd. melalui Projek Muara Besar. Melalui FDI ini, secara tidak langsung menawarkan pekerjaan bagi anak-anak tempatan dan ini merupakan aspek yang penting dalam menangani masalah pengangguran yang menjadi salah satu isu utama di negara ini.

Dalam hal ini, BEDB juga mengalu-alukan kerjasama dan buah fikiran daripada ahli akademik dalam sama-sama membantu untuk meningkatkan ekonomi negara, selain tertumpu kepada minyak dan gas. Turut hadir pada sesi taklimat tersebut ialah Timbalan Rektor UNISSA; Penolong-penolong Rektor UNISSA; serta para Pegawai Utama UNISSA.



# Persiapan Diri Dalam DUNIA KEUSAHAWANAN

Seramai 58 orang pelajar Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah menyertai Bengkel Keusahawanan 2020 yang pada 15 Muharram 1442 bersamaan dengan 3 September 2020 bertempat di Dewan Auditorium, UNISSA.



Antara objektif bengkel adalah untuk meningkatkan kesedaran dalam diri pelajar mengenai kepentingan bekerja sendiri dan memilih bidang keusahawanan sebagai pilihan realistik mencari sumber rezeki yang halal dalam kehidupan.

Semasa bengkel itu, para peserta diberikan pendedahan tentang teknik mengembangkan idea perniagaan ke dalam pelan perniagaan yang bersistematik, berdaya saing serta cara-cara pengurusan kewangan, kos operasi, teori pengurusan dan pemasaran.

Bengkel telah dibimbing oleh Penasihat Perniagaan, Pengajian Tinggi, Program Keusahawanan dari LiveWIRE Sdn Bhd, Awang Afiq bin Muhammad.

Dua sesi ceramah umum juga diadakan sebagai pengisian bengkel iaitu Ceramah Umum Keusahawanan Islam bertajuk '*Peluang Saya*' yang disampaikan oleh Pengiran Redzuan bin Pengiran Haji Abbas dari LiveWIRE Sdn Bhd dan Ceramah Umum Kewangan Islam bertajuk '*Investment and Asset Classes*' yang disampaikan Pengarah Eksekutif Yasaar Advisory Services Sdn Bhd, Haji Aidil Bahrin bin Dato Seri Laila Jasa Haji Mohd Salleh.

Majlis penutup turut menyaksikan penandatanganan memorandum persefahaman (MoU) antara FEKIm UNISSA dengan LiveWIRE Sdn Bhd dan Yasaar Advisory Services (B) Sdn Bhd.

## 22 Sertai Program Bengkel Gerak Pantas TERJEMAHAN DAN PENYUNTINGAN

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Bahasa Arab (FBA) telah mengadakan Program Bengkel Gerak Pantas Terjemahan dan Penyuntingan pada 6 Safar 1442 bersamaan dengan 24 September 2020 selama tiga hari.

Program bertujuan untuk memberi peluang kepada para peserta mempelajari dan mempraktikkan teori juga teknik-teknik terjemahan yang efektif. Bengkel disampaikan oleh tiga fasilitator yang terdiri daripada tenaga akademik Fakulti Bahasa Arab, iaitu Profesor Dr Moustafa Mohammed Rizk Elsawahly, Profesor Madya Dr Muhammadul Bakir bin Yaakub dan Dr Muhamad Alif bin Haji Sismat. Program berkenaan telah disampaikan dalam tiga bahasa, iaitu bahasa Melayu, bahasa Arab dan bahasa Inggeris.

Inisiatif ini selaras dengan peranan Fakulti Bahasa Arab sebagai pusat bahasa dan terjemahan yang menitikberatkan juga memperkasa pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab juga bidang terjemahan. Seramai 22 peserta mengikuti bengkel ini, terdiri



daripada mahasiswa siswazah dan guru-guru sekolah Arab. Antara isi kandungan yang disampaikan di dalam bengkel berkenaan ialah mengajar dan mempraktikkan teknik-teknik dalam menterjemahkan pelbagai jenis teks, seperti teks sastera, agama, akademik dan media.

Di samping itu, para peserta turut berpeluang menggunakan program perisian terjemahan yang boleh memudahkan penterjemah dalam menghasilkan terjemahan yang cepat dan berkualiti, seiring dengan arus era digital juga kemajuan teknologi yang serba canggih.

# UNISSA Ungguli ANUGERAH



Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menerusi Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm) dan Negara Brunei Darussalam pada 26 Muharram 1442 bersamaan dengan 14 September 2020 telah melakar detik bersejarah apabila untuk kali kedua berturut-turut mengungguli Anugerah Global Islamic Finance Award 2020 (GIFA 2020) bagi Kategori GIFA Market Leadership Award 2020 (Education in Islamic Banking and Finance), mendahului tiga calon institusi lain di peringkat global.

GIFA adalah salah satu anugerah paling berprestij dan dihormati dalam dunia perbankan dan kewangan Islam global. GIFA dianugerahkan kepada kerajaan, institusi, dan individu yang telah menunjukkan pencapaian cemerlang dalam menyumbang kepada kemapanan bidang perbankan dan kewangan Islam sebagai sebuah sistem yang berdaya maju di arena global. Pada setiap tahun, Jawatankuasa Anugerah GIFA mengiktiraf institusi dan individu dari seluruh pelosok dunia atas sumbangan luar biasa mereka kepada pembangunan bidang tersebut.

Pencalonan FEKIm UNISSA dalam GIFA dari Cambridge International Finance Advisor (IFA) United Kingdom (UK), sebagai calon penerima Anugerah GIFA 2019 dan GIFA 2020 merupakan satu pengiktirafan besar industri global terhadap pencapaian fakulti tersebut dalam pembangunan dan pengembangan pengajian bidang perbankan dan kewangan Islam di persada global.

Kali pertama FEKIm UNISSA menerima Anugerah GIFA dalam kategori yang sama ialah pada 16

September 2019, bertempat di Cape Town, Afrika Selatan yang dihadiri sendiri oleh Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal dan Dekan FEKIm UNISSA, Dr Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani.

Pada tahun ini, penyampaian anugerah tersebut telah dilangsungkan dalam acara 10<sup>th</sup> GIFA Awards bertempat di Marriott Hotel, Islamabad, Republik Islam Pakistan. Hadir selaku Tetamu Kehormat dalam acara tersebut ialah Presiden Republik Islam Pakistan, Tuan Yang Terutama Dr. Arif ur-Rahman Alvi.

Memandangkan situasi global yang masih berhadapan dengan ancaman penularan pandemik COVID-19, UNISSA mengambil keputusan untuk tidak menghadiri majlis penganugerahan tersebut secara fizikal. Walau bagaimanapun, majlis penyampaian anugerah telah disiarkan secara langsung melalui platform media sosial seperti Facebook, YouTube dan laman sesawang GIFA.

Dekan FEKIm UNISSA, Dr Abdul Nasir menerusi Mesej Video GIFA 2020 yang ditayangkan secara virtual berharap dengan pencapaian cemerlang anugerah berprestij GIFA sebanyak dua kali berturut-turut ini akan memberikan dorongan dan semangat yang kuat kepada seluruh tenaga akademik FEKIm UNISSA untuk terus bersikap dinamik dan inovatif serta mempertingkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran menerusi platform pendidikan sekali gus dalam sama-sama berusaha mengembangkan dan memperkasakan peranan perbankan serta kewangan Islam dalam sistem kewangan global.



KECEMERLANGAN  
PENYELIDIKAN DAN  
PENERBITAN

# PENERIMA-PENERIMA GERAN PENYELIDIKAN UNISSA BAGI TAHUN 2019 / 2020

RECIPIENT  
----- OF THE -----  
**UNISSA RESEARCH GRANT**

*Title of the Research Grant:*  
**LEGAL & REGULATORY FRAMEWORK  
OF ISLAMIC FINANCE IN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**



**DR HAKIMAH BINTI YAACOB**  
(PRINCIPAL RESEARCHER)  
Faculty of Islamic Economics and Finance

AWARDED GRANT AMOUNT:  
**BND \$8,128.00**



RESEARCH DURATION:  
**01 JULY 2020 UNTIL 01 JULY 2022**

RECIPIENT  
----- OF THE -----  
**UNISSA RESEARCH GRANT**

*Title of the Research Grant:*  
**PROBABILITY OF SUSTAINABLE  
ECONOMIC GROWTH IN  
INDONESIA AND BRUNEI DARUSSALAM**  
*Collaboration with  
(Universiti Islam Bandung (UNISBA) Indonesia)*



**ASSOC. PROF. DR HAJAH ROSE BINTI ABDULLAH**  
(PRINCIPAL RESEARCHER)  
Faculty of Islamic Economics and Finance

AWARDED GRANT AMOUNT:  
**BND \$5,540.00**



RECIPIENT  
----- OF THE -----  
**UNISSA RESEARCH GRANT**

*Title of the Research Grant:*  
**ISLAMIC INTELLECTUAL THOUGHTS AND  
HERITAGE IN THE MALAY WORLD**  
*(Matching Grant with UBD)*



**ASSOC. PROF. DR ABDURRAHMAN RADEN AJI HAQIQI**  
(PRINCIPAL RESEARCHER)  
Faculty of Shariah and Law

*Researchers:*









**Dr. Hajah Sri Rahayu @ Nurjanah binti Haji Dollah**  
**Dr. Hajah Masuriyati binti Haji Yahya**  
**Dr. Hajah Rasimah binti Haji Akim**  
**Dr. Hajah Sarimah binti Haji Yahya**  
**Dr. Artini binti Haji Timbang**  
Faculty of Usuluddin

**Dr. Achmad Yani\***  
Faculty of Arabic Language

**Dr. Mariam binti Abdul Rahman**  
Centre for Promotion  
of Knowledge and Language

AWARDED GRANT AMOUNT:  
**BND \$ 6000.00**

RECIPIENTS  
----- OF THE -----  
**UNISSA RESEARCH GRANT**

*Title of the Research Grant:*  
**LEGAL AND POLICY FRAMEWORKS  
FOR CHILD RIGHTS PROTECTION  
IN BRUNEI DARUSSALAM**






**PROF. DR NEHALUDDIN AHMAD**  
(PRINCIPAL RESEARCHER)  
Faculty of Shariah and Law

*Researchers:*  
**Assoc. Prof. Dr. Hajah Rose binti Abdullah**  
Faculty of Islamic Economics and Finance

**Dr. Lilly Suzana Hj Samsu**  
Faculty of Usuluddin

**Siti Nurasmah binti Haji Damit**  
Faculty of Shariah and Law

AWARDED GRANT AMOUNT:  
**BND \$15,134.50**

RESEARCH DURATION:  
**8 JUNE 2020 UNTIL 7 AUGUST 2021**



# PENERIMA-PENERIMA GERAN PENYELIDIKAN UNISSA BAGI TAHUN 2019 / 2020

RECIPIENTS  
----- OF THE -----  
**UNISSA RESEARCH GRANT**

*Title of the Research Grant:*  
**KAJIAN RINTIS AL-JALALLAH DALAM  
PERTANIAN: APLIKASI PENGGUNAAN  
BAJA FERTIGASI, AIR DAN BAHAN KIMIA**







*Researchers:*  
**PENGIRAN DR HAJAH NORKHAIRIAH  
BINTI PENGIRAN HAJI HASHIM  
(PRINCIPAL RESEARCHER)  
Halalan Thayyiban Research Centre**

**Dr Mohd Shahril bin Ahmad Razimi  
Dr Tabqifah Salihah binti Haji Mohd Salleh  
Hajah Norliza binti DSS Haji Mahalle  
Nor Surilawana binti Haji Sulaiman  
(Halalan Thayyiban Research Centre)**

**AWARDED GRANT AMOUNT:  
BND \$4,211.00**

**RESEARCH DURATION:  
14 APRIL 2020 UNTIL 30 SEPTEMBER 2020**



RECIPIENT  
----- OF THE -----  
**UNISSA RESEARCH GRANT**

*Title of the Research Grant:*  
**PERSEPSI DAN SIKAP PENERIMA ZAKAT DALAM  
KALANGAN FAKIR MISKIN DI NEGARA BRUNEI  
DARUSSALAM**



**DR HAJAH MAS NOORAINI BINTI HAJI MOHIDDIN  
(PRINCIPAL RESEARCHER)  
Faculty of Shariah and Law**




*Researchers:*  
**Dr Nurul Huda binti PDSMDSU Haji  
Awang Ismail  
Faculty of Shariah and Law**

**Dr Nurzakiah binti Haji Ramlee  
Faculty of Shariah and Law**

**AWARDED GRANT AMOUNT:  
BND \$2,662.70**



RECIPIENTS  
----- OF THE -----  
**UNISSA RESEARCH GRANT**

*Title of the Research Grant:*  
**FINANCIAL RELIEF UNDER COVID-19  
PANDEMIC: MEASURES & APPROACHES**








*Researchers:*  
**DR HAKIMAH BINTI YAACOB  
(PRINCIPAL RESEARCHER)  
Faculty of Islamic Economics and Finance**

**Dr Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani  
Dr Muhammad Zaki bin Haji Zaini / Jainoh  
Hajah Norliza binti Dato Haji Mahalle  
Hajah Nur Anissa binti Haji Sarbinj  
Hajah Nabilah binti Haji Mohd Ali  
(Faculty of Islamic Economics and Finance)**

**AWARDED GRANT AMOUNT:  
BND \$5,278.00**

**RESEARCH DURATION:  
01 JULY 2020 UNTIL 31 DECEMBER 2020**



RECIPIENT  
----- OF THE -----  
**UNISSA RESEARCH GRANT**

*Title of the Research Grant:*  
**KEFAHAMAN MASYARAKAT TERHADAP ZAKAT PERHILASAN:  
KAJIAN DALAM KALANGAN KAKITANGAN AWAM WANITA  
DI BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**



**Assoc. Prof. Dr Ibnor Azli Ibrahim  
(PRINCIPAL RESEARCHER)  
Faculty of Shariah and Law**





*Researchers:*  
**Dr Nurzakiah binti Haji Ramlee,  
Siti Nurasmah binti Haji Damit and Dr Cecep Soleh Kurniawan  
Faculty of Shariah and Law**

**AWARDED GRANT AMOUNT:  
BND \$3,547.50**

**RESEARCH DURATION:  
30 JULY 2020 UNTIL 28 JULY 2022**



# PENERIMA-PENERIMA GERAN PENYELIDIKAN UNISSA BAGI TAHUN 2019 / 2020

RECIPIENT  
----- OF THE -----  
**UNISSA RESEARCH GRANT**  
*Title of the Research Grant:*

**3D VIRTUAL REALITY HAJ FITNESS  
SIMULATION FOR MONITORING  
HAJI PILGRIMS' FATIGUE LEVEL**

MATCHING GRANT :  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM) &  
UNIVERSITI PAHANG (UMP)

 **Dr Dayang Hajah Tiawa binti Awang  
Haji Hamid  
(PRINCIPAL RESEARCHER)**  
*Centre for Promotion of Knowledge and Language*

*Researcher:*  
**Dr Hajah Hanan binti Pehin Datu Seri  
Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr)  
Ustaz Haji Awang Abdul Aziz**

**AWARDED GRANT AMOUNT:**  
**BND\$ 19,418.89**

**RESEARCH DURATION:**  
**17 SEPTEMBER 2020 UNTIL 16 SEPTEMBER 2022**



RECIPIENTS  
----- OF THE -----  
**UNISSA RESEARCH GRANT**  
*Title of the Research Grant:*

**KEBERKESANAN PROSES PENSIJILAN HALAL  
MENURUT PERSPEKTIF MASYARAKAT  
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

 **PENGERAN DR HAJAH NORKHAIRIAH  
BINTI PENERAN HAJI HASHIM  
(PRINCIPAL RESEARCHER)**  
*Halalan Thbayyiban Research Centre*

 **Dr Tahqifah Sallihah binti Haji Mohd Salleh**  
 **Hajah Norliza binti DSS Haji Mahalle**  
*(Halalan Thbayyiban Research Centre)*

 **Nor Surilawana binti Haji Sulaiman**  
 **Raihana binti Mohd Raffi**  
*(Halalan Thbayyiban Research Centre)*

**AWARDED GRANT AMOUNT:**  
**BND \$4,985.00**

**RESEARCH DURATION:**  
**19 AUGUST 2020 UNTIL 18 AUGUST 2021**



RECIPIENT  
----- OF THE -----  
**UNISSA RESEARCH GRANT**  
*Title of the Research Grant:*

**MEMBANGUNKAN PENGGUNAAN KAEDAH FAHAM  
SIYAQ AL-QURAN UNTUK PENGUKUHAN HAFAZAN**

 **DR MUHAMMAD ZAKIR BIN HUSAIN  
(PRINCIPAL RESEARCHER)**  
*Faculty of Usuluddin*

 **Dr Ahmad Baha bin Mokhtar**  
 **Dr Ismail bin Abdullah**  
 **Dr Hajah Sarinah binti Haji Yahya**  
 **Yusfariza binti Yussof**  
*(Faculty of Usuluddin)*

**AWARDED GRANT AMOUNT:**  
**BND \$3,144.00**

**RESEARCH DURATION:**  
**19 AUGUST 2020 UNTIL 18 AUGUST 2021**





# PROGRAM PEMBANGUNAN

## UNISSA Terima PENGIKTIRAFAN ISO 9001:2015



Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pejabat Perancangan dan Pengurusan Strategik telah mengadakan Majlis Penyampaian Sijil Pengiktirafan ISO 9001:2015 pada 23 Zulhijjah 1440 bersamaan 24 Ogos 2019 bertempat di Horizon Seafood Restaurant, Bandar Seri Begawan.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Semasa berucap pada majlis tersebut, beliau antara lain menyatakan bahawa anugerah pengiktirafan pengurusan kualiti seperti ini adalah merupakan satu '*milestone*' UNISSA untuk bergerak lebih cemerlang terutamanya dalam aspek penawaran pengajian Islam dan penyelidikan di peringkat universiti.

Sistem Pengurusan Kualiti memberikan keperluan untuk sesebuah organisasi bergerak dengan teratur dan terancang dalam menguruskan proses yang tidak menjejaskan kualiti perkhidmatan.

Turut hadir pada acara tersebut ialah Pegawai-pegawai Utama, Pegawai-pegawai Kanan, pegawai-pegawai serta para '*focal person*' yang dilantik.

Acara diakhiri dengan penyerahan Rasmi Pensijilan ISO 9001:2015 kepada Rektor UNISSA yang disampaikan oleh Certification Manager Bureau Veritas, Tuan Ram M. Desai. Penganugerahan sijil ini merupakan satu pengiktirafan yang signifikan ke arah pemangkin pengurusan yang lebih cemerlang.



## A Programme To Develop STRONG LEADERS WAS LAUNCHED



The Public Service Department (JPA) believes that Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), as a unique Islamic university in the Sultanate, will be able to explore the concept of leadership from an Islamic perspective and how to balance Islamic leadership with conventional learning and development.

This would be in line with what has been emphasised by His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam through the Malay Islamic Monarchy (MIB) philosophy and in realising the aspiration of turning Brunei into a *Zikir* Nation.

These comments were made by Acting Director -General of Public Service cum guest of honour Dr Norfarizal bin Othman during the opening of the 28<sup>th</sup> Executive Development Programme for Middle Management Officers (EDPMMO) on 3 Muharram 1441 corresponding to 3 September 2019 held at Auditorium UNISSA.

"It is JPA's hope that all participants will be able to take advantage of this programme by providing their full commitment and attention, including in the aspect of disciplines - especially attendance, social etiquette, positive attitude in learning and responsibility to meet the needs of the programmes as a whole," he said.

Dr Norfarizal advised participants to take the internship opportunity at government agencies with an open-minded attitude, curiosity and to

work together to figure out the best ways to enhance work productivity at organisations.

He added, "Community projects are also important. Take it as an opportunity to help serve the community sincerely as the project aims to build a sense of identity and self-esteem, fostering commitment. Work together to prove that we are all concerned about the welfare and needs of people in this country."

The 28<sup>th</sup> EDPMMO is held for three months in collaboration with UNISSA, which has been given the responsibility to prepare and execute the programmes in accordance with the Civil Service Leadership Pipeline (CSLP) Model, established to uphold Brunei Vision 2035 through the Institutional Development Strategy.

Thirty middle management officers from several ministries have been selected to participate in the leadership development programme to improve their capacity to that of higher management level, improve their intellectual ability and interpersonal skills.

The modules cover areas including strategic, quality and added value management; Islamic economics and finance; Syariah law; history and civilisation; networking; Islamic development management; world trade; technology and marketing.

The programme aims to develop leadership traits to take organisations' to greater heights as well as develop team-working abilities, effective listening skills and supporting behaviour, among others.

## HARI TERBUKA BAHASA ARAB



Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Bahasa Arab (FBA) telah mengadakan Hari Terbuka FBA pada 26 Muharram 1441 bersamaan 26 September 2019 bagi tujuan memberigakan program-program akademik serta aktiviti pelajar. Acara ini juga diadakan bagi mengeratkan hubungan silaturrahim sesama pelajar dari pelbagai fakulti dan juga antara warga akademik UNISSA. Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, Rektor UNISSA.

Dalam Majlis tersebut, Tetamu Kehormat Majlis juga berkesudian melancarkan laporan tahunan Fakulti Bahasa Arab 2015-Ogos 2019, *handbook* fakulti sesi pengajian 2019-2020, Program *Mentorship*, Badan Pelajar Fakulti Bahasa Arab dan kelab- kelab Bahasa Arab.

Menurut Profesor Madya Dr Siti Sara binti Haji Ahmad, Dekan FBA, program ini adalah merupakan program julung-julung kalinya diadakan dan akan menjadi acara tahunan fakulti. Pemberiigan ini bukan sahaja tertumpu kepada warga pelajar UNISSA, bahkan akan dilaratkan kepada semua sekolah-sekolah Arab di Negara Brunei Darussalam memandangkan mereka merupakan *feeder* utama bagi Fakulti Bahasa Arab.

# Brunei's 1<sup>st</sup> International Humanitarian Law: MOOT COURT AND MINI ROLEPLAY COMPETITION

Asian Law Students' Association Brunei (ALSA Brunei) and *Shari'ah* & Law Students Society (Shalawsoc) organized a two days event on 9-10 Muharram 1441 corresponding to 9-10 September 2019 for the 1<sup>st</sup> International Humanitarian Law: Moot Court and Mini Roleplay Competition with the theme, "Even Wars Have Limit" in collaboration with International Committee of Red Cross (ICRC) at Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA). The winner of the competition will represent Brunei Darussalam in the Annual Regional Moot Court Competition which will be held in Hong Kong in March 2020.

The guest of honor was Dr Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad, Deputy Rector of UNISSA. Judges of the competition included legal practitioners in Brunei and representatives from ICRC. Legal practitioners in Brunei namely, Mr Roy Prabhakaran and Miss Nabilah Abidin of Yusof Halim & Partners, Puan Syarifah Sarinah binti Wan Ibrahim, ex-legal officer of Attorney General's Chambers, Professor Nehaluddin Ahmad of UNISSA acted in the competition as judges. Meanwhile, Mr Zurab Burduli, the Deputy Head of Regional Delegation

of ICRC Kuala Lumpur along with Miss Amirah Hamidon, Legal Advisor of ICRC and 2 ICRC Legal interns Kuhan Pillai and Akmal Faiq were also acted as judges for the competition.

A total of six groups comprising of 18 law students from UNISSA participated in the competition. Group 101 consisting of Arif Azhan bin Awang Besar, Amal Nabilah binti Haji Kasah and Adi Iskandar Safwan bin Zuliskandar emerged as Champion of the 1<sup>st</sup> International Humanitarian Law: Moot Court and Mini Roleplay Competition. 1st Runner Up was awarded to Group 103 consisting of Mohd Najihuddin bin Nooralizam, Ak Md Syair Amin bin Pg Shahril Annuar and Hahirah A'yuni binti Haminuddin. Group 101 and Group 103 also secured the Best Memorial: Prosecution and Best Memorial: Defence respectively while, Ak Md Syair Amin bin Pg Shahril Annuar was awarded the Best Mooter of the competition.

Ultimately, the competition was held to enhance advocacy skills of law students in Brunei and to expose law students in Brunei to different legal fields.



## MAJLIS PENUTUP EDPMMO KALI KE-28



Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mengadakan Majlis Penutup Program Pembangunan Eksekutif bagi Pegawai-Pegawai Pengurusan Pertengahan (EDPMMO) kali ke-28 pada 26 Rabiulawal 1441 bersamaan 23 November 2019.

Tetamu Kehormat majlis ialah Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, Rektor UNISSA dan seterusnya menyampaikan ucapan. Dalam ucapan, beliau telah menyentuh tentang antara ciri-ciri kepimpinan dalam Islam yang perlu ada iaitu sifat taqwa, bermesyuarat, bersifat adil dan bersifat amanah. Mempraktikkan ciri-ciri kepimpinan Islam begini, para pemimpin yang telah dipertanggungjawabkan dalam satu-satu organisasi akan dapat melaksanakan amanat dan tugas yang diberikan dengan lebih cemerlang.

Rektor UNISSA berharap semoga para peserta akan menjadi pemimpin yang cemerlang, berintegritas dan mendokong nilai-nilai murni Islam dan akan dapat menerapkan serta mengaplikasikan ilmu yang diperolehi untuk sama-sama mengemblem tenaga dan minda bagi mencapai visi, matlamat dan objektif organisasi masing-masing bagi mencapai Wawasan Brunei 2035.

Turut hadir ialah Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Dr Norfarizal bin Othman.

Dalam majlis tersebut, para peserta telah menyaksikan tayangan video klip aktiviti-aktiviti di sepanjang program dijalankan dan seterusnya mendengarkan ucapan daripada wakil EDPMMO-28 UNISSA, Pengiran Haji Mashor bin Pengiran Haji Ibrahim.

Program EDPMMO ini merupakan program latihan dan pembangunan yang inovatif untuk pegawai-pegawai pengurusan pertengahan dalam perkhidmatan awam. EDPMMO kali ke-28 ini telah berjalan selama tiga bulan dengan kerjasama pihak UNISSA dan JPA yang buat julung kalinya telah diberikan tanggungjawab untuk menyediakan dan melaksanakan program ini selaras dengan Model *Civil Service Leadership Pipeline* (CSLP).

Antara objektif program ini adalah untuk membangunkan ciri-ciri kepimpinan dalam kalangan para peserta untuk membantu meningkatkan hala tuju organisasi di samping untuk membangunkan keupayaan untuk bekerja secara berpasukan dan berkumpul, sekaligus menanamkan sifat saling menyokong di antara satu dengan yang lain.

Pelbagai modul yang mencakupi pelbagai spektrum pembangunan ditawarkan, yang meliputi bidang-bidang seperti Strategik, Kualiti dan Penambahan Nilai Pengurusan, Ekonomi dan Kewangan Islam, Undang-Undang Syariah, Sejarah & Tamadun, Rangkaian, Pengurusan Pembangunan Islam, Perdagangan Dunia, Teknologi dan Pemasaran.

## 4 Buah Universiti Negara Bergabung Menyerahkan SUMBANGAN DERMA KEPADA LEARNING LADDERS SOCIETY



Pada 8 Rabiulakhir 1441 bersamaan dengan 5 Disember 2019, Learning Ladders Society telah menerima sumbangan dari hasil kutipan derma berjumlah BND3,587 daripada Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Universiti Teknologi Brunei (UTB) dan Kolej Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) melalui Kayuhan Amal Varsity Cycle 6.0 pada 22 September 2019 yang diadakan bersempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-73, Tahun 2019 selaku Canselor UBD, UNISSA, UTB dan KUPU SB. Learning Leaders Society merupakan pertubuhan bukan keuntungan bagi kanak-kanak yang mengalami Autism Spectrum Disorder (ASD). Semoga Allah memberkati dan memudahkan urusan persatuan yang berkebakikan ini.

## UNISSA SERTAI EKSPLO PENGAJIAN TINGGI 2020



Universiti Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah menyertai EKSPLO Pengajian Tinggi 2020 yang diadakan pada 14-13 Jamadilakhir 1441 bersamaan 8-9 Februari 2020 bertempat di Dewan Bridex, Jerudong. Ia merupakan acara tahunan anjuran Kementerian Pendidikan dengan kerjasama institusi-institusi pengajian tinggi awam dan swasta sebagai platform kepada bakal-bakal pelajar untuk mendapatkan maklumat

mengenai peluang-peluang meneruskan pengajian akademik mereka ke tahap yang lebih tinggi. Dengan adanya peluang ini bakal-bakal pelajar akan dapat menerokai program-program akademik yang ditawarkan oleh UNISSA melalui konsultasi bersama pensyarah-pensyarah akademik dari beberapa fakulti dan pusat-pusat di UNISSA yang menawarkan pelbagai program tertentu. Dalam EKSPLO ini, UNISSA telah mempromosikan program-program pengajian Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah serta Diploma. Tawaran ini secara tidak langsung menarik perhatian pemohon pelajar antarabangsa untuk mengikuti pengajian di UNISSA. UNISSA juga turut menawarkan 'Program At-Tamayyuz' yang membolehkan para pelajar program sarjana muda untuk menjalani pengajian di tahun ke-3 mereka di beberapa universiti luar negeri, tertakluk pada syarat-syarat yang telah ditentukan.

## BENGGKEL PENGEMBANGAN KEMAHIRAN PENULISAN TESIS”

Bengkel Pengembangan Kemahiran Penulisan Tesis yang dianjurkan untuk pascasiswazah UNISSA merupakan lanjutan daripada usaha pendedahan kepada pelajar mengenai ilmu dan kaedah menyediakan penulisan ilmiah. Bengkel ini lebih memfokuskan ilmu secara praktikal sebagai pelengkap kepada ilmu teori yang telah dipelajari dalam bilik kuliah. Melalui perkongsian bengkel ini, pelajar pasca mampu memahami keperluan kemahiran dan metod penyelidikan dalam penulisan bahan ilmiah, sama ada dalam bentuk disertasi atau tesis, artikel jurnal mahu pun bab buku.

Dalam pengisian bengkel pengembangan ini, sebanyak 24 siri bengkel, kuliah atau kemahiran telah disusun dan dilaksanakan sepanjang tahun pengajian 2019 dengan tajuk atau tema berbeza. Pihak Pusat Pengajian Siswazah (PPS) telah mendapatkan kerjasama daripada pihak Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Pusat Teknologi Maklumat, serta perpustakaan UNISSA di samping ketua-ketua program pascasiswazah daripada fakulti dan pusat serta



**“Choosing Appropriate Research”** bersama **Dr Dayang Tiawa binti Haji Abdul Hamid, Penolong Profesor Kanan, PPIB** pada **24 Jamadilawal 1440 bersamaan dengan 30 Januari 2019** di **Bilik Latihan L1.3, UNISSA.**



**“Critical Literature Review”** bersama **Prof Madya Dr Naamane Djeghim, Timbalan Pengarah PPS** pada **11 Jamadilakhir 1440 bersamaan dengan 16 Februari 2019.** Di **Bilik Mesyuarat L1.2, UNISSA**

**PREPARATION FOR  
VIVA-VOCE  
WORKSHOP**

**FACILITATOR :**  
**DR AHMAD FAOSY OGUNBADO**

**19 OCTOBER 2019**  
**2:00PM - 4:00PM**  
**STUDENT AFFAIRS MEETING ROOM**

**“Penulisan Artikel dalam Jurnal Berimpak”** bersama **Prof Dr Salahuddin, Mod Shamsuddin Fakulti Bahasa Arab** pada **1 Jamadilawal 1441 bersamaan dengan 20 November 2019** di **Bilik Mesyuarat HEP, UNISSA.**



**“Penulisan Tesis Teknik Amazing Race”** bersama **Dr Adam bin Haji Jait, Pengarah PPIB** pada **13 Jamadilawal 1440 bersamaan dengan 19 Januari 2019 .**



**“Teknik Penulisan Kreatif”** bersama **Dr Zeiyad Abdurazzaq, Ketua Program Siswazah PPHT** pada **22 Jamadilakhir 1440 bersamaan dengan 27 Februari 2019.**

pakar undangan daripada institusi luar negara dalam aspek perkongsian ilmu, penglibatan fasilitator pakar mahu pun logistik dan pasrasana yang diperlukan.

Bengkel memfokuskan penyertaan daripada calon program pascasiswazah UNISSA dalam peringkat Ijazah Sarjana & PhD yang berada di peringkat permulaan, pertengahan dan akhir penulisan mereka. Di antara tajuk menarik yang telah dikongsi selaras dengan tahap penulisan pascasiswazah ialah *Database, Searching Skill, Penulisan Tesis/Disertasi Teknik ‘Amazing Race’, Methodology DDR, Referencing (Citation & Mendeley), Literature Review, Qualitative vs Quantitative* dan *Writing an academic Journal article.*

*Bengkel*  
**PENGEMBANGAN KEMAHIRAN  
PENULISAN TESIS 2019**  
*(REFERENCE -CITATION)*

**14 MEI 2019 (SELASA)** | **FASILITATOR**  
**Dr Ahmad Faosy Ogunbado**

**“Pengembangan kemahiran Penulisan Thesis”** bersama **Dr Ahmed Faosy Ogunbado** pada **9 Ramadhan 1440 bersamaan dengan 14 Mei 2019 .**



**“Theoretical & Conceptual Framework”** bersama **Prof Dr Haji Abdul Hafidz bin Haji Omar, UiTM Malaysia** pada **5 Rabiulawal 1441 bersamaan dengan 5 November 2019.**

## Sesi Kongsisama BIDANG PERTANIAN DAN PETERNAKAN



Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah bekerjasama dengan Universitas Islam Riau (UIR) dan Universitas Islam Malang (UNISMA) Indonesia dalam menganjurkan sesi kongsisama mengenai pertanian dan peternakan bersama pakar pertanian dan peternakan daripada UIR dan UNISMA. Sesi kongsisama ini telah diadakan selama dua hari pada 10-12 Jamadilakhir 1441 bersamaan dengan 4-6 Februari 2020. Sesi kongsisama ini diadakan seiring dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan sektor pertanian dan peternakan berkembang sebagai antara penyumbang utama ekonomi negara. Sesi kongsisama pertama telah diadakan bersama Pegawai-Pegawai Utama UNISSA. Antara yang hadir ialah Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, Rektor UNISSA. Pihak UIR diwakili oleh Prof. Dr Ir. H. Hassan Basri Jumin, M.Sc, Profesor di Fakulti Pertanian dan M. Nur, S.P., M.P., Sekretariat Program Agroteknologi, Fakultas Pertanian. Manakala, pihak UNISMA diwakili oleh Dr Ir. Nurhidayati, M.P - Dekan Fakulti Pertanian, dan Dr

Hajah Mudawamah, M.Si - Pensyarah Fakulti Peternakan. Sesi kongsisama kedua pula bersama dengan pengusaha-pengusaha pertanian dan peternakan tempatan, dan jabatan pertanian dan agrimakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Perlancongan. Seramai 32 peserta hadir pada sesi tersebut. Dalam sesi kongsisama ini, para peserta berpeluang untuk berkongsi pengalaman dan pendapat mereka dalam mengatasi permasalahan petani dan pengusaha, lebih-lebih lagi dalam melahirkan para belia yang berminat untuk menceburi bidang pertanian. Peserta-peserta juga berpeluang untuk mendapatkan nasihat-nasihat dan ilmu tentang pertanian dan peternakan. Selain daripada itu, panel-panel juga berkesempatan melawat beberapa buah syarikat pertanian tempatan di daerah Brunei-Muara dan Temburong di antaranya RZ Prisma Enterprise, Syarikat Mohammed Norfaidzal bin Haji Zainuddin & Anak-Anak, dan pengusaha padi Awang Padian. Lawatan ini dibuat bertujuan untuk melihat perkembangan-perkembangan dan potensi-potensi pertanian tempatan.

# HARI PENGHARGAAN PERPUSTAKAAN UNISSA



Dalam usaha menggalakkan penggunaan perpustakaan yang lebih konsisten, Perpustakaan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah mengadakan Hari Penghargaan Perpustakaan UNISSA pada 15 Rejab 1441 bersamaan dengan 10 Mac 2020.

Hari Penghargaan Perpustakaan ini adalah sebagai inisiatif untuk memberikan penghargaan kepada pelajar dan tenaga akademik yang banyak mengambil manfaat dengan kemudahan perpustakaan yang disediakan di samping menjadi contoh teladan serta galakkan kepada warga UNISSA yang lain. Hari Penghargaan ini juga diadakan untuk menarik lebih ramai pelajar dan tenaga akademik untuk mengunjungi Perpustakaan UNISSA, di samping mempromosikan koleksi dan perkhidmatan perpustakaan.

Hadir selaku tetamu kehormat Majlis Hari Penghargaan tersebut ialah Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal dan seterusnya menyampaikan Sijil Penghargaan kepada pensyarah dan pelajar yang bergiat aktif dalam penggunaan Perpustakaan.

Di antara pengisian Hari Penghargaan tersebut juga adalah jerayawara *Reciprocal Borrowing Scheme (RBS)* yang mempamerkan 12 buah perpustakaan Institusi Pengajian Tinggi di Negara Brunei Darussalam.

Majlis tersebut juga diteruskan dengan penyampaian penghargaan bagi kategori *Best Patron* tahun 2019 iaitu *Best Academician Patron* dan *Best Student Patron* (Peguna Terbaik kalangan staf akademik dan pelajar), *Best Social Media Supporter* tahun 2019, penyampaian sijil penghargaan kepada pewakaf buku ke perpustakaan UNISSA, penyampaian sijil kepada peserta Kelas Maklumat Literasi Perpustakaan UNISSA dan penyampian hadiah kepada pemenang Quiz Jerayawara RBS.

Hari Penghargaan turut dimeriahkan lagi dengan jualan dan pameran buku terbitan UNISSA dan jualan *merchandise* barangan UNISSA.

Hari Penghargaan tersebut juga bertujuan untuk menjadi satu tarikan supaya lebih ramai pelajar dan tenaga akademik datang ke Perpustakaan UNISSA dan secara tidak langsung mempromosikan koleksi dan perkhidmatan perpustakaan.





## Cipta Persekitaran BAHASA ARAB KONDUSIF



Seramai 112 orang pelajar universiti telah menyertai dan menerima sijil penyertaan Perkhemahan Bahasa Arab Serantau Kali Pertama pada Majlis Penghargaan Perkhemahan yang diadakan pada 11 Jamadilakhir 1441 bersamaan dengan 5 Februari 2020 bertempat di Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.

Perkhemahan yang dianjurkan oleh Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menerusi Fakulti Bahasa Arab dengan kerjasama Kedutaan Kesultanan Oman di Negara Brunei Darussalam itu membawa tema '*Bersama-sama Berinovasi dan Meningkatkan Kemahiran*'. Ia dihasratkan untuk menjadi sebuah platform kepada pelajar-pelajar daripada serantau untuk menciptakan persekitaran Bahasa Arab yang kondusif serta membuka ruang dan peluang kepada mereka untuk saling berinteraksi dengan menggunakan Bahasa Arab secara aktif.

Hadir untuk menyempurnakan penyampaian sijil penghargaan kepada para penaja bersama, tenaga akademik dan peserta perkhemahan ialah Setiausaha Tetap di Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dato Seri Setia Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof.

Turut hadir ialah Duta Besar Kesultanan Oman ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Sheikh Ahmed bin Hashil bin Rashid bin Al-Maskari; Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal; Dekan Fakulti Bahasa Arab UNISSA selaku Pengerusi Jawatankuasa Kerja Perkhemahan, Profesor Madya Dr Siti Sara binti Haji Ahmad; pegawai-pegawai utama UNISSA, wakil kedutaan negara-negara Arab ke Negara Brunei Darussalam serta wakil-wakil pusat pengajian tinggi dari dalam dan luar negara.

Perkhemahan itu disertai oleh pelajar-pelajar UNISSA, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB); Universiti Malaya (UM); Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM); Kolej Universiti Antarabangsa Selangor (KUIS); Universiti Putera Malaysia (UPM); Universiti Sains Islam Malaysia (USIM); Prince of Songkla University, Thailand; Mindanao State University, Filipina; Universitas Ahmad Dahlan, Indonesia dan UIN Maulana Malik Ibrahim Malang, Indonesia. Perkhemahan yang diadakan selama empat hari bermula 3 Februari 2020 itu telah diumumkan oleh Fakulti Bahasa Arab, UNISSA dan penglibatan dari tenaga-tenaga akademik daripada beberapa buah universiti luar yang mengikuti perkhemahan berkenaan.



## Bicara Khas daripada UNIVERSITI OSAKA, JEPUN



Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), melalui Fakulti Bahasa Arab (FBA) telah menganjurkan Bicara Khas yang bertajuk *“Teaching Arabic at Osaka University: Exploring Collaboration with a Variety of Disciplines in UNISSA”* yang disampaikan oleh Profesor Kumiko Kondo, Pengarah Pengajian Bahasa Arab, Universiti Osaka, Jepun pada 9 Rejab 1441 bersamaan dengan 4 Mac 2020 bertempat di Dewan Jubli, UNISSA. Hadir bersama beliau adalah Profesor Quamrul Hassan, Centre of Global Initiatives dari Universiti Osaka. Bicara Khas tersebut menyentuh sejarah pengajian bahasa Arab di Jepun. Ia juga membicarakan mengenai pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Jepun khususnya pengalaman dan cara pendekatan dalam mengajar bahasa Arab di Universiti Osaka. Program ini juga merupakan salah satu pengisian kunjungan wakil Universiti Osaka ke UNISSA yang mana antara objektif kunjungan ini ialah sebagai platform bagi mengenal dengan lebih dekat lagi pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di UNISSA, di samping membuka ruang dan peluang kepada kedua-dua institusi untuk meneroka bidang-bidang, program-program atau aktiviti-aktiviti yang dapat dilakukan secara kolaborasi. Turut hadir pada acara tersebut ialah Prof Madya Dr Siti Sara binti Haji Ahmad, Dekan FBA, Pengiran Dr Hajah Norkhairiah binti Pengiran Haji Hashim, Timbalan Pengarah Pusat Penyelidikan Halalan Tayyiban, tenaga akademik dan pelajar UNISSA.



## SUMBANGAN 3 BUAH UNIVERSITI

Berupa Cek Berjumlah BND\$16,386.50



Kementerian Kesihatan menerima sumbangan -sumbangan berupa cek yang mana adalah sebagai Tanggungjawab Sosial Korporat daripada pihak-pihak penderma dalam membantu pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, khususnya Kementerian Kesihatan dalam sama-sama menangani dan membendung penularan wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam telah diadakan 21 Ramadhan 1441 bersamaan dengan 14 Mei 2020.

Universiti Brunei Darussalam (UBD) telah menyumbangkan sebanyak BND \$10,000. Sumbangan berkenaan telah disampaikan oleh Naib Canselor UBD, Datin Dr Dayang Hajah Anita Binurul Zahrina binti Pehin Orang Kaya

Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz.

Universiti Teknologi Brunei (UTB) telah menyumbang sebanyak BND \$3,335.00. Sumbangan berkenaan telah disampaikan oleh Naib Canselor UTB, Profesor Dr Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah menyumbang berupa cek berjumlah BND3,051.50 yang telah disampaikan oleh Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Kesemua sumbangan tersebut diterima oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar bertempat di Bilik Tetamu VIP, Tingkat 3, Kementerian Kesihatan.

## STAF UNISSA TAMPIL SUKARELAWAN

Seramai 12 orang pegawai dan kakitangan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) tampil menjadi sukarelawan bagi memantau dan menjaga pelajar-pelajar daripada Kuala Lumpur, Malaysia yang telah kembali ke tanah air yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam bermula pada 17 Rejab 1441 hingga 19 Sya'ban 1441 bersamaan dengan 12 Mac 2020 hingga 13 April 2020.



# Sudut Buku UNISSA atau “UNISSA’s Book Corner” DI SEKOLAH PERINGKAT MENENGAH DAN TINGGI



Sumbangan buku kepada SUAMPRIPAHS dan SMALHB.

Dalam usaha untuk menyebarkan hasil-hasil penyelidikan dan penerbitan buku-buku ilmiah di Negara Brunei Darussalam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah mengambil inisiatif dengan menubuhkan Sudut Buku UNISSA atau UNISSA’s Book Corner di sekolah-sekolah menengah Arab terpilih di seluruh negara.

Usaha ini merupakan satu inisiatif UNISSA bagi mengongsikan bahan terbitan UNISSA untuk simpanan dan rujukan perpustakaan sekolah-sekolah menengah Arab. Ianya diharap akan dapat membantu kegiatan intelektual di kalangan pelajar dan tenaga pengajar di sekolah-sekolah menengah Arab.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya melancarkan UNISSA’s Book Corner ialah Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, Rektor UNISSA. Sumbangan buku-buku tersebut telah diserahkan oleh Rektor UNISSA kepada Ustazah Hajah Azizah binti Haji Mohamad, Pengetua Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (SUAMPRIPAHS) dan Ustazah Dayang Hajah Mariana binti Haji Jamil, Pemangku Pengetua Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah (SMALHB). Buku yang disumbangkan pada majlis tersebut merangkumi pelbagai tajuk dan disiplin ilmu termasuk pengajian Islam, undang-undang,

ekonomi, budaya, tamadun, pembelajaran bahasa Arab dan lain-lain jurusan yang diterbitkan dalam tiga bahasa iaitu Bahasa Arab, Melayu dan Inggeris.

Melalui UNISSA’s Book Corner ini, UNISSA telah menyumbangkan sebanyak 197 judul buku kepada SUAMPRIPAHS dan SMALHB.

Dalam ucapan alu-aluan, Rektor UNISSA mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas kesudian kedua buah sekolah berkenaan menerima sumbangan buku-buku tersebut untuk simpanan dan rujukan perpustakaan bagi memenuhi keperluan bahan rujukan ilmiah berkaitan pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, UNISSA’s Book Corner ini juga merupakan salah satu usaha UNISSA untuk mempromosi dan menjadikan buku-buku terbitan UNISSA sebagai bahan rujukan peringkat menengah dan tinggi.

UNISSA’s Book Corner juga telah dilaratkan di lain-lain sekolah yang terpilih, antara lainnya ialah Ma’had Islam Brunei, Sekolah Arab Rimba dan Institut Tahfiz Al-Qur’an Sultan Haji Hassanal Bolkiah, ianya adalah bertujuan untuk mendekatkan warga sekolah dengan bahan terbitan akademik, di samping menjadi platform untuk para ilmuan berkongsi hasil kajian dan penulisan mereka.



Penyampaian sumbangan buku kepada Institut Tahfiz Al-Qur’an Sultan Haji Hassanal Bolkiah,



Penyampaian sumbangan buku kepada Sekolah Arab Rimba.



Penyampaian sumbangan buku kepada Ma’had Islam Brunei, Tutong.

# UNISSA & Pusat Sejarah Brunei METERAI MOU



Kajian manuskrip dianggap satu bidang yang cukup mencabar dan sangat penting untuk dikaji serta dikongsikan bersama kerana manuskrip dianggap cermin masyarakat Melayu Islam sama ada ia dihasilkan oleh pendakwah Arab yang datang ke alam Melayu ataupun dihasilkan sendiri oleh ulama alam Melayu dahulu kala.

Penolong Rektor (Akademik) dan Dekan Fakulti Bahasa Arab (FBA), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Profesor Madya Dr Siti Sara binti Haji Ahmad berkata bahawa setiap yang berlaku di dalam sesebuah masyarakat dicatat, sama ada yang berkaitan dengan agama, ilmu, budaya, adat istiadat dan cara kehidupan.

"Catatan ini pula dijelmakan dalam bentuk syair, hikayat, puisi dan sebagainya. Jelas di sini, manuskrip mempunyai peranan besar bukan sahaja kepada pembangunan intelektual, bahkan juga pembangunan kerohanian dan ketamadunan," ujarnya pada Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) antara UNISSA dan Pusat Sejarah Brunei (PSB), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) yang diadakan pada 29 Muharram 1442 bersamaan dengan 17 September 2020 di Dewan Auditorium, UNISSA.

Menurut Profesor Madya Dr Siti Sara, fenomena sekarang ini, manuskrip masih banyak yang belum dikaji dan digali di mana banyak faktor penyebab kepada fenomena ini antaranya kurang memahami ilmu dan seni manuskrip, kemampuan membaca manuskrip Jawi dan Arab yang sangat terbatas, kurang memahami sejarah dan bahasa Brunei lama serta usaha pengkajian secara ilmiah yang sangat terhad.

Jelasnya, fenomena sebegini jika tidak ditangani dengan segera dan secara efektif akan menyumbang kepada pelbagai isu antaranya generasi intelek muda tempatan tidak akan

dapat memahami dan mengenali fungsi serta nilai manuskrip sebagai khazanah sejarah dan intelektual Brunei yang sangat berharga, lebih-lebih lagi dalam Era Revolusi Industri 4.0.

Dalam hal ini tambahnya, UNISSA sentiasa menghulurkan kerjasama dan bersedia memberikan khidmat seperti menyumbangkan kepakaran dalam bidang pengajian Islam, bahasa Arab dan terjemahan.

Melalui PSB pula katanya, pelbagai aktiviti dilaksanakan bersama FBA dan Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam (FPPI), antaranya Program Perintis Pakar Sejarah Secara Berkala yang diadakan selama empat minggu, Program Ilmiah dan Khidmat Masyarakat di penBorneo yang melibatkan seramai 15 pelajar Fakulti Bahasa Arab bagi melakukan proses transliterasi Jawi ke rumi dan juga menterjemah beberapa bahagian daripada manuskrip Arab - Melayu, mengadakan ceramah secara kolaborasi antara FPPI dan PSB menerusi aplikasi Zoom, penempatan kerja seramai 46 pelajar UNISSA dan Projek Menterjemah buku cerita Brunei Melayu-Arab.

Sehubungan itu, hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyaksikan Majlis Penandatanganan MoU ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Penandatanganan tersebut disempurnakan oleh Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal dan Timbalan Pengetua PSB, Awang Hanafi bin Haji Salleh. Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan) KKBS, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah; Dekan FPPI, Muhammed Sahrin bin Haji Masri; Timbalan Rektor UNISSA, Pemangku Timbalan Raes Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, penolong-penolong Rektor dan pegawai-pegawai utama UNISSA.

## 3 Buku Cerita Sejarah Dilancarkan



Sebanyak tiga buah buku cerita sejarah bergambar terjemahan bahasa Arab terdiri daripada Sultan Sharif Ali, Lagenda Jong Batu dan Lumut Lunting dilancarkan pada Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dengan Pusat Sejarah Brunei (PSB), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya melancarkan buku-buku tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin yang diadakan pada 29 Muharram 1442 bersamaan dengan 17 September 2020 di Dewan Auditorium UNISSA.

Buku Sultan Sharif Ali dan Lagenda Jong Batu merupakan hasil tulisan Kartini binti Haji Sapar, manakala Buku Lumut Lunting ditulis oleh Nurdiyana binti Haji Misli. Buku-buku tersebut kemudian diterjemahkan ke dalam bahasa Arab oleh empat tenaga akademik Fakulti Bahasa Arab (FBA), UNISSA iaitu Dr Ahmad Asri Lubis, Profesor Madya Dr Siti Sara binti Haji Ahmad, Dr Salah Sebouai dan Dr Muhamad Alif bin Sismat.

Pada majlis itu, tetamu kehormat juga berkesudian menyampaikan sijil-sijil penghargaan kepada wakil-wakil penulis buku dan para penterjemah dan seterusnya menyampaikan sumbangan buku kepada Unit Pendidikan Islam dan Bahasa Arab di bawah Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan, semua pengetua sekolah-sekolah Arab, Sekolah Al-Falah, Sekolah Alif, Persatuan Bahasa Arab Brunei dan P.A.Z Tarbiyyah Islamic Enrichment Centre.

Sementara itu, Projek Menterjemah buku

cerita Brunei Melayu-Arab merupakan kolaborasi di antara FBA dan PSB atas kapasiti fakulti berkenaan yang bukan sahaja menawarkan program dalam bahasa Arab bahkan juga program dalam terjemahan di mana projek telah berjaya menghasilkan tiga buah buku tersebut dalam bahasa Arab.

Objektif utama projek ini adalah untuk dijadikan bahan bacaan di sekolah-sekolah atau institusi-institusi yang terlibat khususnya dalam mengajar mata pelajaran bahasa Arab agar dapat membantu pelajar memperkaya kosa kata mereka dalam bahasa Arab. Dalam masa yang sama, bagi membantu membarigakan cerita tempatan negara ke peringkat global khususnya negara-negara Arab.



# MAJLIS ILMU



## UNISSA MENYERTAI BIHAS KE-2



Anjuran bersama Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dengan kerjasama Pusat Penyelidikan dan Pengembangan Islam Borneo, Universiti Teknologi Mara Sarawak, Malaysia telah diadakan *2<sup>nd</sup> Borneo International Halal Showcase (BIHAS ke-2)* pada 14 Rabiulakhir 1441 bersamaan dengan 11 Disember 2019 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

BIHAS ke-2 telah dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat mengunjungi petak pameran Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Penyelidikan Halalan Tayyiban (PPHT) sekaligus menandatangani lembaran kenangan.

Di antara kertas kerja yang dibentangkan semasa BIHAS ke-2 yang bertajuk *"Orientasi Gaya Hidup Halal: Potensi Lokal dan Cabaran Global"* telah dibentangkan oleh Timbalan Pengarah PPHT, Pengiran Dr Hajah Norkhairiah binti Pengiran Haji Hashim.

Kertas kerja ini membicarakan mengenai keperluan kepada produk dan perkhidmatan halal yang sangat tinggi selari dengan meningkatnya jumlah populasi muslim di seluruh dunia. Hal ini menunjukkan bahawa gaya hidup berorientasikan halal adalah cukup popular di merata tempat di muka bumi ini.

Justeru, kajian ini bertujuan mengupas lebih lanjut tentang perkembangan orientasi gaya hidup halal masa kini yang berteraskan syariat Islam disamping meneroka apakah potensi yang boleh dicapai terutama sekali oleh warga lokal atau tempatan khususnya di Negara Brunei Darussalam serta mengkaji mengenai cabaran global masa kini berikutan hadirnya gelombang orientasi gaya hidup halal.

Forum Khas sempena Konferensi Antarabangsa Islam Borneo 12 (KAIB) juga telah diadakan. Ahli-ahli panel Forum terdiri daripada UNISSA diwakili oleh Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, Rektor UiTM Sabah, Yang Berbahagia Datuk Prof Madya Dr Haji Abdul Kadir bin Haji Rosline, Prof Madya Dr Syamsul Bahri Andi Galigo mewakili KUPU SB dan dipengerusikan oleh Pemangku Timbalan Raes KUPU SB, Dr Haji Abang Hadzmin bin Haji Taha. Forum khas ini telah mengupas berlandaskan tema KAIB 12 iaitu *"Ilmu dan Amal Penentu Kebitaraan Ummah"*.



# Muzakarah Cendekiawan SYARIAH NUSANTARA KALI KE-13



Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud, Menteri di Jabatan Perdana Menteri selaku tetamu kehormat.

Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara Kali Ke-13 anjuran Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKI), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dengan kerjasama Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa dalam Kewangan Islam (ISRA) telah diadakan pada 20-21 Zulkaedah 1440 bersamaan dengan 23-24 Julai 2019 bertempat di The Rizqun International Hotel, Gadong.

Hadir merasmikan majlis tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud selaku Ahli Lembaga Pengarah Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD).

Muzakarah Ke-13 bertemakan 'Sinergi Antara Institusi Kewangan Islam dan Obligasi Sosial: Isu dan Hala Tuju' itu merupakan kesinambungan kepada perbincangan Muzakarah Ke-12 yang diadakan di Thailand pada tahun 2018. Perbincangan tersebut telah menyimpulkan pelbagai isu syariah yang perlu diteliti khususnya berkaitan dengan zakat dan dana sosial dalam sistem kewangan Islam.

Muzakarah ini telah berjaya menghimpun seramai 320 para ulama dan sarjana kewangan Islam antarabangsa dan melahirkan resolusi yang

akan menjadi rujukan dalam aspek pengurusan kewangan Islam.

Muzakarah seumpamanya akan memberikan *platform* bagi membina perbincangan dan diskusi yang dinamik antara pihak yang berkeperentingan dalam institusi kewangan Islam, khususnya para cendekiawan syariah dan pengamal industri di Nusantara.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an oleh Awang Abdul Hafiz bin Haji Abdul Kadiroshan, Mahasiswa Tahun 2 Program Ijazah Sarjana Muda Syariah (Fiqh dan Kehakiman), Fakulti Syariah dan Undang-undang, UNISSA diikuti dengan ucapan alu-aluan yang telah disampaikan oleh Pengerusi bersama, Dr Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani, Dekan FEKI dan Pengarah Eksekutif, ISRA, Malaysia, Profesor Dr Mohamad Akram Laldin.

Majlis perasmian diisikan dengan Pembentangan Kertas Ucaptama daripada Penolong Gabenor, Bank Negara Malaysia, Yang Berbahagia Encik Aznan bin Abdul Aziz diikuti dengan Pembaharuan Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) di antara UNISSA dan ISRA. Menandatangani bagi pihak UNISSA ialah Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal sementara pihak ISRA diwakili oleh Pengarah Eksekutif ISRA, Profesor Dr Mohamad Akram Laldin.



Pembaharuan Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) di antara UNISSA dan ISRA.

# Mini Kolokium Serantau ANJURAN BERSAMA UNISSA DAN UIR



Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dengan Universitas Islam Riau (UIR), Indonesia telah mengadakan Mini Kolokium Serantau pada 7 Zulhijjah 1440 bersamaan 8 Ogos 2019 yang bertemakan "Membangun Kerjasama Melalui Pendidikan, Ekonomi dan Bahasa Menuju Perguruan Tinggi Yang Unggul".

Mini Kolokium Serantau ini adalah sebagai satu usaha ke arah pelaksanaan Memorandum Persefahaman (MoU) yang telah dimeterai oleh UNISSA dan UIR pada 13 Julai 2019.

Isu tema kolokium ini telah dibincangkan oleh

pembentang-pembentang kertas kerja yang terdiri daripada tenaga akademik UNISSA diwakili oleh Dr Mariam binti Haji Abd Rahman dan Awang Haji Muhammad Khairul Hidayatullah bin Haji Basir sementara bagi pihak UIR pula diwakili oleh Dr H Saprani, M.Ed dan Dr H Hamzah, M.Ag.

Moderator Mini Kolokium Serantau ialah Dekan Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Dr Hajah Masnooraini binti Haji Mohiddin.


Turut hadir di majlis tersebut ialah Dr Arman bin Haji Asmad, Penolong Rektor dan seterusnya memberikan ucapan alu-aluan. Beliau menyentuh tentang kolaborasi yang akan dilaksanakan bukan hanya setakat penandatanganan MoU tetapi perlu direalisasikan dengan kegiatan-kegiatan yang dirancang. Mini Kolokium Serantau ini adalah satu bukti bahawa komitmen dalam mengadakan seminar walaupun di skala kecil tetapi mempunyai erti yang sangat besar terhadap kedua universiti.

Rombongan UIR telah diketuai oleh Timbalan Rektor (I) iaitu Dr. H. Safendri. M. Si. Beliau menyampaikan ucapan balas dengan menjelaskan bahawa kolokium yang diadakan ini adalah sebagai perintis bagi kegiatan-kegiatan akan datang dan berharap agar UNISSA sebagai rakan strategik akan sama berganding bahu dalam melaksanakan kegiatan yang bermanfaat ini.

Kunjungan UIR, Indonesia seramai 44 orang terdiri daripada Timbalan-Timbalan Rektor, Dekan-Dekan dan Para Tenaga Akademik UIR.



## Rektor Bentang di SEMINAR KEFAHAMAN AQIDAH DAN PEMIKIRAN SEMASA DI KUPU SB



Pada 13 Zulhijjah 1440 bersamaan 14 Ogos 2019, Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal telah dijemput sebagai salah seorang Pembentang Utama di Seminar Kefahaman Aqidah dan Pemikiran Islam Semasa 2019 (SEKAPES) anjuran Kolej Univeristi Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB). Tajuk pembentangan berkenaan ialah "Fahaman Islam Liberal dan Penentangannya terhadap Syariat Islam" dengan mengongsikan isu-isu semasa yang berlaku di rantau ini termasuk penolakan mereka terhadap hadith sebagai sumber hukum dan menentang hukuman rejam ke atas wanita/lelaki *muhsan* (yang telah berkahwin). Aliran ini juga dilihat mempromosi fahaman Plurisme Agama & LGBT yang kononnya tiada larangan dalam Islam mengikut tafsiran moden mereka.

## UNISSA Sertai Seminar Kefahaman Konsep *Rahmatan Lil 'Alamin*

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia (UIAM) telah mengadakan Seminar Kefahaman Konsep *Rahmatan Lil 'Alamin* pada 19 September 2019 bertempat di Dewan Senat UIAM. Selain pembentangan daripada tokoh-tokoh tersohor seperti Dato' Professor Dr. Afifi Al-Akiti dan Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Muhammad.Kamal Hassan, seminar ini juga mengongsikan pandangan daripada para jemputan negara serantau dalam sebuah forum yang bertemakan "Konsep *Rahmatan Lil Alamin* dan Penyatuan Ummah: Realiti dan Harapan". Forum ini mengetengahkan panel-panel pembicara daripada Negara Brunei Darussalam, Singapura dan Indonesia. UNISSA yang telah dipilih oleh penganjur bagi mewakili Negara Brunei Darussalam telah menghantar Dekan Fakulti Usuluddin iaitu Dr Lilly Suzana binti Haji Shamsu untuk berkongsi pentas Dewan Senat bersama perwakilan lain dari Indonesia dan Singapura. Seminar ini dibuka rasmi oleh Yang Berbahagia Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Seminar ini berhasrat untuk menghuraikan secara terperinci setiap lapisan makna yang terkandung di dalam *rahmatan lil 'Alamin*. Oleh itu ia turut menggariskan objektif yang antara lain adalah untuk mempromosikan komponen utama konsep *Ra matan lil 'Alamin* dan mencadangkan pembangunan pelan tindakan pada pelaksanaan program yang berkaitan dengan Konsep *Ra matan lil 'Alamin*.



# SEIPTI 2019 DIRASMIKAN



Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dengan kerjasama Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universitas Darussalam Gontor (UNIDA), Indonesia; Universiti Fateni, (FTU) Thailand dan Mindanao State University (MSU) Filipina telah mengadakan Majlis Perasmian Seminar Serantau Institusi Pengajian Tinggi Islam Ke-6 (SeIPTI 2019) pada 9 Rabiulawal 1441 bersamaan 6 November 2019 bertempat di Dewan Auditorium UNISSA.

Seminar Serantau Pengajian Tinggi Islam (SeIPTI) merupakan seminar tahunan yang dianjurkan secara bergilir bermula pada tahun 2012.

Sepanjang penganjuran SeIPTI secara kolaborasi ini, SeIPTI telah berjaya memperkukuh jaringan strategik UNISSA di peringkat serantau.

Kolaborasi tidak tertumpu kepada penganjuran seminar bahkan juga menjadi platform bagi kerjasama lain seperti aktiviti penyelidikan secara kolaborasi, pertukaran dan pembangunan pelajar dan sebagainya.

SeIPTI kali ini turut mengangkat tema 'Ke Arah Kecemerlangan Pengajian Tinggi Islam dalam Era Revolusi Industri 4.0' yang turut menjadi perbincangan utama seminar ini.

Hadir merasmikan seminar dan seterusnya menyampaikan ucapan ialah Menteri Hal Ehwal Uagama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku tetamu kehormat majlis.

Turut berucap pada majlis tersebut ialah Penolong Rektor UNISSA, Dr Arman bin Haji Asmad selaku Pengerusi SeIPTI.

Majlis tersebut turut menyaksikan ucapnama daripada Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Yang Berbahagia, Profesor Madya Dr. Mohd. Rushdan bin Mohd. Jailani yang bertajuk *The Roles of Islamic University in 4<sup>th</sup> Industrial Revolution Era*.

Persidangan bagi edisinya yang ke-6 ini bertujuan untuk mengenal pasti cabaran-cabaran yang dibawa oleh Revolusi Industri 4.0 terhadap kelestarian pendidikan tinggi Islam, di samping menyediakan platform kepada tenaga-tenaga akademik, penyelidik, industri untuk berbincang dan berkolaborasi dalam meneroka peluang untuk mempertingkatkan kualiti pendidikan tinggi Islam agar selaras dengan keperluan Revolusi Industri 4.0.

Seminar ini dihadiri oleh beberapa pembentang kertas kerja dari Brunei Darussalam, Malaysia, Indonesia, Thailand, dan Filipina serta Negara Timur Tengah.

Sebanyak 84 buah kertas kerja telah dibentangkan yang dibahagikan kepada 31 kertas kerja dalam bahasa Melayu, 19 kertas kerja dalam bahasa Arab dan 34 kertas kerja dalam bahasa Inggeris, di samping forum yang bertajuk Ke Arah Kecemerlangan Pengajian Tinggi Islam dalam Era Revolusi Industri 4.0.

Turut hadir sama ialah Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr Awang Haji Azman bin Ahmad dan Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Uagama (KHEU), Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang.



# SAPPHAT IV 2019



Pengarah PPHT menerangkan produk yang telah dihasilkan oleh pelajar PPHT ketika YB Dato Paduka Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Mohd Hussein berkunjung di booth PPHT.

Universiti Islam Sultan Sharif Ali melalui Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban (PPHT) dengan kerjasama Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian dengan kolaborator dari Universiti Malaya dan Universiti Selangor telah berjaya mengadakan Seminar Antarabangsa Produk dan Perkhidmatan Halalan Thayyiban Ke-IV 2019 (SAPPHAT IV 2019) pada 14-15 Rabiulawal 1441 bersamaan 11-12 November 2019 di Dewan Bridex, Jerudong.

SAPPHAT IV 2019 kali ini membawa tema 'Meningkatkan Kelestarian Hab Halal Melalui Produk dan Perkhidmatan Halalan' (Thayyiban Enhancing Halal Hub Sustainability Through Halalan Thayyiban Products and Services).

Pengarah PPHT, Profesor Madya Dr Nurdeng Deuraseh, membentangkan tajuk '*Potential Career and Professional Collaboration for Halal Education Graduate for Future Well Being*' semasa sesi Pembentangan Khas.

Pembentangan diakhiri dengan penyampaian sijil kepada para pembentang yang disempurnakan oleh Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, Rektor UNISSA. Ketika seminar ini, para ahli akademik dan staf PPHT telah mengambil peluang ikut serta membentangkan kertas kerja semasa seminar.

Para pembentang dari PPHT adalah Profesor Madya Dr Nurdeng Deuraseh dengan tajuk '*The Revival of the Concept of Halal, Haram and Shubhat in Imam al-Ghazali's Thought: A Study of Kitab al-Halal wa al-Haram in Ihya'Ulum al-Din*', Pengiran Dr Hajjah Norkhairiah binti Pengiran Haji Hashim dengan tajuk '*Tahap Kesedaran terhadap Produk Kosmetik Halal dalam Kalangan Wanita di Negara Brunei Darussalam*'; dan Nor Surilawana binti Haji Sulaiman dengan tajuk '*Halal Sustainability: A Strategic Mapping for Brunei Darussalam*'. Selain itu, PPHT juga mengikuti ekspso Brunei Halal Showcase 2019 yang diadakan serentak dengan SAPPHAT IV yang berlangsung selama lima hari.



# The 3<sup>rd</sup> Joint Symposium of Osaka University with HIGHER INSTITUTION OF BRUNEI DARUSSALAM 2019



Osaka University (OU), Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) and Universiti Teknologi Brunei (UTB) held The 3<sup>rd</sup> Joint Symposium of Osaka University (OU) with Higher Educational Institutions of Brunei Darussalam at the Lecture Theatre 2, PAPRSB Institute of Health Sciences, UBD on 5 Rabiulawal 1441 corresponding to 2<sup>nd</sup> November 2019.

The 3<sup>rd</sup> Symposium with the theme '*Innovation in Science and Technology*' was held to focus on the joint research conducted so far and also the way forward with the outcome of the research.

The symposium began with welcoming remarks by Prof Dr Kazumasa Hirata, Director of Campus Innovation Unit, OU. In his remarks, he highlighted that the main objective of OU's partnerships with the Higher Education Institutions in the country is to develop its human resource capacity, enabling its people to work successfully and effectively in an international setting and environment.

Officiating the symposium was the Guest of Honour, Dr Haji Azman bin Ahmad, Permanent Secretary (Higher Education), Ministry of Education.

"Brunei Darussalam is fortunate to have such partnerships that enables us to progressively move towards reaching the global standard in research and innovation as well as improving the quality of our lecturers and students," said Dr. Haji Azman in his welcoming remarks. He added that with the advancement of technology and knowhow will help to work hand-in-hand in discovering new bio-based products, which will inevitably replace the non-Halal ingredients, and even in discovering new environmentally friendly products.

Also present were Vice-Chancellor of UBD, Datin Dr. Dayang Hajah Anita Binurul Zahrina binti Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz; Rector of UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal; Acting Vice-Chancellor of UTB, Awang Haji Ady Syarmin bin Hj

Md Taib; representatives from governmental bodies, Osaka University and Higher Educational Institutions in Brunei.

The one-day symposium was divided into three scientific sessions. The first session focuses on the area of *Bioresource and Biotechnology (BB)* facilitated by Prof. Dr. Masayoshi Arai from OU. The second session on *NanoTechnology and Photonics (NTP)* was facilitated by Professor Dr Eiichi Tamiya from OU. The final scientific session of the joint symposium was on *Halal Science and Technology (HST)* facilitated by Professor Dr Quamrul Hasan from OU. Presenters from UNISSA, Hajah Norliza binti Haji Mahalle presented a talk on *An Attempt in strengthening food safety and halalness through halal logistics system*; Pengiran Dr Hajah Norkhairiah binti Pengiran Haji Hashim speaking on *Traditional Bruneian sausage (belutak): A research on Halalan Thayyiban aspect*; and lastly Raihana binti Mohd Raffi, whose talk focused on *Food quality and safety in Japan: Exploring Halalan Thayyiban aspect*.

Then proceeded with poster session, from UNISSA: Nor Surilawana binti Haji Sulaiman with poster entitled *Al-Jallalah: The Need for Halal Feed Standards*; Nurfadiah Nabilah A.S et al demonstrated *Tourism Industry: Exploring the Challenged Faced by Muslim Tourists in Japan*; Nor Amalina binti Roslan et al with titled *Alternative for Alcohol-based Ingredients in Japanese Food: learning from Brunei's Practice*; Dr Nur Thaqifah Salihah binti Haji Mohd Salleh emphasises *Traditional Brunei Sausage (Belutak): Halalan Thayyiban Analytical Analysis*; and Raihana binti Mohd Raffi with title *Exploring the Emerging Market for Muslim: Food Ingredients and Kenko-oriented Food in Japan*.

This symposium then proceeded with parallel discussion sessions and combined presentation sessions. The symposium concluded with a discussion on the measure of success of the collaboration between OU and Higher Educational Institutions of Brunei Darussalam. All sessions resulted in fruitful discussion and with potential collaborative activities between the Universities.

# UNISSA Sertai Mu'tamar BAHASA ARAB KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM 2019

Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Rabithah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei Darussalam telah berkerjasama mengadakan Mubarak Brunei 2019 iaitu Mu'tamar Bahasa Arab Kebangsaan bagi Negara Brunei Darussalam pada 21 Rabiulakhir 1441 bersamaan dengan 18 November 2019 bertempat di Dewan Tarbiah, KUPU SB.

Acara ini dimulakan dengan Bacaan Ummul Kitab secara beramai-ramai, dan seterusnya lagu kebangsaan Negara Brunei Darussalam iaitu "Allah Peliharakan Sultan".

Menandatangani dari pihak UNISSA ialah Prof Madya Dr Siti Sara binti Haji Ahmad, Dekan Fakulti dan Bahasa Arab, manakala dari pihak KUPU SB ialah Dr AbangHazmin bin Haji Abang Taha.



Hadir menyaksikan penandatanganan (MoU) tersebut adalah Pengarah Pusat Perhubungan Antarabangsa (PusPAA), UNISSA iaitu Ustaz Haji Sammali bin Haji Adam. Beliau juga merupakan salah seorang ahli panel forum pada majlis berkenaan.

## International Seminar "THE EDUCATION AND 4.0 INDUSTRIAL ERA IN THE ISLAMIC PERSPECTIVE"

Seminar Internasional telah berlangsung pada 12 Rabiulawal 1441 bersamaan dengan 19 November 2019 di Aula Fakultas Tarbiah dan Keguruan, Kampus 2, UIN Sultan Maulana Hasanuddin Banten Jl. Syech Nawawi Al Bantani, Curug, Serang, Banten, Republik Indonesia.

Keramaian peserta yang menyertai seminar berkenaan melebihi dari 300 peserta, terdiri 67 penulis dan berasal dari 28 universiti di Indonesia seperti sejumlah universiti di Pulau Jawa, Sumatra dan Sulawesi, sebagaimana disampaikan oleh Ketua Panitia Abdul Muin. Seminar Antarabangsa juga terbahit menampilkan Prof. Dato' Dr Mohammad Shatar bin Sabran.

Universiti Pendidikan Sultan Idris dari Malaysia, Airin Rachmi Diary, S.H., M.H., M.Kn Mayor of South Tangerang District, Banten Province dan Prof. Dr H.



Iizamudin, M.A Vice Rector of Academic Affairs UIN SMH Banten. Manakala wakil panel jemputan seminar dari Negara Brunei Darussalam iaitu Pengarah Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dari Negara Brunei Darussalam iaitu Dr Haji Hambali bin Haji Jailli.



# Budayakan Penyelidikan MANUSKRIP MELAYU

'Manuskrip Islam Mercu Tanda Ketamadunan Umat' merupakan tajuk Forum Perdana Majlis Ilmu 2019 sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-73, tahun 2019.

Forum berkenaan telah berlangsung pada 15 Safar 1441 bersamaan dengan 14 Oktober 2019 dengan keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Ahli-ahli panel forum terdiri daripada penceramah-penceramah dari dalam dan luar negara.

Sesi Ceramah Perdana bertajuk 'Manuskrip Melayu Jawi Legasi Intelektual Sepanjang



Manakala pada 13 & 14 Oktober 2019 pula telah diadakan acara Seminar Majlis Ilmu 2019. Seminar Majlis Ilmu 2019 telah menyaksikan pembentangan kertas-kertas kerja daripada 19 orang penceramah jemputan, yang mana tiga daripada terdiri daripada Timbalan Rektor UNISSA iaitu Dr Haji Mohammed Hussein bin Pehin Penyurat Haji Ahmad dan dua pensyarah UNISSA, iaitu Prof Madya Dr Mahayuddin bin Haji Yahya dan Dr Haji Ahmad Baha bin Haji Mokhtar.

Antara sub-tema yang telah dibentangkan ialah 'Membudayakan Penyelidikan Manuskrip'; 'Manuskrip Islam dalam Melestari Keunggulan Ilmu Islam'; 'Khazanah Manuskrip Nusantara'; dan 'Pengurusan dan Penyelenggaraan Manuskrip Melayu Islam'.

## Bengkel Analisis Data Kuantitatif: KORELASI DAN REGRESI Menggunakan Software SPSS Versi 25

Bengkel Analisis Data Kuantitatif dengan ujian korelasi dan regresi merupakan salah satu inisiatif pengisian bagi aktiviti pertukaran staff akademik antarabangsa dan UNISSA. Bengkel ini merupakan anjuran bersama Pusat Pengajian Siswazah (PPS) dan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) dengan kerjasama pensyarah Fakulti Keguruan & Ilmu Pendidikan, Universitas Mulawarman, Samarinda Indonesia.

Bengkel yang diadakan selama dua hari ini telah diadakan pada 8-9 Oktober 2019 di Dewan Banquet, UNISSA dengan menyasarkan penyertaan daripada kalangan pascasiswazah UNISSA khasnya dan tenaga akademik UNISSA amnya. Seramai lebih daripada 30 orang peserta telah menyertai bengkel ini dengan bimbingan daripada Dr Lali Komariah, Pensyarah Magister Manajemen Pendidikan, Universitas Mulawarman sebagai fasilitator bengkel.

Bengkel ini merupakan pendedahan kepada peserta agar lebih faham dan mahir melakukan analisis data kajian menggunakan software SPSS version 25. Di antara objektif bengkel ialah memberikan pengetahuan kepada calon pascasiswazah mengenai analisis data kuantitatif secara teori dan praktikal. Ini dihasratkan untuk membantu para calon mengasah kemahiran



dalam penggunaan SPSS sebagai cara mudah dan efektif menjalankan analisis data kuantitatif mereka. Pada masa yang sama, bengkel bertujuan mengembangkan daya kreativiti pelajar mahu pun peserta bengkel dalam menghasilkan dapatan kajian yang tepat dan boleh dipercayai, di samping upaya melatih kemahiran peserta secara praktikal menggunakan IT terkini dalam menghasilkan penyelidikan berkualiti. Justeru dalam bengkel ini pihak penganjur telah dapat menggunakan sumber manusia yang ada daripada luar negara bagi mendapatkan manfaat ilmu dan perkongsian pengalaman melalui kepakaran dan teknik yang ada dalam penganalisaan data.

Bengkel telah dimulakan dengan ucapan ringkas daripada Dr Hajah Sri Rahayu @ Nurjanah binti Haji Dollah, Pengarah PPS UNISSA yang mewakili pihak penganjur bersama bagi mengalu-alukan kehadiran fasilitator dan peserta bengkel. Acara tersebut juga dihadiri oleh Dr Arman bin Haji Asmad, Penolong Rektor, UNISSA.

## KAIB 12 Wadah Perbincangan Dakwah Islamiah



Konferensi Antarabangsa Islam Borneo Ke-12 (KAIB 12) anjuran Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dengan kerjasama dan sokongan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Sarawak, Malaysia menjadi satu wadah perbincangan serta perkongsian ilmu mengenai perkara-perkara berkaitan dengan dakwah islamiah serta isu-isu lain yang berkaitan dengan Islam di Borneo. Majlis Perasmian Konferensi Antarabangsa Islam Borneo Ke-12 (KAIB 12) telah diadakan pada 14 Rabiulakhir 1441 bersamaan dengan 11 Disember 2019 bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas. Majlis Perasmian KAIB XII telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. KAIB XII membawa tema utama 'Ilmu dan Amalan Penentu Kebitaraan Ummah', mengumpulkan hasil tulisan yang berkaitan dengan manuskrip nusantara khususnya kepulauan Borneo dan melalui 12 sub-tema perbincangan iaitu tajuk-tajuk berkaitan dengan ilmu dan amal, Sains Sosial dan politik, pendidikan, tamadun dan manuskrip, dakwah, halal, zakat dan wakaf, pedagogi pendidikan Islam, ko-kurikulum, media elektronik, sukan/riadah dan pemikiran. Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan KUPU SB mengambil peranan aktif dalam menjayakan Konferensi Antarabangsa Islam Borneo, iaitu dengan menjadikan Brunei tuan rumah pada tahun 2012 dan tahun 2019 diungkuhkan oleh KUPU SB manakala pada tahun 2016 diungkuhkan oleh UNISSA.

## Bengkel Online Journal System (OJS)

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Penyelidikan dan Penerbitan (PPP) telah mengadakan Bengkel *Online Journal System* (OJS) pada 5 Rabiulawal 1441 bersamaan dengan 2 November 2019 bertempat di Bilik Lab Komputer, UNISSA. Para peserta bengkel terdiri dalam kalangan tenaga akademik dan kakitangan UNISSA. Dr Mohammad Zahir bin Zainuddin dari Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam, (FEKI) UNISSA selaku fasilitator bengkel berkenaan.



## Program Ilmiah dan Khidmat Masyarakat DI PUSAT PENGAJIAN BORNEO



Para pelajar daripada Fakulti Bahasa Arab (FBA), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah berkesempatan untuk menjadi sukarelawan bagi Program Ilmiah dan Khidmat Masyarakat di Pusat Pengkajian Borneo, Pusat Sejarah Brunei. Program selama seminggu ini bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada pelajar FBA untuk mempraktikkan kemahiran bahasa dan menambahkan ilmu pengetahuan mereka khususnya dalam mentransliterasi Manuskrip Arab dan menterjemahkannya ke Bahasa Melayu. Program tersebut telah diadakan pada 24 Rabiulakhir 1441 hingga 8 Jamadilawal 1441 bersamaan dengan 28 Disember 2019 hingga 4 Januari 2020.

## Bengkel Penulisan “HIGH IMPACT ARTICLE”



Universiti Islam Sultan Sharif Ali UNISSA melalui Pusat Penyelidikan dan Penerbitan (PPP) telah mengadakan Bengkel Penulisan “*High Impact Article*” pada 8 Zulkaedah 1441 bersamaan dengan 30 Jun 2020 bertempat di bilik latihan L1.3, UNISSA. Fasilitator dalam bengkel berkenaan iaitu Prof Dr Nehaluddin, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, UNISSA. Seramai 14 peserta yang menyertai bengkel berkenaan terdiri daripada kalangan Tenaga Akademik UNISSA dan sebilangan pelajar PHD UNISSA.

## Skop Pengajian Halal PENYELIDIKAN DIBENTANGKAN



Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban (PPHT) menganjurkan Seminar Pascasiswazah bersama-sama dengan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) pada 8 Safar 1442 bersamaan dengan 26 September 2020 bertempat di Dewan Auditorium, UNISSA.

Seminar yang julung-julung kali diadakan membawa tema '*Halal Education and Research*' adalah pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa keberangkatan baginda ke Majlis Konvokesyen KUPU SB Ke-4 pada tahun 2014 dan semasa berangkat membuat Lawatan Tidak Berjadual ke KUPU SB pada 22 Januari 2020 yang antaranya titah baginda itu menekankan agar UNISSA dan KUPU SB sering berganding bahu dalam melahirkan para intelektual Islam yang sejati.

Seminar Pascasiswazah merupakan sebuah

landasan bagi UNISSA dan KUPU SB berganding bahu dalam melahirkan mahasiswa yang intelektual dan berpengetahuan lalu mengongsikan ilmu-ilmu tersebut kepada orang awam. Sebanyak 14 kertas kerja dibentangkan oleh para-para siswazah dari kedua-dua institusi yang membawa skop pengajian halal dan penyelidikan yang dibahagikan kepada tiga sesi.

Hadir bagi menyaksikan seminar ini ialah Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal dan Pemangku Penolong Ra'es, KUPU SB, Datin Dr Hajah Noor Hira binti Haji Noor Kasih dan disertai oleh barisan pensyarah dari kedua-dua institusi. Majlis turut menyaksikan penyampaian sijil-sijil kepada para pembentang yang disempurnakan bersama oleh Rektor UNISSA dan Pemangku Penolong Ra'es KUPU SB.

Melalui seminar tersebut pihak penganjuran turut berharap agar ia menjadi salah satu tunjang utama dalam melahirkan rakyat yang berpendidikan tinggi selaras dengan Wawasan Brunei 2035 serta ilmu yang disampaikan sangat berguna kepada orang awam untuk melahirkan manusia yang berguna kepada masyarakat.

## WEBINAR INTERNASIONAL BERBAHASA INDONESIA FDGBI 2020

### Forum Dewan Guru Besar Indonesia

24 September 2020, Universitas Islam Riau, Pekanbaru, Indonesia

#### "MAJU BERSAMA KITA BERJAYA"

Seminar Internasional pertama berbahasa Indonesia ini digagas oleh Forum Dewan Guru Besar Indonesia (FDGBI) meninjau Universitas Islam Riau sebagai tuan rumah dengan sasaran menjadikan Bahasa Indonesia sebagai bahasa internasional berdasarkan deklarasi FDGBI Surabaya, sekaligus mengimplementasikan PP No 63/2019.

**Pembicara Utama**

- Prof. Dr. SYAFRIZAL, DR, MCL, Rektor Universitas Islam Riau
- Prof. STEFAN KIDDE, Universitas Dordrecht Belanda
- Prof. Dr. KAMARUDDIN MOHIB DAUD, Wakil Presiden, Raja Profesor Negara, Kelantan
- Prof. Dr. ROSLINA BINTI ANWAR, Rektor Swadaya Sumatera 8 Pekanbaru
- Prof. Dr. TARIQS, SUGANDA, M.Sc., Ph.D., Universitas Padjadjaran
- Prof. Dr. MAHD ABBAS, Rektor Agama 8 Fiqah, Universitas Saqqat-Jakarta
- Prof. Dr. MAHYD B. GEMMAR, Ph.D., Eastern Kentucky University, Virginia, USA
- Dr. HAJI NURRABAN BIN HAJI ANWAR, Rektor Universitas Islam Sultan Syarif Ali Bontol Serawak
- Prof. Dr. MAERWAN RAHUL, S.S., M.Si, Rektor Sains 3 Jember, Universitas Jember
- Prof. Dr. BUDU, Ph.D., SPHCL, M.Ed., Rektor Pendidikan 8 Pendidikan, Universitas Hasanudin
- Prof. Dr. SUZELD, M. Pd, Rektor Pendidikan, Universitas Melawanan

**Pemakalah Utama Kluster**

**Kluster Artikel Ilmiah**

- Kluster Sosial Humaniora dan Hukum
- Kluster Agama dan Filsafat
- Kluster Pendidikan
- Kluster Agrokomples
- Kluster Sains dan Teknologi
- Kluster Kesehatan dan Kedokteran

KAMIS 24 SEPTEMBER 2020 08.00 WIB

Langsung // **zoom** ID: 97224911785

**NARAHUBUNG**

<http://seminarfdgbi.uir.ac.id>  
 email : [seminarfdgbi@uir.ac.id](mailto:seminarfdgbi@uir.ac.id)  
 Dr. Rengas Adi Fakhri, S. Pd., M. Ed. (+6285765510002)  
 Rujilat Fikri, S. Sas., M. A. (+62813856505308)  
 David Darmawan, Sariman, S. Kom. (+629781761621826)

## Rektor UNISSA Sertai Webinar Internasional Berbahasa Indonesia

Pada 3 Safar 1442 bersamaan dengan 21 September 2020, Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal telah menyertai Webinar Internasional Berbahasa Indonesia. Webinar berkenaan adalah anjuran Forum Dewan Guru Besar Indonesia secara atas talian.

## SEMINAR INTERNASIONAL "MENYINGKAP MUKJIZAT ILMIAH AL-QUR'AN"

Lajnah Pentashihan Mushaf Al-Qur'an Badan Litbang dan Diklat Kementerian Agama RI

**NARASUMBER**

- Dr. Mohamed El Manitar**, Dosen Universitas Hainan II Casablanca, Kepala Pusat Studi Al-Qur'an Maroko
- Prof. Dr. Abdul Fattah**, Dekan Fak. Ushuluddin Universitas Al-Azhar Kairo Mesir
- Dr. Muchlis M Hanafi**, Kepala LPMQ
- Dr. Dayang Hajah Sarinah binti Yahya**, Penolong Profesor, Fakultas Usuluddin Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Brunei Darussalam
- Dr. Ali Akbar, S.S., M.Hum.**, Kepala Pusat Penelitian Kemasyarakatan dan Budaya Fakultas Ilmu Pengetahuan Budaya Universitas Indonesia
- Prof. Dr. Thomas Djamaludin**, Kepala LAPAN

**Moderator:** **Muhammad Arifin, Lc, MA**, Manajer Program dan Dewan Pakar PSQ

Kontak Person : Reflita (081281221359)

Meeting ID: 867 3509 2734  
 Passcode : LPMQ

Lajnah Kemenag

**LIVE**  
 Rabu 30 September 2020 13.00 - 17.00 WIB

[lajnah.kemenag.go.id](http://lajnah.kemenag.go.id) [lpmq\\_kemenag\\_ri](https://www.instagram.com/lpmq_kemenag_ri) [LPMQKemenagRI](https://www.facebook.com/LPMQKemenagRI) [Lajnah Pentashihan Mushaf Al-Qur'an](https://twitter.com/LajnahPentashihanMushafAlQur'an)

## UNISSA Turut Serta Dalam Seminar Internasional Menyingkap Mukjizat Ilmiah Al-Qur'an

Pada 12 Safar 1442 bersamaan dengan 30 September 2020, Dr Hajah Sarinah binti Yahya, Penolong Profesor Fakultas Usuluddin, UNISSA telah menyertai Seminar Internasional 'Menyingkap Mukjizat Ilmiah Al-Qur'an' anjuran Badan Pentashihan Mushaf Al-Qur'an, Badan LITBANG dan DIKLAT, Kementerian Agama Republik Indonesia. Seminar berkenaan telah dikendalikan melalui atas talian.

## Penyertaan UNISSA dalam Persidangan Industri Halal

Pada 1 Safar 1442 bersamaan dengan 19 September 2020, Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal telah menyertai 1<sup>st</sup> International Halal Virtual Conferences bertajuk 'Halal Industry In The Time of COVID-19: Economic Opportunities and Challenges' secara atas talian anjuran Prince of Songkla University, Thailand.

**IHVC<sup>®</sup> 2020**  
1<sup>st</sup> INTERNATIONAL HALAL VIRTUAL CONFERENCES  
المؤتمر الافتراضي العالمي  
المؤتمر العالمي الافتراضي للمنتجات الحلال

Hosted and Organized by: **PSU PRINCE OF SONGKLA UNIVERSITY**

Co-organized by: **UNISSA, IAIN Sunan Kalijaga, UIN Ar-Raniry, UIN Sunan Gunung Djati, UIN Sunan Drajat, TCEB**

# HALAL INDUSTRY IN THE TIME OF COVID-19

: ECONOMIC OPPORTUNITIES AND CHALLENGES

**DATE**  
**19**  
**SEPTEMBER 2020**

**ICC HAT YAI, SONGKHLA, THAILAND**

Speakers:  
 MR. ALONGKORN POLABUT (POLABUT), MR. CHIRUIT SARANGKUN MA AVUTHAYA, DR. HAJI NORARFAN BIN HAJI ZAINAL, PROF. DR. HANZHAN MOHD. SALLEH, ASST. PROF. SUNTON WONGSIRI, M.D., ASSOC. PROF. DR. ANIKH IMAN ROZENTEN, MRS. SUPRIYAH TERBARAK, ASST. PROF. DR. ASHAN TALAL, ASST. PROF. DR. ALI LAMCH, MR. PATTANACHAI SINGHAWARA, ASSOC. PROF. DR. ALI MUBSI  
 (Various titles and affiliations listed for each speaker)

ORGANISED BY: HALAL INSTITUTE PRINCE OF SONGKLA UNIVERSITY, THAILAND

## International Web Conference Anjuran Universitas Lampung, Indonesia

Pada 17 Safar 1442 bersamaan dengan 5 Oktober 2020, Dr Hakimah Yaacob, pensyarah Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm) telah menyertai 1<sup>st</sup> International Halal Virtual Conferences bertajuk 'Halal Industry In The Time of COVID-19: Economic Opportunities and Challenges' anjuran Prince of Songkla University, Thailand. Persidangan berkenaan telah dilaksanakan melalui aplikasi 'Zoom'.

**PRIVATE LAW DEPARTMENT OF UNIVERSITAS LAMPUNG**

# INTERNATIONAL WEB CONFERENCE

**Strategy and Regulation for the Development of Islamic Financial Institutions: Lesson Learned from Indonesia, Malaysia, and Brunei Darussalam**

Opening Speech: **Prof. Dr. Maroni, S.H., M.Hum.**  
Dean of Faculty of Law at Universitas Lampung

Speakers:

- Assoc. Prof. Dr. Ruzian Markom**  
Universitas Kebangsaan Malaysia
- Wardah Yuspin, Ph.D.**  
Universitas Muhammadiyah Surakarta,  
Vice Chairman of APPHEISI
- Dr. Hakimah Yaacob**  
Islamic University of Sultan Sharif Ali  
Senior Assistant Professor

Moderator:  
**Dr. Amnawaty, S.H., M.H.**  
**Harsa Wahyu Ramadhan, S.H., M.H.**

FREE, E-CERTIFICATE  
MAX. 500 PARTICIPANTS

**TUESDAY, 5 OCTOBER 2020**  
**09.30-12.00 WIB**



# KOMITMEN ANTARABANGSA

## Lawatan Kerja Rektor UNISSA ke UNIVERSITAS ISLAM RIAU (UIR)



Pada 26 Safar 1441 bersamaan dengan 25 Oktober 2019, Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal telah mengadakan lawatan kerja ke Universitas Islam Riau (UIR) dan telah mengadakan perbincangan bersama Rektor UIR, Indonesia, Profesor Dr. H. Syafrinaldi S.H., M.C.L. Kunjungan ini merupakan kunjungan balas terhadap Memorandum Persefahaman dan kedua semasa Hafli al-Takharrij UNISSA pada bulan September 2019 yang lalu. Lawatan kerja ini antara lain bertujuan untuk melihat sistem pengajian di UIR khasnya dalam bidang pertanian. Setelah sesi perbincangan, Rektor telah berkesempatan mengadakan lawatan lapangan ke Bangunan Fakultas Pertanian UIR, Laboratorium dan Ladang Pertanian UIR. Sesi

lawatan diteruskan dengan kunjungan ke Laboratorium Agroteknologi Fakultas Pertanian UIR dan Lawatan kolam ternakan ikan UIR yang berdekatan dengan Laboratorium Agroteknologi. Laboratorium Agroteknologi Fakultas Pertanian UIR yang terletak di agro pertanian dan agro perikanan di Jalan Kasang Kulim Teropong, RIAU iaitu di luar kampus UIR sekitar jarak 15-20 kilometer dari kampus berkenaan. Tanah agro pertanian dan agro perikanan ini mempunyai keluasan sebesar 8 hektar. Laboratorium ini adalah tempat bagi para akademik dan pelajar membuat kajian dan penelitian untuk tempoh yang lama dan juga penempatan bagi pelajar yang hendak menyelesaikan tugas di tahun akhir mereka.



*Lawatan Rektor UNISSA ke Laboratorium Bioteknologi dan Inkubator Fakultas Pertanian UIR yang terletak di bangunan fakulti berkenaan.*



## Rektor UNISSA Menghadiri MAJLIS KONVOKESYEN & LAWATAN KERJA KE UNISMA



Pada 28 Safar 1441 bersamaan dengan 27 Oktober 2019, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, Rektor UNISSA telah menghadiri Majlis Konvokesyen Kali Ke-62 Universitas Islam Malang (UNISMA) dan sekaligus mengadakan lawatan kerja ke universiti berkenaan.

Dalam majlis tersebut, Rektor UNISSA juga telah diberikan kesempatan dan penghormatan untuk menyampaikan ucapan oleh pihak UNISMA. Dalam ucapan tersebut, Rektor UNISSA merakamkan ucapan tahniah kepada pihak UNISMA di atas kejayaan UNISMA menghasilkan graduannya dan juga ucapan tahniah kepada para graduan dan ibu bapa graduan di atas kejayaan yang telah mereka perolehi. Rektor berharap agar hubungan dan kerjasama di antara UNISSA dan UNISMA akan terus terjalin dan berkembang di masa akan datang.

Manakala pada 29 Safar 1441 bersamaan dengan 28 Oktober 2019, Rektor UNISSA telah membuat kunjungan hormat ke UNISMA iaitu sebagai kunjungan balas terhadap kehadiran Yang Terhormat Rektor UNISMA ke Hafl Al-Takharruj UNISSA pada bulan September yang lalu.

Selepas mengadakan kunjungan hormat, Rektor seterusnya di bawa membuat lawatan lapangan ke beberapa tempat seperti Laboratorium Pusat Halal UNISMA dan ladang-ladang pertanian dan peternakan UNISMA.

Ladang ini adalah hasil kerjasama UNISMA dan Jabatan Pertanian Malang, di mana prasarannya disediakan oleh pihak Jabatan Pertanian Malang manakala pihak UNISMA pula diberikan akses sepenuhnya untuk membuat kajian akademik dan latihan ilmiah terhadap binatang-binatang ternakan di ladang ini bagi tujuan pembiakan baka yang berkualiti.

Ladang padi ini merupakan salah satu ladang yang diusahakan bersama pihak UNISMA dan petani, yang mana kerja-kerja penghasilan padi adalah dilaksanakan oleh para petani, manakala pihak UNISMA pula akan memberikan input dari sudut akademik iaitu dengan menerapkan dapatan-dapatan kajian seperti penanaman padi menggunakan kuasa elektrik. Menurut kajian yang telah dilakukan, penanaman padi menggunakan kuasa elektrik ini dapat mempercepatkan tempoh penghasilan padi dan menghasilkan padi yang lebih subur dan berkualiti tinggi berbanding padi biasa.



## Pelepasan Ahli-Ahli Rombongan Bagi Program Intellektual 'MAHABBAH WA RAHMAH' UNISSA-KL- TERENGGANU



Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) telah mengadakan program Intellektual 'Mahabbah Wa Rahmah' UNISSA-KL-TERENGGANU pada 10-15 Muharram 1441 bersamaan 10-15 September 2019.

Rombongan tersebut diketuai oleh Dr Haji Hambali bin Haji Jaili, Pengarah PPIB dan rombongan seramai 11 orang yang terdiri daripada tiga orang pegawai dari Jabatan Pengajian Islam dan mahasiswa/i UNISSA & KUPU SB.

Hadir di ruang Pelepasan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Berakas ialah Dr Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad, Timbalan Rektor UNISSA selaku tetamu kehormat majlis bagi mengucapkan selamat jalan kepada rombongan tersebut.

Program ini adalah atas usaha PPIB UNISSA dengan kerjasama mahasiswa/i untuk memperkasakan ilmu dan khidmat sosial kepada masyarakat khususnya dalam membantu golongan berkeperluan seperti anak-anak yatim. Program ini sangat

bertepatan dengan misi dan visi UNISSA ke arah melahirkan mahasiswa/i yang berwibawa. Ia juga diharap akan memberi manfaat kepada mahasiswa/i untuk menghadapi sasaran masyarakat yang pelbagai.

Di antara objektif program ini ialah memperkenalkan UNISSA di peringkat serantau dan antarabangsa sebagai institusi pendidikan tinggi Islam tulen, melatih mahasiswa/i bekerja secara berpasukan serta melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan bersesuaian dengan persekitaran, membantu golongan yang memerlukan seperti anak-anak yatim dalam memberikan sumbangan dalam bentuk material dan khidmat masyarakat dan melahirkan mahasiswa/i yang berfikiran kreatif dalam mengaplikasikan teori-teori ilmu yang dipelajari untuk disumbangkan kepada masyarakat luar.

Antara tempat lawatan ilmiah dan kerja kemasyarakatan tersebut ialah Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS), Universiti Islam Sultan Zainal Abidin (UNISZA), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Yayasan Chow Kit, Kuala Lumpur dan Asrama Anak-Anak Yatim Fakir Miskin, Terengganu.

## Rektor UNISSA Menghadiri MAJLIS KONVOKESYEN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI LUAR NEGARA



Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal telah menghadiri Sidang Pertama Majlis Konvokesyen Ke-22 Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS) yang diadakan pada 6 Muharram 1441 bersamaan 6 September 2019 bertempat di Pusat Konvensyen KUIS, Selangor Malaysia.

UNISSA dan KUIS mempunyai hubungan yang sangat akrab dan hubungan kerjasama yang strategik melalui penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) yang telah dimeterai pada 27 Februari 2016. Kehadiran Rektor UNISSA ke Majlis Konvokesyen KUIS ini juga sebagai kunjungan balas kepada pihak KUIS di atas kehadiran Profesor Dato' Dr. Ab Halim bin Tamuri, Rektor KUIS ke Majlis Hafli al-Takharruj UNISSA pada setiap tahun.



Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal telah menghadiri hari kedua Majlis Konvokesyen *Prince Songkla University* (PSU) yang diadakan pada 8 Muharram 1441 bersamaan 8 September 2019 bertempat di Pusat Konvensyen "The 60th Anniversary of His Majesty the King's Accession to the Throne International Convocation Center (PSUICC), PSU Kampus, Hat Yai, Thailand.

UNISSA dan PSU mempunyai hubungan kerjasama yang baik sejak terjalannya Memorandum Persefahaman pertama pada 24 November 2013 sehingga 23 November 2018 dan kemudian perjanjian tersebut telah diperbaharui buat kali kedua yang telah dimeterai pada 23 November 2018. Dari perjanjian ini, UNISSA dan PSU telah berjaya menganjurkan beberapa program kerjasama di antaranya ialah penganjuran Persidangan Antarabangsa Islam Di Alam Melayu Kali Kesembilan (ICON IMAD) yang diadakan pada setiap tahun secara bergilir-gilir, program mobiliti pelajar dan program internship.

## Pendidikan Agama Rapuh Melahirkan Bangsa yang Lemah-Rektor UNISSA

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa mengambil perhatian berat terhadap perkembangan dan pengukuhan pendidikan Islam di segenap peringkat tahap pendidikan di Negara Brunei Darussalam atas kesedaran bahawa pendidikan agama merupakan teras kepada pembangunan ummah dan negara. Perkara ini dikongsikan oleh Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dalam pembentangan kertas kerja beliau bertajuk "Pemeriksaan Pendidikan Islam di Negara Brunei Darussalam" (Empowerment of Islamic Education in Brunei Darussalam) semasa menjadi narasumber mewakili Negara Brunei Darussalam dalam Persidangan Antarabangsa Mengenai Agama dan Pendidikan Kali Pertama (1st International Conference on Religion and Education) anjuran Kementerian Agama Indonesia yang diadakan pada 11 Safar 1441 bersamaan dengan 10 Oktober 2019 di Jakarta, Republik Indonesia.

Persidangan yang diadakan di Banten, Indonesia pada 9-11 Safar 1441 bersamaan dengan 8-10 Oktober 2019 dengan membawa tema



"Bagaimana Agama dan Pendidikan berinteraksi dengan cabaran dunia masa kini yang semakin kompleks?". Sebanyak 80 kertas kerja dibentang oleh para cendekiawan dan ahli akademik dari dalam dan luar negara. Turut serta dalam persidangan ini ialah perwakilan dari negara serumpun Malaysia, Thailand, Singapura, Myanmar, Kemboja, Laos, Vietnam dan Timor Leste.

## Wakil Rektor ke Istiadat Konvokesyen ke-12 UNIVERSITI SULTAN AZLAN SHAH (USAS) PERAK, MALAYSIA



Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah diundang untuk menghadiri Istiadat Konvokesyen Ke-12 pada 3 Rabiulakhir 1441 bersamaan dengan 30 November 2019 di Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) Perak, Malaysia. Wakil pihak Rektor UNISSA ialah Pengarah Pusat Perhubungan Awam dan Antarabangsa, Ustaz Haji Sammali bin Haji Adam. Istiadat Konvokesyen tersebut telah berlangsung di Dewan Jubli Perak, Kuala Kangsar yang dihadiri oleh 1,367 graduan. Majlis tersebut telah diadakan dalam tiga sidang iaitu sidang pertama penyampaian ijazah disempurnakan oleh Cancellor USAS, Duli Yang Maha

Mulia Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibt Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah, Sultan Perak manakala sidang kedua dan ketiga disempurnakan oleh Yang Berbahagia Tan Sri Prof Dr Nordin bin Kardi, Naib Cancellor. Turut hadir dalam Istiadat Konvokesyen tersebut ialah YAB Menteri Besar Perak Darul Ridzuan, Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu dan Yang Berbahagia OKK Imam Paduka Tuan (Orang Besar Delapan Perak) Dato' Dr Afifi Al-Akiti, Felo, Pusat Pengajian Islam Oxford. Undangan menghadiri Istiadat Konvokesyen menunjukkan bahawa UNISSA dengan USAS mempunyai hubungan kerjasama yang erat dalam menerokai penglibatan bidang akademik dan sebagainya.

## UNISSA RECTOR IN AUSTRALIA FOR ISLAMIC CONFERENCE



On 12 Rabiulakhir 1441 corresponding to 9 December 2019, Rector Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, attended the International Islamic Conference in Sydney, Australia. The conference was organised by the Darulfatwa Islamic High Council of Australia and the International Council of Muslim Communities based in Abu Dhabi, United Arab Emirates. The conference was titled 'The Challenge of Islamic Youth in the Muslim Community'. Darulfatwa Islamic High Council of Australia, established to meet the growing needs of the Australian Muslim community, is the highest Islamic authority in Australia.

## Penandatanganan Letter of Intent (LoI) Antara FEKIM UNISSA DENGAN PASCASARJANA IAIN PERKALONGAN, INDONESIA



Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm) telah menandatangani *Letter of Intent* (LoI) dengan Pascasarjana Institut Agama Islam Negeri Perkalangan, Republik Indonesia yang telah diadakan pada 6 Safar 1441 bersamaan dengan 5 Oktober 2019 semasa 2<sup>nd</sup> International conference on Islamic Studies 2019 (2ICIS) dengan bertemakan *Mostern Resources towards Industrial Revolution 4.0*. Bagi Pihak UNISSA letter of Intent (LoI) telah ditandatangani oleh Dekan FEKIm iaitu Dr Abdul Nasir bin Abdul Rani.

## Wakil Rektor Hadir KE MAJLIS KONVOKESYEN KE-11 UNISZA



Majlis Konvokesyen Ke-11 Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) di Dewan Al-Muktafi Billah Shah, UniSZA, Kuala Nerus, Malaysia telah diadakan pada 15 Safar 1441 bersamaan dengan 14 Oktober 2019. Istiadat pembukaan majlis berkenaan telah disempurnakan oleh Sultanah Terengganu, Sultanah Nur Zahirah yang juga Canselor UniSZA. Turut berangkat ialah Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin. Hadir bagi mewakili Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) ialah Ustazah Siti Nurasmah binti Haji Damit, Pengarah Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat UNISSA (PKPSH). Seramai 3,474 graduan UniSZA telah diraikan dalam majlis Konvokesyen Ke-11 tersebut iaitu 61 graduan dianugerahkan ijazah doctor falsafah, 102 graduan sarjana, 1,992 sarjana muda dan 1,319 diploma.

## MENGHADIRI MAJLIS KONVOKESYEN UUM KE-32



Majlis Konvokesyen Ke-32 Universiti Utara Malaysia (UUM) telah diadakan pada 20 Safar 1441 bersamaan 19 Oktober 2019 bertempat di Dewan Mu'adzam Shah UUM, Kedah, Malaysia. Istiadat pembukaan majlis berkenaan telah disempurnakan oleh Sultan Sallehuddin Almarhum Sultan Badlishah, Sultan Kedah. Hadir bagi mewakili Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) ialah Profesor Madya Dr Hajah Rose binti Abdullah, Pengarah Pusat Penyelidikan dan Penerbitan (PPP) UNISSA. Dalam istiadat konvokesyen UUM berkenaan, seramai 5,757 graduan; 1,290 graduan sarjana dan 4,467 graduan sarjana muda telah diraikan.

## UNISSA'S BOOK CORNER DI UNIVERSITY OF DILI, TIMOR LESTE



Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melangkah setapak lagi di peringkat antarabangsa melalui perkongsian hasil-hasil penyelidikan dan penerbitan buku-buku ilmiah UNISSA dengan penubuhan UNISSA's Book Corner di University of Dili (UNDIL), Timor Leste yang diadakan pada 29 Safar 1441 bersamaan 28 Oktober 2019.

Usaha ini merupakan satu inisiatif UNISSA bagi mengongsikan bahan terbitan UNISSA untuk simpanan dan rujukan perpustakaan University of Dili. Ianya diharap akan dapat menambah kegiatan intelektual di kalangan pelajar dan tenaga akademik di UNDIL.

Majlis Perasmianya dihadiri oleh Tuan Yang Terutama, Haji Adnan bin Haji Mohd. Ja'afar, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Demokratik Timor-Leste, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, Rektor UNISSA, Prof Dr Jose Agostinho da Costa Belo Pereira, Rektor UNDIL Timor Leste dan Tuan Arif Abdullah Sagran, Presiden Komuniti Islam Timor Leste. Turut hadir Prof. Madya Dr Hajah Rose binti Abdullah, Pengarah Pusat Penyelidikan dan Penerbitan UNISSA dan Pegawai-Pegawai Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam Timor-Leste dan UNISSA serta pegawai-pegawai utama UNDIL.

Melalui UNISSA's Book Corner ini, UNISSA telah menyumbangkan sebanyak 316 buah buku-buku terbitan UNISSA. Sumbangan berkenaan telah diserahkan oleh Rektor UNISSA kepada Rektor UNDIL. Buku yang disumbangkan pada majlis

tersebut meliputi pelbagai tajuk dan bidang merangkumi sains sosial, ekonomi, budaya, tamadun, pembelajaran bahasa Arab dan lain-lain jurusan yang diterbitkan dalam bahasa Inggeris, Melayu dan Arab.

Dalam ucapan alu-aluannya, Rektor UNDIL mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas sumbangan buku-buku berkenaan. Pihak UNDIL sangat mengalu-alukan sumbangan berkenaan kerana ianya akan menjadi bahan rujukan terutama bagi pelajar-pelajar jurusan Perhubungan Antarabangsa yang mana negara-negara ASEAN adalah salah satu daripada tajuk yang mereka pelajari termasuklah Brunei Darussalam.

Rektor UNISSA pula menyatakan bahawa usaha ini memberi peluang kepada UNISSA untuk mengongsikan bahan terbitan UNISSA ke peringkat antarabangsa dan berharap agar usaha ini akan membuka lebih banyak peluang-peluang kerjasama yang lain antara kedua-dua buah universiti.

UNISSA dan UNDIL telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) pada 17 September 2018 di Negara Brunei Darussalam. UNDIL mempunyai enam buah fakulti dan seramai (8,000) lapan ribu orang pelajar.

Dalam pada itu, Rektor UNISSA juga mengadakan kunjungan muhibbah kepada Rektor University National of Timor Leste, Prof Dr Francisco Miguel Martins.

# UNISSA Memperluas Jaringan Strategik dengan INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI DI DAGESTAN DAN CHECHEN, PERSEKUTUAN RUSIA



Rektor UNISSA bersama Yang Berhormat Menteri Dasar Kebangsaan dan Hal Ehwal Ugama Dagestan, Enrik Muslimov.

Dalam usaha memperkembang luaskan penglibatan masyarakat antarabangsa dalam bidang kerjasama strategik dan mempromosi tawaran pendidikan Islam yang lebih komprehensif, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah mengadakan sesi lawatan dan perbincangan diteruskan dengan memeterai penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) dengan beberapa buah universiti di Makhachkala, Republik Dagestan dan Grozny, Republik Chechen pada 16-20 Jamadilakhir 1441 bersamaan dengan 10-14 Februari 2020.

Dalam kunjungan pertama ke Makhachkala, rombongan UNISSA yang diketuai oleh Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal telah berpeluang membuat pertemuan dengan Mufti Republik Dagestan, Sohib As-Samahah Sheikh Ahmad Afandi Abdulaev dan timbalan-timbalan Mufti Sheikh Ahmad Kahaev dan Dr Shihabuddin Guseynov.

Sesi perjumpaan dengan pelajar-pelajar Dagestan Islamic University (DIU) juga telah diadakan dan merupakan kunjungan balas Rektor UNISSA yang mana sebelum ini pihak rombongan DIU pernah berkunjung ke UNISSA dan memeterai penandatanganan MoU. Setakat ini, UNISSA telah pernah menerima pelajar-pelajar UID seramai enam orang untuk mengikuti pengajian program bahasa Inggeris bagi tempoh satu tahun pengajian.

Rombongan UNISSA juga telah berkesempatan membuat perjumpaan dengan tenaga pengajar dan pelajar-pelajar Dagestan Institute of Humanities. Dalam perjumpaan ini, UNISSA telah berjaya melebarkan hubungan kerjasamanya dengan penandatanganan MoU yang dilaksanakan oleh Rektor UNISSA bersama dengan Gadzhidadayev Magomed Zayirbegovich, Pemangku Rektor institut tersebut. Di Makhachkala juga, rombongan telah diberi kesempatan melakukan

kunjungan hormat kepada Yang Berhormat Menteri Dasar Kebangsaan dan Hal Ehwal Ugama Dagestan, Enrik Muslimov di Pejabat beliau dan seterusnya berkesempatan mengunjungi Pedagogical College dan Medical College iaitu di bawah seliaan Pejabat Mufti Dagestan.

Makhachkala adalah ibu kota Republik Dagestan yang terletak di Selatan Rusia dan mempunyai jumlah 95% penduduk Islam. Sementara di Grozny, Republik Chechen, rombongan UNISSA telah berpeluang membuat kunjungan hormat kepada Sohib As-Samahah Sheikh Salah Mezhev, Mufti Republik Chechen. Dalam perjumpaan ini, Rektor UNISSA menyuarakan rasa kagumnya terhadap masyarakat Islam di Rusia khususnya di Chechen yang begitu kuat dalam memperjuangkan kehidupan beragama.

Republik Chechen mempunyai majoriti penduduknya beragama Islam dan sebuah wilayah yang sedang giat berkembang menuju ke arah pembangunan infrastruktur dan kemajuan mengikut arus kemajuan global. Penandatanganan MoU dengan Universiti Islam Kunta Haji, Rusia (UIR) telah dimeterai di Grozny. Bagi pihak UNISSA telah ditandatangani oleh Rektor UNISSA sementara UIR telah ditandatangani oleh Yang Mulia Mutushev Abdulrahim Abdul Mezhitovich, Rektor universiti berkenaan.

Dalam perjumpaan ini, Rektor UNISSA menyambut baik jalinan kerjasama yang akan dilaksanakan mengikut program-program yang ditawarkan di UNISSA sama ada dalam bidang pengajian akademik atau penyelidikan. Beliau juga berharap agar adanya warga Rusia yang akan melanjutkan pelajaran ke UNISSA dalam program jangka panjang atau pendek.

Kunjungan Rektor ke dua buah Wilayah Rusia adalah untuk mengukuhkan hubungan kerjasama strategik antara Brunei Darussalam dengan Russia khususnya dalam bidang pendidikan dan dakwah Islam di samping untuk membuka jalan untuk mengadakan program pertukaran pelajar mengikuti skim bahasa di UNISSA.



Bergambar ramai bersama dengan Gadzhidadayev Magomed Zayirbegovich, Pemangku Rektor Dagestan Institute of Humanities.



## UNISSA Laksana Inisiatif *Cashless Campus*



Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah menemai sejarah tersendiri apabila menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bersama Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) dan Progresif Sdn Bhd (PCSB) untuk menjadi universiti ketiga di negara ini yang melaksanakan inisiatif 'Cashless Campus'. Penandatanganan MoU ini telah diadakan pada 25 Jamadilakhir 1441 bersamaan dengan 19 Februari 2020 bertempat di Auditorium, UNISSA.

Hadir menyaksikan penandatanganan MoU tersebut ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Datin Seri Paduka Dr Hajah Romaizah binti Haji Mohd Salleh selaku tetamu kehormat majlis. Menandatangani bagi pihak UNISSA ialah Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal sementara itu bagi pihak BIBD telah diwakili oleh Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD, Mubashar Khokhar dan Progresif diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Hajah Nurul Haniah binti Haji Jaafar.

Dengan inisiatif berkenaan, para pelajar UNISSA boleh membuat transaksi tanpa pembayaran tunai di seluruh kampus pada masa yang sama juga menyediakan pengurusan perniagaan dalam kampus dengan jaminan keselamatan dan lebih cekap kerana mereka tidak lagi perlu menguruskan sejumlah besar wang tunai untuk urusan pembayaran. Ia merupakan inisiatif berterusan daripada kerjasama yang telah dimeterai sebelumnya pada tahun lalu bersama Universiti Brunei Darussalam dan Universiti Teknologi Brunei.

Menerusi MoU tersebut, para pelajar UNISSA berpeluang menggunakan pembayaran secara digital bagi BIBD QuickPay dan Progresif Pay yang dikuasakan oleh platform BIBD NEXGEN bagi membuat transaksi tanpa tunai di seluruh kampus UNISSA dan pada masa yang sama memberikan lebih jaminan keselamatan dan cekap kerana tidak perlu lagi menggunakan jumlah wang tunai yang banyak.

## MOU INKED TO EXPAND ISLAMIC PROGRAMMES

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) officially inked a Memorandum of Understanding (MoU) with Mindanao State University, Tawi-Tawi College of Technology and Oceanography (MSU-TCTO), Philippines in a ceremony at the Senate Room of UNISSA on 7 Rejab 1441 corresponding to 2 March 2020.

Signing on behalf of UNISSA was Rektor, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal while MSU-TCTO was represented by its Chancellor Dr Mary Joyce Z Guinto-Sali. Prior to the signing, Dr Haji Norarfan welcomed the MSU-TCTO delegation and hoped the signing of the MoU will establish cooperation enabling to explore in the relevant fields. The chancellor thanked UNISSA for accepting the institution as its partners in knowledge



development and noted that ties between Brunei and Mindanao Tawi-Tawi were established since the early period of Brunei Sultanate that propagated Islam in the islands of South Philippines. MSU-TCTO hoped to expand the Islamic Religious Knowledge concept with the assistance from UNISSA that has been identified as a specialist in this field. MSU-TCTO plans to send several students to enrol in short- and long-term courses in skilled programmes in the field of Syariah, Arabic and Halal Research. Deputy rector, assistant rector and several main officials of UNISSA and the five member delegation of MSU-TCTO witnessed the signing. UNISSA has signed MoUs with three universities in the Philippines and has implemented several activities at international level.



# KUNJUNGAN DARI LUAR KE UNISSA



Kunjungan Yang Berhormat Oknha Datuk Dr. Othman Hassan, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri Kemboja dan rombongan pada 18 Muharram 1441 bersamaan 18 September 2019.



Kunjungan daripada King Prajdhpok's Institute, Thailand pada 19 Muharram 1441 bersamaan 19 September 2019. Delegasi seramai 42 peserta ini diketuai oleh Leftenan Jeneral Nakrob Boonbuatong.



Kunjungan Yang Terhormat Ustaz Abdul Somad pada 26 Muharram 1441 bersamaan 26 September 2019 di Bilik Senate, UNISSA.



Kunjungan delegasi daripada Al Jam'iyatul Washliyah Sumatra Utara, Indonesia terdiri daripada tokoh-tokoh agama, Tenaga Akademik, Pemimpin Sekolah dan Guru-Guru pada 20 Safar 1441 bersamaan dengan 19 Oktober 2019.



Kunjungan daripada Guru-Guru Sekolah Menengah Kebangsaan Seksyen 10 Kota Damansara pada 29 Safar 1441 bersamaan dengan 28 Oktober 2019.



Kunjungan delegasi daripada Majelis Ulama Indonesia (MUI) Peringkat Nasional dan Majelis Ulama Islam (MUI) Provinsi Riau, Indonesia pada 14 Rabiulakhir 1441 bersamaan dengan 11 Disember 2019.



Kunjungan daripada delegasi Majlis Agama Islam Wilayah Pattani, Selatan Thailand yang diketuai oleh Yang Di-Pertua Majlis Yang Berbahgia Dr Haji Abdul Rahman bin Daud (Dr. Waedueramae Mamingchi) pada 15 Rabiulakhir 1441 bersamaan dengan 12 Disember 2019.




Kunjungan daripada Pondok Pesantren Mambaul Ulum Bata-Bata, Republik Indonesia yang diketuai oleh Raden KH. M.Tohir Abdul Hamid AMZ, S.PD.I pada 18 Safar 1441 bersamaan dengan 17 Oktober 2019.



Lawatan kerja daripada Universitas Negeri Malang (UM), Republik Indonesia yang terdiri daripada koordinator Program Studi S2/S3 daripada pelbagai jurusan pada 24 Rabiulakhir bersamaan dengan 21 Disember 2019.





Perjumpaan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Wanthanee Viputwongsakul dengan pelajar-pelajar Thailand yang mengikuti pengajian di UNISSA pada 17 Rabiulawal 1441 bersamaan 14 November 2019.



Lawatan kerja daripada Tuan Yang Terutama Dr Sakim al-Malik, Ketua Pengarah *Islamic Educational Scientific and Cultural Organization* (ISESCO) pada 10 Safar 1441 bersamaan 9 Oktober 2019.



Lawatan daripada Universitas Islam Negeri (UIN) Sunan Ampel Surabaya yang terdiri daripada empat orang delegasi diketuai oleh Bapak Nasarruddin selaku Dekan Bahagian kemahasiswaan dan Fakultas Adab pada 5 Rabiulakhir 1441 bersamaan 2 Disember 2019.



Lawatan daripada pakar-pakar penyelidikan dan penerbitan yang terdiri daripada lapan orang berbagai Universiti dan Institusi-Institusi, Republik Indonesia pada 13 Rabiulakhir 1441 bersamaan dengan 10 Disember 2019 bertempat di Bilik Mesyuarat Pusat Penyelidikan dan Penerbitan, UNISSA.



Kunjungan daripada delegasi Himpunan Ulama Dayah Aceh (HUDA), Indonesia pada 4 Jamadilakhir 1441 bersamaan dengan 29 Januari 2020.



Kunjungan daripada Duta Besar Persekutuan Rusia ke Brunei Darussalam, H.E. Mr. Vladimir Goncharenko pada 28 Jamadilakhir 1441 bersamaan 22 Februari 2020.





Kunjungan daripada Profesor Dato' Rahmat bin Muhammad, Timbalan Naib Canselor Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysia pada 19 Jamadilawal 1441 bersamaan 15 Januari 2020.



Lawatan daripada Fakulti Sains Sosial Gunaan (FSSG), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) pada 19 Jamadilakhir 1441 bersamaan dengan 13 Februari 2020 di Bilik Pentadbiran UNISSA.





Kunjungan daripada Tuan Yang Terutama Christopher B. Montero, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Filipina ke Negara Brunei Darussalam pada 7 Muharram 1442 bersamaan dengan 26 Ogos 2020.



Kunjungan dari salah seorang Ulama Yemen yang dihormati lagi disegani, Syeikh Al-Habib Ahmad bin Husin Aideed pada 12 Rejab 1441 bersamaan dengan 7 Mac 2020.





# UNISSA DAN MASYARAKAT

## SMARTER Brunei Received OVER BND13,000 FROM UNISSA



The Society for the Management of Autism Related Issues in Training, Education and Resources (SMARTER) Brunei received BND13,313.13 donation from the proceeds of the *Anfiqou Fi Sabillillah* fundraising project organised last May 2019 by the Student Body of the Arabic Language Faculty at Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) on 22 Zulkaedah 1440 corresponding to 25 July 2019.

Acting President of SMARTER Brunei, Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang received the donations from the Rector of UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal in a presentation ceremony at SMARTER Brunei Autism Centre for Adults (BACA) in Kampong Sungai Hanching. Dean of the Arabic Language Faculty at UNISSA and Chairperson of the Organising Committee, Associate Professor Dr Siti Sara binti Haji Ahmad said the *Anfiqou Fi Sabillillah* project was intended to bring joy and

happiness to individuals with different abilities, particularly the students of SMARTER Brunei.

“Apart from that, the project served as a basis for the students to polish their leadership skills, soft skills and teamwork.”

The Student Body of the Arabic Language Faculty at UNISSA was set up earlier this year, and its members selected SMARTER Brunei to start off their community service project.

The students held fundraising activities which also included collecting used items and ready-to-use materials from the public, following goodwill visits and community service programmes held on May 27-28 at Smarter BACA and EDGE centres in Kampong Mata-Mata.

## UNISSA Anjurkan Program Minal Jami'ah Ilal Masjid

Seramai 38 orang pelajar UNISSA dan 21 orang peserta kanak-kanak dan belia telah menyertai Program Minal Jami'ah Ilal Masjid di Masjid RPN Kg Mentiri. Program ini telah diadakan pada 22 Rabiulakhir 1441 bersamaan dengan 19 Disember 2019. Di antara pengisian program yang berformat *day camp* atau perkhemahan sehari di masjid itu ialah kempen kebersihan masjid dan kawasan sekitarnya, sembahyang berjemaah, aktiviti kepimpinan, pertandingan dan persembahan sketsa Islamik, perlumbaan *Amazing Race* yang menguji pengetahuan peserta mengenai pergerakan dan bacaan sembahyang, wudhu, sejarah Islam dan sirah nabi serta hafazan surah dan doa. Satu



tazkirah turut disampaikan oleh Penolong Pensyarah Fakulti Bahasa Arab, UNISSA, Dr Haji Ahmad Asri Lubis bertajuk “*Istighfar Aset Kekayaan Mukmin*”.

# Program Mobiliti Akademik dan KHIDMAT MASYARAKAT DI MALAYSIA



Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), melalui Fakulti Bahasa Arab (FBA) telah memilih Malaysia sebagai destinasi ke-2 bagi mengadakan Program Mobiliti Akademik dan Khidmat Masyarakat yang mana sebelum ini diadakan di Jawa Timur, Indonesia pada Mac 2020.

Rombongan FBA telah membuat lawatan rasmi ke enam buah universiti di Malaysia; Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM). Program ini telah diadakan pada 10-19 Muharram 1441 bersamaan 10-19 September 2019, dan telah diketuai oleh Dekan FBA bersama lapan orang tenaga akademik dan 13 orang mahasiswa dan mahasiswi.

Program lawatan ilmiah dan khidmat masyarakat ini telah memberi peluang untuk mengenali sistem pengajaran dan pembelajaran di institusi-institusi tersebut, di samping menguatkan lagi *ukhuwwah* antara universiti di rantau ini. Program ini juga membuka ruang kepada tenaga akademik dan pelajar untuk memperluaskan lagi rangkaian kerjasama khususnya dalam bidang penyelidikan dan peluang penerbitan dalam jurnal-jurnal yang berkualiti dan berimpak tinggi.

Di samping itu, para pelajar telah berpeluang untuk bergiat aktif dalam aktiviti khidmat masyarakat menerusi "Program Eksplorasi Bahasa Arab" dengan mengadakan sesi kongsi-sama dan permainan bahasa Arab. Program ini bertujuan untuk membincangkan teknik pembelajaran yang berkesan dan meninjau sejauh mana tahap kemahiran bahasa pelajar. Antara aktiviti lain ialah melawat fasiliti-fasiliti yang terdapat di institusi-institusi tersebut seperti perpustakaan, kedai buku, pusat penerbitan dan sebagainya.



Lawatan rombongan FBA ke Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

## Lawatan Sambil Belajar ke The Empire Hotel & Country Club

Kira-kira 18 orang pelajar lepasan ijazah Sains Halal dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah mengadakan lawatan akademik ke The Empire Hotel & Country Club, Jerudong pada 6 Safar 1441 bersamaan dengan 5 Oktober 2019.

Lawatan yang diketuai oleh Ketua Program Lepas Ijazah di Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban, Dr Zeiad Amjad Abdulrazzak Aghwan itu berobjektif untuk meningkatkan pengetahuan dan latar belakang pelajar serta meneroka lebih lanjut mengenai aktiviti dan keperluan pematuhan syariah hotel di bawah perkhidmatan Pelancongan Halal.

Para pelajar juga melihat lebih dekat perkhidmatan-perkhidmatan berkualiti tinggi yang diberikan oleh pengurusan dan kakitangan hotel berkenaan kepada pelanggan bagi mengekalkan kesucian Islam.

Selain itu, para pelajar juga melihat jumlah besar



pelancong menginap di hotel berkenaan yang menunjukkan perkembangan pelancongan halal di negara ini.

# UNISSA Pupuk Suasana Masyarakat Penyayang Menerusi PROGRAM TUNAS HARAPAN KE-4 2019

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), melalui Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm) telah mengadakan aktiviti khidmat masyarakat tahunannya iaitu Program Tunas Harapan Kali ke-4 (PTH-4) yang dikendalikan oleh mahasiswa-mahasiswi tahun 3 FEKIm UNISSA pada 20 Safar 1441 bersamaan 19 Oktober 2019. Pada tahun ini tema program ialah '*Mujtamak Rahiri*' yang bermaksud 'Masyarakat Penyayang'.

Seramai 48 orang mahasiswa-mahasiswi tahun 3 FEKIm UNISSA telah terlibat menjayakan program tersebut yang dipengerusikan oleh Abdul Raziq bin Haji Yussof, Mahasiswa Tahun 3, Program Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Kewangan Islam.

Sasaran khidmat masyarakat PTH-4 ialah penuntut dari Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajjah Mariam, Kampung Serasa. Seramai 88 orang penuntut Tahun 7 telah mengikuti program tersebut.

Program diisikan dengan pelbagai aktiviti yang bermanfaat bagi memberi kesedaran kepada peserta mengenai pentingnya mewujudkan suasana harmoni, kasih mengasihi, bantu membantu, hormat menghormati di samping memberi kesedaran mengenai bahaya perbuatan buli yang membawa impak negatif terhadap individu, masyarakat dan negara serta cara untuk menanganinya.

Hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis Penutupan



Dekan FEKIm UNISSA menyampaikan cendermata kepada Pengetua Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajjah Mariam.

PTH-4 ialah Cikgu Awang Omar Arif bin Abdullah Lasit, Pengetua Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajjah Mariam, Serasa. Juga turut hadir pada majlis tersebut ialah Dr Abdul Nasir bin Abdul Rani, Dekan FEKIm UNISSA, guru-guru Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajjah Mariam, Serasa, dan para Pensyarah dari FEKIm UNISSA.

Majlis Penutupan PTH-4 telah diserikan dengan tayangan video bertajuk "Buli" lakonan daripada Ahli Jawatankuasa Kerja PTH-4. Penyampaian sijil penyertaan dan hadiah kumpulan terbaik PTH-4 telah disempurnakan oleh Tetamu Kehormat Majlis. Penyampaian sijil dan cenderamata telah disampaikan oleh Dekan FEKIm UNISSA kepada Pengetua sekolah sebagai tanda penghargaan atas kerjasama yang diberikan dalam menjayakan PTH-4 tahun ini.



# PROGRAM LITTLE CALIPH 2.0



Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), melalui Fakulti Usuluddin telah mengadakan program Little Caliph 2.0 pada 6 Safar 1441 bersamaan 5 Oktober 2019 bertempat di Dewan Sekolah Rendah Pengiran Anak Puteri Besar, Sungai Kebun. Sasaran pada kali ini adalah murid-murid tahun 3, SR PAP BESAR, iaitu seramai 49 orang.

Program itu telah dihadiri oleh murid tahun 3 dan juga seramai 34 mahasiswa dan mahasiswi fakulti Usuluddin tahun 1, 2 dan 4 selaku ahli jawatankuasa dan fasilitator. Program dimulakan dengan bacaan surah Al-Fatihah dan tazkirah pendek bertajuk "Adab Kepada Ibubapa" yang disampaikan oleh Awangku Mohd Farhan bin Pengiran Damit, Mahasiswa Usuluddin tahun 4, Program Aqidah & Dakwah.

Majlis diteruskan dengan sesi suai kenal, "Ice Breaking" dan pembahagian kumpulan kepada murid yang diketuai oleh Abdul Mu'iz Haji Abdul Mutalip, selaku Pengerusi Program.

Acara dilanjutkan dengan sesi pemantapan Fardhu Ain yang disampaikan oleh fasilitator-fasilitator yang terdiri dari mahasiswa/i tahun 1 & 2 bagi setiap kumpulan. Sesi ini lebih memfokuskan dan mengajarkan kepada murid asas rukun Islam yang ke 2, iaitu Solat, seperti rukun wudhu, syarat sah solat, syarat wajib solat, rukun solat dan perkara yang boleh membatalkan solat.

Acara diteruskan lagi dengan aktiviti separa lasak kepada murid iaitu "Explore Race" bertujuan untuk menguatkan ketahanan dan kesihatan mental dan fizikal murid, kerana untuk melahirkan seorang khalifah atau pemimpin, tidak hanya harus kuat dari segi rohani, tetapi juga harus kuat dari segi mental dan fizikal. Aktiviti ini merangkumi semua aspek teori dan praktikal

dalam amali solat, wudhu, adab dan akhlak serta tauhid.

Acara diteruskan dengan majlis penutup yang dimulakan dengan bacaan surah Al-Fatihah yang diketuai oleh Mohd. Shahnizam bin Awang Damit, mahasiswa tahun 4 Fakulti Usuluddin, Program Aqidah & Dakwah. Kemudian diteruskan dengan ucapan daripada Timbalan Pengerusi Program, Hajah Nur Farhanah binti Haji Sulaihe.

Aktiviti pagi itu diteruskan dengan menjemput Cikgu Siti Izzah Fairuz binti Roslan diiringi timbalan pengerusi program bagi menyerahkan hadiah kepada murid-murid yang terlibat dalam acara ini.

Majlis seterusnya menjemput pengerusi majlis bagi menyerahkan cenderahati kepada tetamu kehormat majlis, Guru Kanan SR PAP Besar, Cikgu Nur Eviana Zakirah Chua binti Abdullah. Kemudian turut berbesar hati menerima cenderahati daripada pihak SR PAP Besar. Majlis diakhiri dengan sesi bergambar ramai dengan semua pihak yang terlibat.



## Program Syabab al-Khairat “ONE CALL TO RISING UMMAH”



Seramai 21 orang mahasiswa dan mahasiswi Tahun 2 dari Fakulti Usuluddin mengadakan Program Syabab al-Khairat bertempat di Balai Ibadat Hajah Aminah, Kampong Long Mayan, Daerah Tutong. Program yang bertemakan *'One Call to Rising Ummah'* merupakan anjuran bersama Fakulti Usuluddin UNISSA dengan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dengan kerjasama Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Program ini telah diadakan selama dua hari dan satu malam dari 12 hingga 13 Rabiulakhir 1441 bersamaan dengan 9 hingga 10 Disember 2019. Seramai 38 orang peserta belia dari Kampung Long Mayan, Kampung Benutan dan persekitarannya menyertai program ini. Program ini adalah ungkayah dan usaha para pelajar untuk menyumbang bakti kepada masyarakat di samping mengasah daya kepimpinan mereka.

Program berkenaan diisi dengan sebuah forum bertajuk

*"Al-Qur'an Penyuluh Kehidupan"*. Hadir bagi memeriahkan program berkenaan ialah Ustaz Abdul Aziz bin Haji Kahar, Pemangku Pengarah Pusat Da'wah Islamiah; Yang Mulia Muhd Eddy Suffian bin Abdullah, Ketua Kampung Long Mayan; tenaga akademik Fakulti Usuluddin dan pegawai-pegawai daripada Pusat Da'wah Islamiah.

Program yang melibatkan para remaja dan belia ini disambung lagi dengan pelbagai aktiviti yang dikelolakan oleh para mahasiswa dan mahasiswi Fakulti Usuluddin seperti kuiz agama, bengkel wudhu dan aktiviti kerohanian lain yang menyumbang kepada pemeraksanaan pengetahuan dan penghayatan para peserta terhadap keindahan agama Islam. Program diteruskan dengan aktiviti qiyamul lail dan seterusnya bengkel melaksanakan solat dengan betul. Para peserta juga bergotong royong melakukan kempen kebersihan di sekitar Balai Ibadat Hajah Aminah iaitu tempat berlangsungnya program ini.



## Lawatan Akademik Sambil Beramal KE DAERAH TEMBURONG



Demonstrasi cara pembuatan telur masin.



Profesor Madya Dr Nurdeng Deuraseh dan Dr Zeiad Amjad Abdulrazzak Aghwan ketika menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penerima.

Pelajar siswazah Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban (PPHT) telah berangkat ke Daerah Temburong pada 13 Rabiulawal 1441 bersamaan 10 November 2019 bagi lawatan akademik. Rombongan diiringi oleh Pengarah PPHT, Profesor Madya Dr Nurdeng Deuraseh, Dr Zeiad Amjad Abdulrazzak Aghwan, Pensyarah PPHT dan Nor Surilawana Hj Sulaiman, Felo Penyelidik PPHT.

Ketika di Kampung Puni, rombongan telah disambut oleh Pemangku Ketua Kampung Puni dan Ujung Jalan, Awang Haji Abdul Rahman bin Merusin dan ahli-ahli MPK Puni. Ketika di sini, rombongan telah didedahkan cara-cara pembuatan telur masin.

Seterusnya, rombongan berkunjung ke Pusat Pemprosesan Ambulong di Batu Apoi. Di sini para rombongan berpeluang melihat secara langsung pemprosesan ambulong oleh ahli-ahli MPK Batu Apoi.

Kemudian, rombongan menyampaikan sumbangan kepada 17 orang penerima yang terdiri daripada golongan orang-orang yang memerlukan. Majlis penyerahan ini diadakan di Masjid Kampung Selangan, Mukim Amo. Turut hadir bagi memeriahkan majlis ialah penghulu Mukim Amo, Awg Haji Bahrun bin Haji Talip dan Imam Masjid Kampung Selangan, Awang Mahdini bin Kamis. Sumbangan telah disampaikan sendiri oleh Profesor Madya Dr Nurdeng Deuraseh dan Dr Zeiad Amjad Abdulrazzak Aghwan.





# JERAYAWARA KE SEKOLAH-SEKOLAH



Bergambar ramai dengan guru dan pelajar-pelajar Pusat Tingkatan Enam Tutong.



Bergambar ramai dengan guru dan pelajar-pelajar perempuan Mahad Islam Brunei Tutong.

Pada 22-23 Rabiulawal 1441 bersamaan dengan 19-20 November 2019, Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban (PPHT) telah membuat jerayawara ke sekolah-sekolah dengan tujuan mengenalkan dan mendedahkan PPHT kepada para pelajar. Di samping itu, jerayawara ini bertujuan mendedahkan kepada pelajar program-program yang ditawarkan oleh PPHT. Antara sekolah yang dikunjungi adalah Pusat Tingkatan Enam Sengkurong, Pusat Tingkatan Enam Tutong dan Mahad Islam Brunei.

Pengiran Dr Hajah Norkhairiah binti Pengiran Haji Hashim, Timbalan Pengarah PPHT dan juga selaku Ketua Rombongan bagi program jerayawara ini telah menerangkan serba sedikit pengenalan PPHT. Kemudian diikuti penerangan daripada Dayangku Norhakimah binti Pengiran Haji Othman mengenai syarat-syarat kemasukan bagi Program Sarjana Muda. Seterusnya, Puan Hajah Noliza binti DSS Haji Mahalle menerangkan subjek-subjek yang akan diambil oleh pelajar-pelajar Program Sarjana Muda. Manakala Dr Zeiad Amjad Abdulrazzak menunjukkan video aktiviti-aktiviti pelajar siswazah. Jerayawara diakhiri dengan sesi soal jawab antara pelajar dengan staf akademik PPHT.



## Lawatan Sambil Belajar KE IDEAL CAFÉ & GRILL



Bagi menambah ilmu pengetahuan dan pengalaman, rombongan seramai 12 orang pelajar tahun 3 Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan dan seorang pensyarah dari Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam telah membuat lawatan sambil belajar ke Ideal Café & Grill pada 10 Rabiulawal 1441 bersamaan dengan 7 November 2019. Lawatan ini adalah sebahagian daripada aktiviti pendedahan bagi kursus BF3316 Principles of Marketing dan BF3320 Organisational Behaviour. Lawatan yang dianjurkan oleh Pensyarah kursus berkenaan, Md Khairul Hidayatullah bin Haji Basir itu bertujuan untuk

memperkenalkan para pelajar kepada Industri Makanan dan Minuman di Brunei melalui pengalaman Ideal Café & Grill sebagai Syarikat Makanan tempatan yang telah beroperasi selama 23 tahun.

Lawatan dimulakan dengan taklimat tentang profil syarikat yang disampaikan oleh Pengurus Am, Ideal Food Industries Sdn. Bhd, Dayang Hajah Norizmah binti Haji Awang Ahmad Morshidi. Semasa taklimat, para pelajar diberi peluang untuk mengajukan soalan dalam sesi soal jawab mengenai syarikat berkenaan termasuk kaedah strategi pemasaran, produk-produk, pengurusan syarikat dan pekerja dan cabaran-cabaran yang dihadapi. Selain itu para pelajar juga didedahkan dengan pengurusan *Company Registration, Food Safety System Certification, Quality Control* dan *Halal Certificate*.

## Program Perkhemahan Belia *Hijrah Mahabbah Lillah*

Program Perkhemahan Belia *Hijrah Mahabbah Lillah* merupakan aktiviti tahunan anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dengan kelolaan kumpulan Al-Qudwah dibawah Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) yang telah dilaksanakan pada 10-13 Rabiulakhir bersamaan dengan 7-10 Disember 2019.



Jumlah keseluruhan peserta PPBHTML kali ke 7 adalah seramai 102 orang, iaitu seramai 62 orang lelaki dan 40 orang perempuan. Kesemua peserta adalah daripada rakyat tempatan yang bersekolah menengah lingkungan umur 13 hingga 17 tahun. Peserta datang dari latar belakang kehidupan yang berbeza dan apa yang menarik perhatian (tiada statistik dijalankan) melalui pengamatan pihak urusetia program, pada tahun ini telah didapati beberapa jumlah peserta yang

mempunyai masalah dan sangat memerlukan bimbingan.

Majlis penutup telah dihadiri oleh Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama yang merangkap Ahli Majlis Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Juga turut hadir Pegawai-pegawai Kanan UNISSA dan YSHHB, pengetua sekolah dan ibubapa serta penjaga.

# Pandemik COVID-19: UNISSA Tekun Tangani LANGKAH PENCEGAHAN WABAK BAGI WARGANYA

Penularan wabak COVID-19 telah menyebabkan kebimbangan dan memberikan cabaran kepada seluruh dunia, termasuk Negara Brunei Darussalam.

Berikutan kes disahkan positif dan kematian yang semakin meningkat, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengisytiharkan COVID-19 sebagai pandemik di mana setiap negara diseru mengambil langkah segera dan lebih agresif bagi membendung dan mengawal penularan jangkitan COVID-19.

Wabak ini bermula pada akhir tahun 2019 di Wuhan, ibu negeri Wilayah Hubei, China. Negara Brunei Darussalam turut terjejas apabila negara telah mencatat kes pertama COVID-19 pada 9 Mac 2020.

Oleh yang demikian, Jabatan Perdana Menteri (JPM) melalui penelitian Kementerian Kesihatan telah menyediakan garis panduan pengawalan dan menangani pandemik COVID-19 bagi warga perkhidmatan awam Negara Brunei Darussalam.

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) sebagai sebuah universiti yang sentiasa menjaga kemaslahatan pelajar dan warganya telah memandang serius mengenai hal tersebut dan telah mengambil garis panduan dan langkah-langkah berkenaan, iaitu:



Pemeriksaan suhu badan yang dijalankan dalam Perpustakaan UNISSA.

## Penubuhan Jawatankuasa Bertindak Bagi Kawalan COVID-19 UNISSA

Penubuhan Jawatankuasa ini adalah berdasarkan saranan Jabatan Perdana Menteri (JPM) melalui Surat Keliling JPM Bil: 01/2020 yang menggalakkan agar setiap Kementerian dan Jabatan Kerajaan menubuhkan Pasukan Tindakan (*Action Team*) masing-masing sebagai langkah persediaan jangkitan wabak Coronavirus (COVID-19). Antara perkara yang dibangkitkan di bawah Jawatankuasa ini ialah membincangkan *Business Continuity Plan* (BCP) UNISSA bagi memastikan pengajian dan pembelajaran serta pengurusan universiti terus berjalan, di samping membuat keputusan dan tindakan wajar dari semasa ke semasa.

## Penangguhan Pengajian di Kampus UNISSA

Berikutan perkembangan terkini mengenai COVID-19 seperti yang dimaklumkan oleh Kementerian Kesihatan, UNISSA mengambil langkah berjaga-jaga bagi memastikan kemungkinan jangkitan adalah terkawal dengan menangguhkan pengajian di kampus UNISSA mulai 19 Rejab hingga 3 Sya'ban 1441 bersamaan dengan 14 Mac 2020 hingga 28 Mac 2020.

Walaupun bagaimanapun, pengajaran dan pembelajaran adalah diteruskan secara atas talian (*online*) melalui *Learning Management System* (LMS) dan apa jua kaedah teknologi pengajaran dan pembelajaran.

Di samping itu, UNISSA juga telah mengambil langkah-langkah pencegahan iaitu melaksanakan pemeriksaan suhu badan, penyediaan *hand sanitizer* dan penutup mulut (*face mask*) dan melaksanakan sembahyang Sunat Hajat dan Membaca Doa Tolak Bala bagi memohon keselamatan dan perlindungan seluruh warga UNISSA dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Seterusnya, penangguhan semua aktiviti anjuran UNISSA yang melibatkan perkumpulan dan khidmat kemasyarakatan buat sementara waktu, mengosongkan Kolej Kediaman UNISSA bagi pelajar-pelajar tempatan dan memastikan kebersihan persekitaran kampus UNISSA di antara inisiatif pencegahan yang telah dilaksanakan sebagai langkah pencegahan penularan wabak COVID-19.

(bersambung pada mukasurat 103.)

Warga UNISSA termasuk pelajar-pelajar juga dinasihatkan untuk:


- Menjaga kesihatan.
- Menjaga kebersihan diri (*Personal Hygiene*).
- Mengelakkan berada di tempat-tempat yang sesak.
- Jika sakit, adalah dinasihatkan untuk mendapatkan pemeriksaan kesihatan dengan segera.
- Memperbanyakkan doa agar terhindar daripada segala penyakit khususnya wabak COVID-19.

### Pembelajaran dan Pengajaran serta Bekerja Secara Atas Talian

Semua pelajar adalah diatitkan untuk meneruskan pengajian dari rumah masing-masing secara atas talian. Pelajar-pelajar berhubung dan berkomunikasi bagi meneruskan pembelajaran dan pengajaran menggunakan aplikasi seperti Zoom Cloud Meeting, Microsoft Team, Edmodo, Google Classroom, Emel dan seumpamanya. Begitu juga dengan staf yang dibenarkan untuk bekerja dari rumah, mereka berhubung dan menyelesaikan serta menghadapkan tugas melalui atas talian dengan aplikasi berkenaan. Bagi format peperiksaan bertulis, ianya ditukar sebahagiannya berbentuk kerja projek, kerja kursus, tugas tambahan dan kuiz.

### Working From Home (WFH) UNISSA

UNISSA mempertimbangkan warganya yang berkelayakan untuk menjalani WFH secara *case by case*. Pada kelazimannya kes yang dipertimbangkan adalah yang berkaitan dengan kesihatan pegawai dan kakitangan dengan merujuk kepada *Guideline Vulnerable Population during COVID-19 Epidemic* yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan bertarikh 2 April 2020. Bagi warga UNISSA yang tergolong dalam kumpulan ini adalah diberikan pilihan sama ada disediakan bilik khas berasingan daripada bercampur dengan pegawai/kakitangan yang lain, atau dinasihatkan untuk meneruskan kerja dari rumah atas kebenaran Rektor.




*Online Workshop* oleh Dr Zeiad Amjad Abdulrazzak Aghwan, Pensyarah UNISSA yang dikendalikan oleh Pusat Pengajian Siswazah UNISSA secara atas talian.



### Bekerja Secara Berperingkat (BSBP) UNISSA

UNISSA mempertimbangkan bagi semua warganya sama ada tenaga akademik dan bukan akademik untuk menjalankan Bekerja Secara Berperingkat (BSBP). Antara tujuan BSBP ini adalah untuk mengurangkan jumlah keramaian warga di Kampus atau di sesebuah pejabat di mana dapat mengurangkan risiko jangkitan COVID-19. Warga UNISSA yang berkelayakan akan disokong oleh Ketua masing-masing dengan kebenaran daripada Rektor UNISSA akan menjalani BSBP iaitu sama ada bekerja di pejabat (berada di Kampus) iaitu secara shif sama ada pada sebelah pagi sahaja dan bekerja di rumah di sebelah petang sahaja atau sebaliknya di mana kedua-duanya mengikut waktu bekerja iaitu 7.45 pagi hingga 12.15 tengahari dan 1.30 petang hingga 4.30 petang. Pertimbangan ini adalah tertakluk kepada kriteria yang telah ditetapkan.



Pembelajaran menggunakan aplikasi *Zoom Cloud Meeting* yang dilaksanakan oleh Dayang Nurul Nabilah binti Haji Ali (gambar pertama dari kiri), Penolong Pensyarah Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm) UNISSA bersama pelajar-pelajar beliau.

# Majlis Perhimpunan & Perarakan Sempena Sambutan MAULUD NABI MUHAMMAD

SHALLALLAHU 'ALAIHI WASALLAM PERINGKAT NEGARA TAHUN 1441



Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah menyertai Majlis Perhimpunan & Perarakan sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad *Shallallahu 'Alaihi Wasallam* Peringkat Negara Bagi Tahun 1441/2019 yang dikendalikan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama pada hari Sabtu, 12 Rabiulawal 1441 bersamaan dengan 9 November 2019 bertempat di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin.

Perarakan Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad *Shallallahu 'Alaihi Wasallam* bagi Tahun 1441 diketuai oleh Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, Rektor UNISSA. Turut hadir bagi memeriahkan majlis tersebut warga lelaki UNISSA, MPP 2019/2020 dan Mahasiswa tahun 1 UNISSA. Majlis

Penyerampaan Hadiah Pertandingan Perhimpunan dan Perarakan Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad *Shallallahu 'Alaihi Wasallam* bagi Tahun 1441H diadakan pada 30 November 2019 di Dewan Multaqa, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Hadir menyempurnakan penyampaian hadiah ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, iaitu Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman. Pada tahun ini, UNISSA telah mendapat hadiah penghargaan berupa wang tunai BND500, hadiah iringan dan sijil penyertaan.

## Hamlah Khairiyah PPIB, UNISSA – *Back to School*



Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa UNISSA telah mengadakan projek Hamlah Khairiyah-*Back to School* pada 1 Jamadilawal 1441 bersamaan dengan 28 Disember 2019 bertempat di Kg. Kuala Lurah, Mukim Limau Manis, Negara Brunei Darussalam.

Antara objektif projek ini merupakan aktiviti khairat kemasyarakatan yang diihulurkan kepada golongan yang kurang berkemampuan, dan meringankan beban anak yatim khususnya dalam membuat persiapan tahun persekolahan 2020 serta mendedahkan pelajar dan warga UNISSA dalam kerja khidmat masyarakat dan prihatin dengan keperluan mereka yang memerlukan.

Penerima bantuan terdiri daripada empat orang anak yatim dan kurang berkemampuan dari Sekolah Menengah Masin dan Sekolah Rendah Panglima Barudin, Limau Manis, Negara Brunei Darussalam. Di antara yang hadir ialah Dr Haji Hambali bin Haji Jalli, Pemangku Penolong Rektor UNISSA dan Dr Hajah Masuriyati binti Haji Yahya, Timbalan Pengarah Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa UNISSA.

# UNISSA Semai Semangat PATRIOTIK WARGANYA

Bagi sama-sama menyemarakkan lagi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36 Tahun dan menanamkan kesedaran bernegara dan cintakan tanah air dalam kalangan warga universiti, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar telah mengadakan upacara menaikkan bendera negara pada 23 Jamadilakhir 1441 bersamaan dengan 17 Februari 2020 bertempat di Kawasan Letak Kereta Zon 'A', UNISSA. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai dan disusuli dengan penyerahan bendera kebangsaan oleh Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal selaku tetamu kehormat kepada Pasukan Kadet Tentera UNISSA. Seterusnya upacara menaikkan bendera diiringi dengan Lagu Kebangsaan oleh warga UNISSA dan ditutup dengan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam. Antara tujuan upacara ini diadakan adalah untuk menanamkan semangat patriotik kepada warga UNISSA agar dapat menjiwai perasaan kesedaran bernegara dalam



memikul tanggungjawab untuk memajukan Negara Brunei Darussalam melalui peranan pendidikan demi menyahut tema Hari Kebangsaan pada tahun ini iaitu Menjayakan Wawasan Negara. Turut hadir sama ialah Timbalan Rektor, Penolong Rektor, pegawai-pegawai utama, pegawai-pegawai dan kakitangan UNISSA, pensyarah-pensyarah serta mahasiswa mahasiswi UNISSA.

## UNISSA Press Sertai Pesta Buku 2020



Penerbit Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah menyertai Pesta Buku Brunei 2020 anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) yang telah diadakan selama 10 hari bermula 4 hingga 13 Rejab 1441 bersamaan dengan 28 Februari hingga 8 Mac 2020 bertempat di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas. Majlis Perasmian Pesta Buku Brunei telah diadakan pada 5 Rejab 1441 bersamaan dengan 29 Februari 2020. Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis perasmian berkenaan ialah Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan,

Setiasaha Tetap, KKBS selaku wakil Menteri KKBS. Penyertaan UNISSA Press dalam Pesta Buku Brunei adalah untuk memasarkan dan mempromosikan buku-buku terbitan UNISSA, selain daripada mencari peluang pasaran buku serta memberigakan buku terbitan UNISSA pada pelajar-pelajar institusi dan orang awam. Semasa Pesta Buku Brunei berkenaan, UNISSA Press telah menawarkan harga promosi bagi buku-buku terbitannya, diantaranya buku-buku berkaitan Ensiklopedia Mazhab Syafi'i, kewangan Islam, pengurusan Islam, pendidikan dan undang-undang. Di samping itu, UNISSA Press juga menawarkan Pakej Buku serta Wakaf Buku.

# UNISSA TAMPIL SENI KHAT TERBAIK



Pertandingan Seni Khat yang dianjurkan oleh Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) sempena Ulang Tahun Penubuhan Yayasan ke-27 telah diadakan pada 27 Jamadilawal 1441 bersamaan dengan 23 Januari 2020. Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah memenangi pertandingan tersebut menerusi penyertaan tiga orang kakitangan dan seorang pelajar UNISSA. Kategori Terbuka dijuarai oleh Awang

Muhammad Nazir bin Haji Othman, Ketua Unit Penerbitan Mushaf UNISSA, yang membawa pulang hadiah wang tunai \$2,000, manakala Awang Muhammad Riziman bin Haji Usin, Penulis Mushaf UNISSA memenangi \$1,000 selaku pemenang ketiga. Manakala Awang Abdul Aji bin Haji Muslim, Pembantu Penulis Mushaf UNISSA telah mendapat tempat saguhati. Sementara itu, bagi Kategori Kanvas Kontemporari pula, sekali lagi Awang Muhammad Riziman telah mendapat tempat kedua dengan membawa pulang \$1,200.

## 59 Sertai Bengkel Menghalusi Pengurusan Jenazah



Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i (PPMS) dan Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat (PKPSH) telah mengadakan Bengkel Aplikasi Mazhab Syafi'i, Pengurusan Jenazah Siri 7 (Sesi Praktikal) pada 25 Jamadilakhir 1441 bersamaan dengan 19 Februari 2020 bertempat di Surau Al-Syafi'i, UNISSA. Seramai 59 orang peserta yang terdiri daripada para pegawai dan kakitangan kerajaan, pelajar dan orang-orang persendirian telah menyertai bengkel tersebut. Dalam bengkel tersebut, para peserta lelaki telah berpeluang mempelajari tatacara pengurusan jenazah lelaki di

bawah bimbingan fasilitator bengkel Imam Masjid Pehin Khatib Abdullah, Kampong Kulapis, Awang Haji Burhanuddin bin Haji Damit selaku Penggapani Jenazah Lelaki. Manakala para peserta perempuan telah dibimbing oleh Penggapani Jenazah Perempuan dari Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Norhidah binti Haji Alias dan Dayang Norlila binti Mohamad. Sepanjang bengkel para peserta telah berpeluang untuk mempraktikkan kaedah dan cara memandikan jenazah, mengkafankan jenazah, menyembahyangkan jenazah serta mengebumikan jenazah dengan memberigakan teknik dan kaedah yang betul berpandukan sunnah Rasulullah *Shallallahu 'Alaihi Wasallam*.

## UNISSA Sertai Seminar BEDAH KARYA “PENYAIR 3 SERANGKAI”



Seminar Bedah Karya “Penyair 3 Serangkai” (Badaruddin H.O, Adi Rumi, Yahya M.S) sempena Pesta Buku Brunei 2020 anjuran Akademi UF Brunei telah diadakan pada 9 Rejab 1441 bersamaan dengan 4 Mac 2020 bertempat di Bilik Bengkel 2, Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara, Hassanal Bolkiah, Berakas. Seminar Bedah Karya mengumpulkan medan penulis dan penggiat seni sastera tempatan sebagai tempat pertemuan penulis dan penggiat seni sastera untuk membincangkan dan menganalisis hasil-hasil karya seni. Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah dijemput untuk menyertai

seminar berkenaan di mana seramai dua orang pegawai dan lapan orang pelajar UNISSA telah mengahdirinya. Dayang Norhasinah binti Haji Moxin, Pustakawan Kanan dan Dayang Julia binti Radin, Penerbit Kanan UNISSA antara yang mengikuti seminar tersebut. Hadir selaku tetamu khas pada majlis tersebut ialah Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned dan Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim.

## Taklimat ISBN dan Akta Pemeliharaan Buku-Buku 1967

Taklimat International Standard Book Name (ISBN) & Akta Pemeliharaan Buku-Buku 1967 anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka telah diadakan pada 9 Rejab 1441 bersamaan 4 Mac 2020 bertempat di Bilik Hijau, Stadium Tertutup Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Berakas. Hadir bagi mewakili Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) ialah Dayang Nor Surilawana binti Haji Sulaiman, Felo Penyelidik, Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban dan Dayang Julia binti Radin, Penerbit Kanan, Pusat Penyelidikan dan Penerbitan UNISSA. Taklimat ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada para peserta mengenai Akta Pemeliharaan Buku-Buku 1967. Selain itu, ia juga

bertujuan untuk memberi kesedaran akan kepentingan bahan koleksi negara sebagai warisan negara ke arah pembangunan koleksi negara yang komprehensif. Taklimat ini juga turut membantu dan memberi kefahaman yang lebih jelas kepada orang ramai khususnya kepada penerbit-penerbit di negara ini. UNISSA sebagai salah satu Penerbit Buku yang amat dikenali dalam kalangan para akademik di Negara Brunei Darussalam amat menitikberatkan mengenai hal ini. Taklimat sedemikian mampu untuk meningkatkan lagi mutu dan kualiti bahan penerbitan UNISSA agar sentiasa diterimapakai oleh semua golongan masyarakat.





# Silaturahmi Pelajar MELALUI *INTER-LOCAL BONDING*



Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Unit Kolej Kediaman telah bekerjasama untuk menjayakan acara "*Inter-Local Bonding*" untuk merapatkan silaturahmi di antara penghuni kolej kediaman UNISSA yang terdiri daripada pelajar tempatan dan antarabangsa. Acara ini telah diadakan pada 14 Jamadilakhir 1441 bersamaan dengan 9 Februari 2020 di Bukit Sipatir, Subok. Hadir di acara tersebut ialah Dr Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad, Timbalan Rektor, Dr Arman bin Haji Asmad, Penolong Rektor dan para pensyarah UNISSA.



## UNISSA Sweep At 2<sup>nd</sup> & 3<sup>rd</sup> Place in KIGS Bowling Tournamnet



Universiti Islam Sultan Sharif Ali has participated in the Kolej International Graduate Studies (KIGS) Inter Higher Institution Bowling Tournament and emerged second and third place in the men's and women's teams' categories respectively. The tournament was held on Sunday, 23 Jamadilawal 1441 corresponding to 19 January 2020 at the Golden Bowling in The Airport Mall, Berakas. Other categories contested in the competition were the men's individual and women's individual. Head of Academic of KIGS Haji Nor Hasnul bin Haji Mohd Hamdani presented the prizes.

## Majlis Penyerahan DERMA ANAK YATIM BAGI WARGA UNISSA



Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Hal Ehwal Pelajar telah mengadakan Majlis Penyerahan Derma Anak Yatim Bagi Warga UNISSA pada 28 Ramadhan 1441H bersamaan dengan 21 Mei 2020.

Aktiviti yang berkebjajikan ini adalah merupakan acara tahunan UNISSA dalam menyemarakkan bulan Ramadhan. Majlis yang diadakan ini bertujuan untuk meraih keberkatan dengan mengandakan amal ibadat di bulan yang mulia ini serta untuk mengembirakan hati anak-anak yatim khususnya dari anak-anak warga UNISSA termasuk pelajar-pelajar dalam menyambut Hari Raya Aidilfitri.

Tahun ini seramai 41 orang anak yatim telah menerima sumbangan tersebut dengan penyerahannya menggunakan kaedah pandu lalu "*drive thru*" yang disempurnakan oleh Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, Rektor UNISSA.

Kaedah berkenaan adalah bagi mengurangkan risiko terkena jangkitan COVID-19 dan mengelakkan perhimpunan beramai-ramai sebagaimana disarankan oleh pihak Kerajaan.

Hadir sama dalam majlis tersebut ialah Dr Supri bin Haji Sudin, Dekan Pelajar selaku Pengerusi Majlis Program Ihya Ramadhan UNISSA.

# UNISSA Mulakan Pengajaran dan Pembelajaran SECARA BERFASA



Kedudukan pelajar dalam bilik kuliah juga diambil kira mengikut penjarakan sosial sebagaimana saranan Kementerian Kesihatan.

Berikutan perkembangan positif pengawalan wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) memulakan pengajaran dan pembelajaran di kampus universiti secara berfasa, bermula pada 11 Syawal 1441 bersamaan dengan 3 Jun 2020 melalui pelan 'de-escalation' menurut tahap keadaan yang dinasihatkan oleh Kementerian Kesihatan.

Pada peringkat ini, UNISSA mula melaksanakan pengajian secara bersemuka atau 'face to face', terutama sekali bagi program yang memerlukan pengajaran secara fizikal, iaitu penilaian praktikal, seperti 'mooting' bagi pelajar Fakulti Syariah dan Undang-Undang. Walau bagaimanapun, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di kampus ini dilakukan secara berperingkat dengan meminimumkan bilangan pelajar setiap sesi pengajian sehingga 40 peratus daripada kapasiti biasa dan dalam tempoh dua jam setiap sesi pengajian atau kurang daripada itu.

Kedudukan pelajar dalam bilik kuliah juga diambil kira mengikut penjarakan sosial sebagaimana saranan Kementerian Kesihatan. Dalam usaha memantau keberadaan warga UNISSA di kampus universiti, semua kakitangan dan pelajar juga dikehendaki untuk mengimbas Kod QR BruHealth ketika masuk dan keluar kampus di setiap pintu masuk utama kampus universiti berkenaan. Selain itu, UNISSA akan meneruskan pelaksanaan pemeriksaan suhu badan bagi semua warga UNISSA dan pengunjung.

Dalam fasa ini, semua aktiviti kokurikulum dan aktiviti sosial masih ditiadakan. Demikian juga kolej kediaman, setakat ini masih ditutup buat sementara kecuali bagi pelajar-pelajar antarabangsa dengan kawalan dan pemantauan yang ketat. Sejak awal bulan Mac 2020, UNISSA menangguhkan pengajian di kampus dan menggunakan pengajaran juga pembelajaran melalui platform dalam talian sebagai alternatif.

Pihak UNISSA turut menyediakan panduan pelan 'de-escalation' kepada kakitangan dan pelajar mengikut saranan pihak Kementerian Kesihatan juga berusaha memastikan warga UNISSA sentiasa mengamalkan tanggungjawab sosial (social responsibility), memastikan penjarakan fizikal (physical distancing) dan kebersihan diri untuk memastikan kesejahteraan juga keselamatan komuniti universiti terjamin.



Pejabat, Fakulti-Fakulti, Pusat-pusat UNISSA menggunakan Scan Kod QR BruHealth pantau COVID-19.



# UNISSA HULURKAN SUMBANGAN ANAK-ANAK YATIM



Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban (PPHT) telah meneruskan usaha dalam mengimarahkan lagi bulan Ramadhan melalui program “*Infaq Ramadhan for Orphans*”. Program ini telah diadakan pada 25-26 Ramadhan 1441 bersamaan dengan 18-19 Mei 2020.

Program yang diadakan selama dua hari bermula 18 Mei 2020 telah berjaya mengumpulkan sumbangan berbentuk kewangan dan barang-barang keperluan asasi untuk seramai 31 orang anak yatim daripada 21 buah keluarga di sekitar Daerah Brunei dan Muara.

Hadir bagi menyempurnakan penyerahan sumbangan ialah Profesor Madya Dr Nurdeng Deuraseh, Pengarah PPHT, dan Pengiran Dr Hajah Norkhairiah binti Pengiran Haji Hashim, Timbalan Pengarah PPHT. Turut sama hadir dalam program berkenaan ialah para pensyarah dan pegawai-pegawai PPHT, UNISSA.

## Projek Khidmat Masyarakat PENGHANTARAN BARANG BELIAN KEPERLUAN ASASI ke Rumah-Rumah Kediaman Persendirian

Universiti Islam Sultan Sharif Ali melalui Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm) telah menganjurkan Projek Khidmat Masyarakat bagi penghantaran barang belian keperluan asasi ke Rumah-Rumah Kediaman Persendirian yang diadakan pada 4 Ramadhan hingga 26 Ramadhan 1441 bersamaan dengan 27 April 2020 hingga 19 Mei 2020.

Caj perkhidmatan atau *service charge* yang mana 80% daripada bayaran setiap transaksi akan disumbangkan ke tabung Covid-19 bagi sama-sama membantu dalam meringankan beban kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan dalam menangani wabak Covid-19 di Negara Brunei Darussalam.



# Program Ramadhan Food Drive UNISSA



Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Unit Kebajikan dan Kemasyarakatan, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sesi 2019/2020 telah mengadakan Program Ramadhan Food Drive (RFD) bertempat di Kampung Sungai Teraban, Kuala Belait, Daerah Belait pada 19 Ramadhan bersamaan dengan 12 Mei 2020. Program ini merupakan projek tahunan dan telah memasuki tahun ke 5 pelaksanaannya dengan hasrat untuk berkongsi rezeki dan meraih pahala bersedekah sesama saudara Islam, terutama sekali bagi mereka yang memerlukan bantuan. Di samping itu, projek ini juga bertujuan untuk memberi kesedaran kepada pelajar mengenai kehidupan bermasyarakat dan kesukarelawanan.

Seramai 10 pelajar UNISSA telah ikut serta dalam pengagihan sumbangan tersebut dengan bantuan Awang Zaini bin Haji Kaderi, Pemangku Ketua Kampung Sungai Teraban, Kuala Belait. Sebanyak 10 buah keluarga telah menerima sumbangan berupa makanan asasi dan kewangan yang diperolehi hasil ihsan warga UNISSA yang telah menghulurkan sumbangan melalui Online Donation UNISSA. Turut menerima sumbangan tersebut ialah seramai 11 orang warga UNISSA yang terdiri daripada kakitangan dan juga pelajar-pelajar yang memerlukan. Sepanjang program pengagihan sumbangan, pelajar-pelajar tidak lupa mengikut langkah-langkah keselamatan dengan mengekalkan tahap kebersihan yang tinggi dan mengamalkan penjarakan sosial seperti mana yang sudah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan.

## SUMBANGAN UNISSA BERUPA HAMPER Fakulti Bahasa Arab

Universiti Islam Sultan Sharif Ali melalui Fakulti Bahasa Arab telah mengadakan sumbangan anak yatim berupa hamper yang diserahkan kepada Pelajar Fakulti Bahasa Arab, UNISSA bertempat di UNISSA pada 21 Ramadhan 1441 bersamaan dengan 14 Mei 2020. Sumbangan berkenaan disampaikan oleh Dekan Fakulti Bahasa Arab, UNISSA iaitu Prof Madya Siti Sara binti Haji Ahmad. Turut hadir Timbalan Dekan Bahasa Arab dan beberapa Tenaga Akademik UNISSA.



## Fakulti Usuluddin adakan PROGRAM AL-QURAN PENYULUH KEHIDUPAN



Program al-Quran Penyuluh kehidupan telah diadakan pada 6 Safar 1442 bersamaan dengan 24 September 2020 bertempat di Pusat Al-Islah Biro Kawalan Narkotik, Kampong Kupang Tutong.

Program ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada para residen. Kehadiran residen adalah seramai 68 residen. Melalui program ini, para pelajar dapat membantu dan mengajar sedikit sebanyak ahli residen Pusat Al-Islah dalam menghalusi bacaan Surah al-Fatihah dan asas-asas agama seperti wudhu, pergerakan solat serta bacaan yang terkandung di dalamnya.

Program ini dikendalikan oleh pelajar Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali. Seramai 32 orang pelajar yang menyertai program ini terdiri dari tahun 3 dan 4. Ia dihasratkan untuk menjadi salah satu wadah bagi melahirkan mahasiswa dan mahasiswi

yang mempunyai kebolehan dan pengalaman berdakwah di kalangan masyarakat Brunei di samping meningkatkan kemahiran tersebut.

Tujuan Program ini adalah untuk menghasilkan pengalaman yang bermanfaat bagi mahasiswa dan mahasiswi dengan mengongsikan ilmu-ilmu yang dipelajari di bilik-bilik kuliah bersama para residen Pusat Al-Islah. Dalam masa yang sama program ini juga dapat meningkatkan keyakinan dan keberanian diri serta persediaan awal sebelum menghadapi dunia luar sebenar.

Alhamdulillah, dengan izin-Nya jua, program ini juga telah memberikan kesan yang positif kepada para residen. Antara kesan positif berkenaan ialah para residen mengetahui wujudnya golongan yang mengambil berat akan hal ehwal kerohanian mereka. Dengan ini, mereka menjadi lebih bersemangat dalam mempraktikkan dan memantapkan lagi fardhu 'ain mereka.



# KECEMERLANGAN PELAJAR

# Qari UNISSA Mendapat Ketiga **TILAWAH AL-QURAN**



Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara Ke-9 telah diadakan selama 3 malam berturut-turut pada 6, 7 & 8 Rabiulakhir 1441 bersamaan dengan 3, 4 dan 5 Disember 2019 di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas, Negara Brunei Darussalam. Seramai 11 orang Qari dan 11 orang Qariah telah menyertai Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara Ke-9 yang berumur dari 15 ke 30 tahun dari negara-negara ASEAN dan penyertaan Republik Demokratik Timor Leste. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat ke Majlis Pengurniaan Hadiah Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara Ke-9, 1441/2019 pada 8 Rabiulakhir 1441 bersamaan dengan 5 Disember 2019 dan berkenaan menyampaikan hadiah-hadiah dan cenderamata kepada johan qari dan qariah serta peserta-peserta dan para jemaah hakim Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara Ke-9, 1441/2019.

## **QARIAH UNISSA JOHAN TILAWAH AL-QURAN**

Dayang Fatin Nurhanani binti Abdullah Mohdar mewakili Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), telah diumumkan sebagai Johan Qariah Musabaqah Tilawah Al-Quran bagi Mahasiswa dan Mahasiswi Institusi Pengajian Tinggi sempena Sambutan Jubli Perak Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah di musabaqah yang diadakan pada 20 Safar 1441 bersamaan dengan 19 Oktober 2019 di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampong Kiarong. Johan qariah mendapat markah 89.5 peratus, di mana johan menerima wang tunai berjumlah BND\$1,000 berserta piala iringan dan sijil penyertaan. Turut hadir di majlis tersebut ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang, pegawai kanan dan kakitangan dari Kementerian Hal Ehwal Ugama, Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid (AJKT), Muslimah dan para peserta.



## **Pelajar UNISSA Wakil Negara ke Dubai**



Peserta negara, Dayangku Nur Fatin Wahidah binti Pengiran Haji Muhammad Sallehin adalah mahasiswi Tahun 2, Fakulti Bahasa Arab di UNISSA telah menyertai Pertandingan Menghafaz Al-Qur'an Kategori 30 juz Al-Qur'an Peringkat Antarabangsa Kali Ke-4 di Dubai, Emiriah Arab Bersatu yang telah diadakan pada 2 hingga 9 November 2019. Rombongan disertai oleh Pegawai Ugama, Dayang Murni binti Haji Ismail selaku Pengurus rombongan. Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Dekan Fakulti Bahasa Arab, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Profesor Madya Dr Siti Sara binti Haji Ahmad; Pemangku Ketua Bahagian Kemajuan Syiar Islam, Dayang Hajah Siti Mahyana binti Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Dr Haji Awang Yahya; dan Pemangku Pengetua Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Pengiran Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit.



## *Student Exchange Outbound Programme* UNISSA dan UNAIR

Dalam usaha membantu memantapkan bahan kajian pelajar-pelajar pascasiswazah, Pusat Pengajian Lepas Ijazah, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah menerima kunjungan empat pelajar pasca daripada Sekolah Pascasarjana Universitas Airlangga (UNAIR) dalam sesi *Student Exchange Outbound Programme* pada 19-24 Zulkaedah 1440 bersamaan 22-27 Julai 2019. Beberapa aktiviti dan lawatan ilmiah telah dijalankan sepanjang program tersebut. Aktiviti ilmiah ini adalah sebagai alternatif perkongsian ilmu, kaedah, teknik dan tips penulisan kepada pelajar pasca. Para peserta

juga diberikan sesi konsultasi pemantapan bahan kajian bersama tenaga akademik UNISSA sebelum sesi pembentangan yang diadakan pada 25 Julai 2019. Sebanyak enam kertas kerja telah dikongsikan dalam sesi pembentangan daripada peserta UNISSA dan UNAIR. Melalui sesi pembentangan tersebut, para peserta telah dapat menimba ilmu dan memantapkan lagi kajian serta penulisan mereka melalui ulasan, teguran dan nasihat yang diberikan sepanjang sesi perkongsian tersebut daripada tenaga akademik dan ketua-ketua program pascasiswazah yang hadir.



## Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah Bagi Tahun 1441H

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar telah mengadakan Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah bagi tahun 1441H/2019M pada 14 Muharram 1441 bersamaan 14 September 2019 bertempat di Dewan Auditorium, UNISSA.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, Rektor UNISSA. Majlis turut dihadiri oleh para pegawai utama, tenaga akademik, pegawai dan kakitangan, serta mahasiswa/i UNISSA. Majlis disemarakkan dengan sebuah forum yang bertemakan; Rezeki Halal Mengundang Rahmat Negara Berkat.

Forum disampaikan oleh pelajar program Sarjana Muda Sains Halal, Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban, Ak Mohammad Nur Ajjun'azhim bin Pengiran Julkifli (Panel Pertama), pelajar program Sarjana Muda Sains



Kewangan Islam, Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam, Muhammad Hanafi bin Rosli (Panel Kedua) dan pelajar program Sarjana Muda Sains Kewangan Islam, Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam, Awangku Ahmad Waaiz bin Pengiran Haji Samsudin (Moderator).

# *JOINT STUDENT CONFERENCE PROGRAMME*

## Anjuran UNISSA dan UNISMA



Sebagai salah satu pengisian daripada Memorandum Persefahaman antara Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Universiti Islam Malang (UNISMA) yang terjalin pada 15 Mac 2018, Pusat Pengajian Lepas Ijazah, mewakili pihak UNISSA dengan kerjasama pihak UNISMA telah menyelenggarakan *Joint Student Conference Programme*.

Program diadakan selama 10 hari bermula 14 Jamadilawal hingga 2 Jamadilakhir 1440 bersamaan 27 Januari hingga 7 Februari 2019 bertempat di dalam kampus UNISSA. Seramai lapan orang mahasiswa S3 atau Ijazah Kedoktoran daripada UNISMA dan enam orang mahasiswa Pascasiswazah UNISSA menyertai program berkenaan. Sepanjang program dijalankan, para peserta telah dibimbing dan diberi konsultasi secara intensif daripada tenaga akademik UNISSA yang dilantik selaku pakar konsultan khususnya dalam penelitian penulisan artikel. Hasil daripada penulisan

tersebut kemudian dibentangkan dalam mini konferens yang diadakan pada 4 Februari 2019.

Pada penghujung program, satu majlis penutup telah diadakan bagi meraikan peserta-peserta program disamping penghargaan kepada pakar konsultan yang terlibat. Acara tersebut telah dihadiri oleh Ketua-Ketua Penyelaras Program Lepas Ijazah UNISSA serta rombongan daripada UNISMA yang diketuai oleh Dr Ir. Hjh. Istirchah Pujiwati, M.P Wakil Rektor, Bidang Kelembagaan, Publikasi dan Teknologi Informasi Universitas Islam Malang. Majlis telah diisikan dengan ucapan aluan yang disampaikan oleh Dr Hajah Sri Rahayu @ Nurjanah binti Haji Dollah, Pengarah Pusat Pengajian Lepas Ijazah selaku tuan rumah, diikuti ucapan balas daripada Wakil Rektor UNISMA. Turut hadir pada majlis tersebut ialah Dr Arman bin Haji Asmad, Penolong Rektor UNISSA yang telah berkenan menyampaikan sijil kepada pembimbing dan peserta program serta cenderahati kepada ketua rombongan UNISMA.

# Varsity Cycle 6.0



Over 200 cyclists participated in the Varsity Cycle 6.0, a donation drive for the Learning Ladders Society co-organised by Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Teknologi Brunei (UTB), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) and Religious Teachers University College of Seri Begawan (KUPU SB) on the occasion of the 73rd birthday celebration of His Majesty Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam and Chancellor of UBD, UTB, UNISSA and KUPU SB. The event was held on 22 Muharram 1441 corresponding to 22 September 2019. The cycling expedition began at UTB and was flagged off by Permanent Secretary (Higher Education) at the Ministry of Education Dr Haji Azman bin Ahmad. Among the cyclists participating were Vice-Chancellor of UBD Datin Dr Hajah Anita Binurul Zahrina binti Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz; Acting Vice-

Chancellor of UTB Haji Ady Syarmin bin Haji Mohd Taib; Rector of UNISSA Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal; and Ra'ees of KUPU SB Dr Haji Adanan bin Haji Basar. Other participants included senior officials, lecturers, staff and students of the four universities as well as members of the public. The 73km cycling expedition started from UTB to Tungku Highway and Jalan Menteri Besar heading towards the Prime Minister's Office for the 14km first pit stop hosted by UNISSA. The expedition continued by cycling along Jalan Utama Berakas and Muara-Tutung Highway towards the Muara roundabout. From there, the participants headed back along the Muara-Tutung Highway heading towards the 52km second pit stop near the Lambak Flyover hosted by KUPU SB. The participants continued their journey along Rimba Highway before merging onto The Empire Hotel & Country Club roundabout and then cycling back to the Integrated Science Building at UBD, where the Varsity Cycle 6.0 route ended.

## Pelajar Pascasiswazah Program Mobiliti (Outbound) Berlepas Ke Malaysia

Seramai lima pelajar pascasiswazah Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban (PPHT), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) berlepas ke Malaysia bagi Program Mobiliti Pascasiswazah (*Outbound*) di Institut Penyelidikan Produk Halal (IPPH), Universiti Putra Malaysia (UPM), sebagai universiti penyelidikan tersohor di Malaysia, selama 14 hari bermula pada 1 Safar 1441 bersamaan 30 September 2019. Rombongan terdiri daripada seorang pelajar pascasiswazah daripada program Falsafah Kedoktoran Sains Halal (Pengurusan Halal), dua orang pelajar pascasiswazah daripada program Sarjana Sains Halal (Pengurusan Halal) dan dua orang pelajar pascasiswazah daripada Sarjana Sains Halal (Undang-Undang Halal). Rombongan tersebut telah diketuai oleh pelajar pascasiswazah, Nor Surilawana binti Haji Sulaiman, yang juga merupakan Felo Penyelidik di PPHT, UNISSA. Sehubungan itu, Majlis Doa Selamat telah diadakan pada 28 September 2019 di PPHT bagi meraikan pelajar pascasiswazah yang mengikuti program ini. Hadir bagi mengucapkan selamat



belayar kepada rombongan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ialah Pengarah PPHT, Profesor Madya Dr Nurdeng Deuraseh. Program Mobiliti Pascasiswazah (Outbound) ini merupakan program jaringan antara UNISSA dan UPM yang sedia terjalin sejak beberapa tahun yang lalu.

## Appointment of New Board and Council Members for ALSA Brunei and SHALAWSOC 2019/2020



Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) held an event for the newly appointed National Board and National Council members of 2019/2020 and together with the dissolution of the former Board and Council members of 2018/2019 for the Asian Law Students' Association Brunei National Chapter (ALSA Brunei) and Shariah Law Students' Society (SHALAWSOC) on 5 Rabiulawal 1441 corresponding to 2 November 2019. The event was attended by the lecturers and students of the Shariah and Law Faculty, UNISSA at the auditorium of UNISSA.

The guest of honour, Dr Hajah Mas Nooraini binti Haji Mohiddin, Dean of Faculty of Shariah and Law, in her speech stated her aspiration to see the members of ALSA Brunei and SHALAWSOC to conduct more events which will produce positive impact to the people outside of the university and to see the increase of collaborations between ALSA Brunei and SHALAWSOC. She also acknowledged the newly appointed members and the achievements by the former members during the previous term.

Nor Amirah Aziyah binti Hasdy was appointed as the President of ALSA Brunei for the session 2019/2020. In her appointment speech, she expressed her gratitude to be given such opportunity as a president and her vision for ALSA Brunei 2019/2020 is to maintain the legacy of ALSA International and ALSA Brunei by incorporating and maintaining the Shariah in order to produce legally skilled law students.

The newly appointed National Board members of ALSA Brunei for the session 2019/2020 also include Wafa

Hamidah binti Mohamad as the Secretary-General, Nur Rafidah binti Salli as the Treasurer, Nurulbillah Aqilah binti Haji Md Ali as Vice-President of Academic Activities, Awangku Md Syair Aminy bin Pengiran Shahrel Anuar as Vice-President of the Training, Exchange and Development, and also Aimi Rasyiqah Ramizah binti Haji Awang Sabtu as Vice-President of Public Relations and Marketing.

The event also honoured the newly appointed Board and Council members of Shariah and Law Students' Society (SHALAWSOC) in which, Muhammad Nurazam bin Muhd Azlan was appointed as the President of SHALAWSOC. In his appointment speech, he expressed his gratitude to be given the opportunity to lead SHALAWSOC for the term 2019/2020 and expressed his appreciation to the previous Board members of SHALAWSOC. He also hoped in his speech that this students' committee (SHALAWSOC) would serve as a platform among all students of the Shariah and Law Faculty without regard to the course taken by each individual. At the same time, he also wants all members of the new SHALAWSOC board to join hands and strive to raise the name of the faculty and furthermore UNISSA.

The Board members of SHALAWSOC for the session 2019/2020 includes Nurnadhirah binti Sahari as Vice-President of Administration, Norsyariza binti Haji Matusin as Secretary of Administration, Muhammad Naqib bin Haji Mohidin as Vice-President of Operational, Muhd Khairul Hafiz bin Haji Abdullah as Secretary of Operational and lastly, Haji Awang Mohammad Husny Bahry bin Haji Awang Yusoff as the Treasurer. Both organizations aim to work together for the benefit of law students in UNISSA by overseeing the progress of law students in the field of Shariah and Law respectively.

## UNISSA Naib Johan Pertandingan Kawad

Pertandingan Kawad Pasukan Kadet Polis 2019 telah diadakan pada 27 Rabiulawal 1441 bersamaan 24 November 2019. Pertandingan Kawad ini telah diungtkayahkan oleh Jabatan Pendidikan Kokurikulum melalui Unit Beruniform dan Perkhidmatan Kemasyarakatan Bersama Pusat Latihan Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei.

Pasukan Kadet Polis Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja, Mentiri (SMPDSM) berjaya menjuarai Pertandingan Kawad Pasukan Kadet Polis 2019 dengan mengumpul markah 77.5 peratus manakala naib johan disandang oleh Pasukan Kadet Polis Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dengan markah 76.5 peratus diikuti tempat ketiga, Pasukan Kadet Polis Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna (SMPAPHM) dengan markah 73.3 peratus.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyampaikan hadiah kepada para pemenang pertandingan yang berlangsung di Padang Kawad, Pusat Latihan Polis, Gadong ialah Pemangku Pengarah Jabatan Pendidikan



Kokurikulum, Awang Mohammad Norilham bin Haji Jais. Pertandingan kali ini disertai oleh enam buah pasukan terdiri daripada UNISSA, Institut Pendidikan Teknikal Brunei, SMPAPHM, SMPDSM, Sekolah Menengah Muda Hashim, Tutong dan Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar, Temburong.

## Perkhemahan Tahunan Senegara PKP



Seramai 133 ahli Pasukan Kadet Polis dari seluruh negara, iaitu 76 orang lelaki dan 57 orang perempuan mengikuti Perkhemahan Tahunan Senegara Pasukan Kadet Polis (PKP) bagi Tahun 2019 yang diadakan pada 3 Rabiulakhir 1441 bersamaan 30 November 2019 di Tapak Kem Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN), Kampung Batu Apoi, Daerah Temburong. Hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis, Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali. Sebanyak 16 Maktab dan Sekolah dari keempat-empat daerah mengikuti Perkhemahan Tahunan Senegara PKP bagi Tahun 2019 tersebut, iaitu Universiti Islam Sultan Sharif Ali; Institut Pendidikan Teknikal Brunei; Sekolah Sukan; Sekolah Menengah. Pasukan Kadet lelaki UNISSA telah memenangi anugerah Kadet Terbaik Perkhemahan manakala pasukan Kadet Wanita UNISSA pula telah memenangi Khemah Terbaik.

## Pertandingan Tazkirah Se-IPT Sempena MINGGU PENGHAYATAN ISLAM BELIA

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar telah menghantar wakil seramai dua orang peserta dari kalangan pelajar lelaki dan perempuan bagi menyertai pertandingan tazkirah Se-IPT Sempena Minggu Penghayatan Islam Belia yang dianjurkan oleh Universiti Teknologi Brunei (UTB) pada 27 Safar 1441 bersamaan dengan 26 Oktober 2019, bertempat di Dewan Kuliah SCI, UTB. Atas usaha gigih dan bakat yang ada dalam diri pelajar tersebut, Ainul Rabiatul Adawiyah binti Md Suhaimi telah mendapat Naib Johan, manakala Mohammad Arif Al-Haziq bin Haji Abdul Rahman pula mendapat tempat ke-5 di dalam pertandingan tersebut.



# Forum Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad *Shallallahu 'Alaihi Wasallam* 1441, Penyampaian Anugerah Senarai Dekan Sesi 2018/2019 & Penyampaian Insentif bagi Pelajar

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) telah mengadakan Forum Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad *Shallallahu 'Alaihi Wasallam* 1441H, Penyampaian Anugerah Senarai Dekan Sesi 2018/2019 & Penyampaian Intensif Bagi Pelajar Yang Mengharumkan Nama UNISSA 2019 pada 8 Rabiulakhir 1441 bersamaan dengan 5 Disember 2019 di Surau al-Syafi', UNISSA.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, Rektor UNISSA.

Majlis ini juga turut dihadiri oleh pegawai-pegawai utama, tenaga akademik, pegawai & kakitangan serta para mahasiswa dan mahasiswi UNISSA.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beserta dengan bacaan Surah Yasiin dan Tahliil yang diketuai oleh Ustaz Pengiran Daud bin Pengiran Matassan, Pegawai Ugama UNISSA.

Kemudian majlis dimeriahkan dengan pengisian Forum Khas



Sempena Sambutan Majlis Maulud Nabi Muhammad *Shallallahu 'Alaihi Wasallam* 1441/2019 yang disampaikan oleh Mohammad Hadi Saifullah bin Abdul Rahim, Mahasiswa Sarjana Muda Sains Halal daripada Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban, Ilham Dwitama Haeba, Mahasiswa Sarjana Usuluddin manakala moderatornya ialah Awang Mohammad Rawi Syzavi bin Ratino, Naib Yang di Pertua 2 Majlis Perwakilan Pelajar 2019/2020.




Forum khas ini bertemakan "*Meneladani Muamalat Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam*" yang mana bertujuan untuk menyemarakkan sambutan Maulud Nabi Muhammad *Shallallahu 'Alaihi Wasallam* di UNISSA dan memupuk semangat perpaduan dan rasa cinta di kalangan warga UNISSA terhadap Rasulullah *Shallallahu 'Alaihi Wasallam*. Ianya juga untuk mengambil iktibar dan pengajaran terhadap jasa-jasa Rasulullah *Shallallahu 'Alaihi Wasallam* sebagai pemimpin dan pendidik dalam menyebarkan dan mengembangkan Islam.

Majlis diteruskan dengan Penyampaian Insentif Bagi Pelajar Yang Mengharumkan Nama UNISSA bagi tahun 2019 dan penyampaian Anugerah Senarai Dekan Sesi 2018/2019 bagi pelajar-pelajar yang cemerlang dalam akademik yang disempurnakan oleh Tetamu Kehormat Majlis.

Anugerah ini diberikan kepada pelajar yang telah maju ke hadapan untuk menampilkan kebolehan dan sekaligus membawa nama UNISSA ke peringkat negara dan juga bagi pelajar yang mencapai kecemerlangan akademik pada semester berkenaan serta menjadi pembakar semangat untuk menjana kecemerlangan akademik yang berterusan.

Bagi mengakhiri majlis, bacaan doa selamat dibacakan oleh Mohammad Najihuddin bin Nooralizam, Exco Unit Keugamaan dan Kerohanian 2019/2020.



# Majlis Doa Selamat dan Kesyukuran Bagi Pelajar Program PENGAJIAN SETAHUN DI LUAR NEGERI DAN PROGRAM PERTUKARAN PELAJAR



Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pejabat Pengurusan Akademik UNISSA telah mengadakan Majlis Doa Selamat dan Kesyukuran bagi pelajar-pelajar yang mengikuti program Pengajian Setahun di Luar Negeri (SAP) dan Program Pertukaran Pelajar (SEP) bagi sesi pengajian Akademik 2019/2020 pada 9 Muharram 1441 bersamaan 9 September 2019.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Dr Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad selaku Pemangku Rektor bagi menyampaikan amanat kepada pelajar-pelajar yang telah terpilih untuk mengikuti dua program berkenaan. Majlis turut dihadiri oleh pegawai-pegawai utama UNISSA dan pelajar-pelajar yang mengikuti Program Pengajian Setahun di Luar Negeri (SAP) dan Program Pertukaran Pelajar (SEP).

Seramai 13 orang pelajar Tahun 3 bagi Sesi Pengajian Akademik 2019/2020 mengikuti Program Setahun di Luar Negara (SAP) selama dua semester yang mana antara penempatan pengajian adalah The World Islamic Sciences & Education University, Jordan (WISE), University Yarmouk, Jordan, University Mohammad V, Morocco, University of Sharjah, United Arab Emirates (UAE), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Manakala seramai 17 orang pelajar Tahun 3 bagi Sesi Pengajian Akademik 2019/2020 mengikuti Program Pertukaran pelajar selama satu semester dan antara penempatan pengajian adalah University Yarmouk, Jordan, University Sultan Qaboos, Oman, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIA), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA).

## Majlis Perlantikan dan Watikah Bagi MPPUNISSA 2019/2020 dan MAJLIS PENGHARGAAN BAGI MPPUNISSA 2018/2019

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP), telah melantik ahli baharu Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UNISSA bagi sesi 2019/2020.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan amanat kepada ahli-ahli yang baru dilantik ialah Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Dalam ucapan beliau, Rektor merakamkan penghargaan di atas sumbangan MPPUNISSA 2018/2019 sepanjang tempoh menjawat jawatan pemimpin tertinggi pelajar UNISSA. Diharap pengalaman yang diraih sepanjang berkhidmat sebagai MPP dapat dimanfaatkan dalam mengharungi alam pekerjaan nanti. Beliau juga berharap pelajar akan terus



mencurahkan bakti kepada UNISSA dan masyarakat walaupun tidak lagi memegang jawatan rasmi. MPP merupakan badan induk yang mentadbir Persatuan Pelajar UNISSA dan dianggotai oleh mahasiswa dan mahasiswi yang dipilih melalui proses pengundian terbuka serta temuduga. MPP dianggotai oleh tujuh orang ahli jawatankuasa tertinggi dan 11 orang ketua Jawatankuasa Eksekutif. Pada sesi 2019/2020 ini, jawatan Yang Di-Pertua MPPUNISSA dipegang oleh Muhammad Hanafi bin Rosli dari Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam dan Naib Yang di Pertua (1) ialah Mohammad Rawi Syazwi bin Ratino dari Pusat Penyelidikan Halalan Tayyiban, manakala Hajah Siti Nur Khadijah binti Haji Abu Samah dari Fakulti Bahasa Arab memegang jawatan Naib Yang di Pertua (2). Turut hadir ialah Timbalan Rektor, Penolong Rektor dan Pegawai-Pegawai Utama UNISSA.

## Pelajar UNISSA Berlepas ke Arab Saudi



Program lawatan sambil belajar ke Arab Saudi ini merupakan usaha PPHT dalam mewujudkan hubungan jaringan antara UNISSA dengan Universiti di Arab Saudi khususnya Universiti Umm al-Qura dan Universiti Islam

Seramai 18 ahli rombongan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban (PPHT) terdiri daripada Pensyarah, kakitangan dan Mahasiswa/i telah berlepas ke Arab Saudi pada 23 Safar 1441 bersamaan 22 Oktober 2019 bagi mengikuti program lawatan sambil belajar selama 10 hari.

Rombongan diketuai oleh Pensyarah PPHT selaku Ketua Program Pengajian Siswazah, Dr Zeiad Amjad Abdulrazzak.

Hadir bagi mengucapkan selamat belayar kepada rombongan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ialah Pengarah PPHT, Profesor Madya Dr Nurdeng Deuraseh dan Timbalan Pengarah PPHT, Pengiran Dr Hajah Norkhairiah binti Pengiran Haji Hashim.

Madinah. Antara lain program ini bertujuan bagi melatih siswazah bagi memahami cara pembelajaran dan kehidupan mahasiswa/i di Arab Saudi dan melatih mahasiswa untuk bekerja secara berpasukan juga melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan bersesuaian dengan persekitaran.

Semasa program itu, para peserta rombongan berkunjung ke Universiti Umm al-Qura, Institut Penyelidikan Haji dan Umrh, Clinical Nutrition, College of Applied Medical Sciences, Universiti Islam Madinah, rumah penyembelihan, kilang makanan halal dan syarikat gelatin dan kapsul Saudi. Selain itu, para peserta juga menghadiri kuliah Syariah di Universiti Umm al-Qura. Di masa kelapangan, para rombongan juga melawat ke tempat-tempat bersejarah dan melakukan ibadah Umrh.



# UNISSA Raikan Sambutan HARI BAHASA ARAB SEDUNIA



Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menerusi Fakulti Bahasa Arab (FBA) dengan kerjasama Badan Pelajar Fakulti Bahasa Arab telah meraikan sambutan Hari Bahasa Arab Sedunia pada 21 Rabiulakhir 1441 bersamaan dengan 18 Disember 2019 di Dewan Auditorium, UNISSA.

Menurut Dekan FBA, Profesor Madya Dr Siti Sara binti Haji Ahmad, Hari Bahasa Arab Sedunia disambut pada setiap 18 Disember bersempena pemilihan bahasa ini oleh Pertubuhan Bangsa Bersatu sebagai salah satu bahasa rasmi pertubuhan tersebut.

Pengiktirafan bahasa Arab di peringkat dunia adalah tanda pengiktirafan kepada potensi besar bahasa Arab sebagai bahasa al-Qur'an, bahasa ibadah, bahasa ilmu dan bahasa ketamadunan dunia. Dalam konteks Negara Brunei Darussalam pula, menurut beliau bahasa Arab mempunyai peranan yang sangat penting dalam mengukuhkan lagi pengamalan beragama, penghayatan al-Qur'an dan pembelajaran bahasa Arab dalam kapisiti Brunei sebagai Negara Zikir. UNISSA dalam hal ini, berperanan sangat besar dan signifikan di mana menerusi Fakulti Bahasa Arab pelbagai program akademik dan non akademik telah dan sedang dipergiat dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa sesuai dengan keperluan ugama, bangsa, negara dan masyarakat global.

Awang Izzul Affi bin Haji Kifli, pengerusi Badan Pelajar Fakulti Bahasa Arab telah menyatakan pandangan beliau bahawa sambutan sebegini mampu menjadi penyuntik semangat kepada golongan pelajar terutama pelajar UNISSA untuk mempertingkatkan lagi kemahiran bahasa Arab bukan sahaja dengan mempraktikkannya semasa berada di dalam kelas bahkan juga dengan bergiat aktif dalam mana-mana aktiviti bahasa Arab di peringkat universiti, kebangsaan dan antarabangsa. Dalam hal ini,

badan dan Fakulti sentiasa aktif dalam mempelbagai pendekatan dan penganjuran aktiviti bagi mengilap kemahiran pelajar terutama sekali dalam komunikasi. Perasmian sambutan ini telah disempurnakan oleh Dr Haji Mohammad Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad, Pemangku Rektor UNISSA.

Sebanyak empat program dan aktiviti telah dilancarkan semasa perasmian tersebut iaitu *newsletter* Badan Pelajar Fakulti Bahasa Arab (secara atas talian), program "Mari Mempraktik Bahasa Arab", program "Bahasa Arab Menerusi Skype" dan program "Bahasa Arab Dengan Rakan Sebaya". Di samping pelancaran ini, pelbagai persembahan telah diadakan antaranya sesi perkongsian pengalaman belajar bahasa Arab di dua buah universiti luar negara iaitu Universiti Sultan Mohammad V di Maghribi dan Universiti Sultan Qaboos di Kesultanan Oman selama dua semester pengajian. Program-program sebegini adalah antara inisiatif Fakulti Bahasa Arab sebagai satu-satunya fakulti yang memfokuskan kepada pengajian bahasa Arab di Negara Brunei Darussalam.



# UNISSA Adakan Lawatan SAMBIL BELAJAR KE LUAR NEGARA



Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm) telah mengadakan Program Lawatan sambil Belajar ke Vietnam, Saigon dan Ben Tre pada 25 Rabiulakhir 1441 bersamaan dengan 22 hingga 29 Disember 2019.

Program Lawatan sambil Belajar ke Luar Negara merupakan program tahunan FEKIm UNISSA.

Ini merupakan Kali Ke-3 ia diadakan, sebelumnya ke Kuala Lumpur, Malaysia pada tahun 2016; dan Jakarta, Indonesia pada tahun 2018.

Pada tahun ini, program tersebut mendapat sokongan daripada LiveWIRE Brunei. Seramai 10 orang menyertai lawatan, terdiri daripada tiga pensyarah dan empat orang pelajar FEKIm.

Menyertai rombongan UNISSA, tiga peserta LiveWIRE Brunei, iaitu Pengarah Program LiveWIRE Brunei, Pengiran Redzuan bin Pengiran Haji Abbas; Kaunselor Kanan Perniagaan LiveWIRE Brunei, Awang Mohammad Fadhlillah Tudun bin Haji Hassan; dan Pengurus JOCON Contractor, Awang Johari bin Ibrahim yang merupakan anak didik LiveWIRE Brunei, di mana berjaya menceburkan diri dalam bidang perniagaan. Rombongan lawatan diketuai oleh Dekan FEKIm, Dr Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani.

Tema Lawatan sambil Belajar ke Luar Negara pada tahun ini, 'Eksplorasi Business Startup'. Vietnam dipilih sebagai lokasi strategik lawatan kerana negara tersebut dinobatkan sebagai salah sebuah hab terbaik di dunia dalam bidang 'business startup'.

Matlamat utama lawatan ialah untuk menimba ilmu pengetahuan dan pengalaman mengenai praktik perniagaan yang dapat dikembangkan dalam kurikulum pengajian di FEKIm, di samping melihat peluang kerjasama di antara FEKIm bersama beberapa buah universiti dan industri di Vietnam, khasnya dalam pengembangan Program Pengajian ke Seberang Laut (Study Abroad Programme), Program Pertukaran Pelajar (Students Exchange Programme), dan Program Latihan Industri Seberang Laut (*Overseas Attachment and Internship Programme*).

Di Saigon, lawatan diadakan ke Quang Trung Software City (QTSC), Information Technology Park (ITP), Van Lang University, dan University of Economics and Finance (UEF). Di Ben Tre, lawatan diadakan ke Mekong Software and Innovation Technology Park, dan University of Tien Gian.

Selain daripada aktiviti lawatan, rombongan UNISSA juga menghadiri Sesi Ceramah Business Startup, disampaikan oleh lima orang pembentang, iaitu Dr. Huynh Nhut Nghia dengan 'Vietnam Startup Landscape'; Will Frith dengan 'Speciality Coffee in Vietnam: Saigon and Dalat'; Phan Vu Giap dengan 'Beehexa: Connecting Applications and Automating Business Operation'; Pengiran Redzuan bin Pengiran Haji Abbas dengan 'Accelerating Ideas: All about LiveWIRE Brunei'; dan Awang Johari bin Ibrahim dengan 'Entrepreneurship Talk : JOCON Contractor'.

Selain itu, rombongan lawatan berkesempatan melihat bagaimana perniagaan dijalankan di beberapa buah perusahaan, seperti perusahaan madu lebah, dodol daripada santan kelapa, Paper Rice, pertukangan tangan barang anyaman daripada daun jerami, industri pembuatan bata dan perniagaan penduduk tempatan di China Town dan Ben Than Market.

# Duta Rusia Terima Kunjungan Mahasiswa Dagestan



Seramai enam mahasiswa dari Islamic University of the Republic of Dagestan yang berada di negara ini bagi mengikuti program Bahasa Inggeris di Universiti Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah mengadakan lawatan ke Kedutaan Persekutuan Rusia pada 7 Jamadilakhir 1441 bersamaan dengan 1 Februari 2020.

Dalam lawatan itu, mahasiswa tersebut mengadakan pertemuan bersama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Persekutuan Rusia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Vladlen Stanislavovich Semivolos. Menurut Tuan Yang Terutama Vladlen Stanislavovich Semivolos, hubungan antara Persekutuan Rusia dan Negara Brunei Darussalam telah pun berkembang dalam pelbagai bidang terutama dalam bidang pendidikan dan pihaknya akan terus berusaha untuk terus memperkembangkan lagi hubungan berkenaan ke tahap yang baharu.

Tuan Yang Terutama menambah, di bawah penandatanganan Memorandum Persefahaman di antara UNISSA dan Islamic University of the Republic of Dagestan, beliau berharap akan ada pertukaran pelajar dua hala

antara kedua buah universiti tersebut. Jelas Tuan Yang Terutama, kerjasama tersebut diharap akan membantu untuk meningkatkan interaksi masyarakat Islam di kedua-dua buah negara. Tuan Yang Terutama juga menyentuh mengenai kerjasama yang telah terjalin antara Persekutuan Rusia dan negara ini termasuk melalui perjanjian pertukaran pelajar di bidang pendidikan; lawatan delegasi yang diketuai oleh Timbalan Mufti Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama Rushan Abbyasov ke negara ini pada tahun lepas dan pameran foto "Traditions of Islam in Russia".

Salah seorang mahasiswa tersebut, Shamil Omarov mengongsikan pengalaman beliau berada di negara ini buat pertama kali di mana beliau berasa gembira dengan keramahan dan kebaikan rakyat dan penduduk di negara ini. Beliau berharap, program yang mereka jalani akan dapat meningkatkan lagi kemahiran Bahasa Inggeris mereka sehingga tahap yang lebih baik.

Mahasiswa berkenaan akan berada di negara ini selama kira-kira setahun di mana mereka juga akan mempelajari kehidupan masyarakat di Negara Brunei Darussalam melalui subjek Brunei Studies.

## UNISSA Hosted Law Annual Dinner 2020



The UNISSA Law Dinner was an annual event for the Universiti Islam Sultan Sharif Ali's Faculty of Shariah and Law. This year it was held on 12 Rejab 1441 corresponding to 7 March 2020 at the Damai Ballroom, Aman Hills Hotel. As part and parcel of the dual degree programme of Bachelor of Laws (LLB) and Bachelor of Shariah Law, the event aimed to strengthen ties among UNISSA's law students as well as to provide an opportunity for them to interact and

network with legal practitioners and members of the legal profession. The dinner also acted as a platform for the undergraduates to gain better exposure, especially those interested in venturing into the legal arena. Also in attendance were the Rector of UNISSA, Dr Haji Norfaran bin Haji Zainal, members of the legal profession - namely from the Judiciary Department, Attorney General's Chambers, Shariah Court and law firms, as well as UNISSA's Executive Committees and law lecturers.

# Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36



Dengan bertemakan 'Menjayakan Wawasan Negara', Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2020 telah diadakan pada 29 Jamadilakhir 1441 bersamaan dengan 23 Februari 2020 di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan bermula jam 7.30 pagi. Acara persembahan padang telah melibatkan lebih kurang 7,000 orang penuntut dan warga perkhidmatan awam manakala seramai 161 buah pasukan yang melibatkan 26,534 peserta telah menyertai acara perbarisan lalu. Upacara perbarisan lalu bagi pasukan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah diketuai oleh Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal. Penyertaan UNISSA telah melibatkan semua pegawai-pegawai eksekutif dan utama, pegawai-pegawai dan kakitangan serta para pensyarah dan mahasiswa-mahasiswi UNISSA.

## Innovation Talk Anjuran HEP



Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Hal Ehwal Pelajar telah mengadakan Program Impetus anjuran Perspective Insan Academy. Program tersebut telah disampaikan oleh Dr Hajjah Siti Wardah binti Haji Abdul Rahman, Co-Trainer Perspective Insan Academy yang berlangsung pada 14 Jamadilakhir 1441 bersamaan dengan 8 Februari 2020 di dewan Auditorium, UNISSA.

## Taklimat Kerjaya: Success in Job Interview



Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Hal Ehwal Pelajar (HEP) telah mengadakan Taklimat Kerjaya: "Success in Job Interview" yang telah diadakan pada 28 Jamadilakhir 1441 bersamaan dengan 22 Februari 2020 bertempat di Auditorium, UNISSA. Ceramah berkenaan telah dipengerusikan oleh Dayang Norsadiyah binti Matarsad, Pegawai Kaunselor UNISSA dan telah disampaikan oleh Awang Haji Abd Ghani bin Abu Bakar, Bekas Pegawai Kanan, Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam. Taklimat berkenaan telah dihadiri oleh pelajar-pelajar Sarjana, Sarjana Muda Tahun 4 & 5, Diploma dan juga alumni UNISSA.

# MAJLIS KHATAM AL-QURAN UNISSA



Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) telah mengadakan Majlis Khatam Al-Qur'an sempena selesainya pembacaan 30 Juz al-Qur'an sepanjang bulan Ramadhan pada 25 Ramadhan 1441 bersamaan dengan 18 Mei 2020.

Majlis tahun ini dijalankan dengan menggunakan platform dalam talian sebagai menyahut seruan kerajaan bagi mengelakkan penularan pandemik COVID-19.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis tersebut ialah Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, Rektor UNISSA dan seterusnya mengepalai bacaan Surah al-Fatihah.

Bacaan Khatam dipimpin oleh Muhammad Hanafi bin Rosli, Yang Di-Pertua MPP dan disusuli dengan Bacaan Takhtim dan Doa Khatam Al-Qur'an yang diketuai oleh Muhammad Najihuddin bin Nooralizam, Ketua Unit Keagamaan dan Kerohanian MPP.

Tetamu Kehormat, Rektor sempat memberikan ucapan antara lain beliau mengucapkan tahniah kepada MPP kerana berjaya mengunyah majlis tersebut dan juga program-program yang lain di bulan Ramadhan. Dalam

suasana kehidupan yang masih dalam keadaan berwaspadanya akibat wabak COVID-19, perkembangan ini tidak menghalang untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti keagamaan sebagaimana yang dilakukan setiap tahun. Beliau juga berdoa dengan penuh harapan dengan mengambil sukut baik dan berkat bulan Ramadhan al-Mubarak. Rektor juga berharap semoga Allah melimpahkan rahmat dan keberkatan kepada Negara Brunei Darussalam dan mengangkut wabak COVID-19 dari muka bumi ini dalam waktu terdekat ini.

Dalam ucapan alu-aluan, Yang Di-Pertua MPP mengatakan bahawa walaupun dengan adanya Covid-19 pada masa ini, ia bukan sesuatu halangan untuk mengimarahkan bulan Ramadhan malah beberapa aktiviti telah diungkapkan sebelumnya melalui Program Ihya Ramadhan atas talian dan juga *Ramadhan Food Drive*.

Lebih kurang seramai 80 orang menyertai Majlis Khatam Al-Qur'an UNISSA yang diungkapkan oleh Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2019/2020 melalui aplikasi Zoom.

Turut hadir ialah Pemangku Timbalan Rektor, Pegawai-Pegawai Utama dan beberapa mahasiswa dan mahasiswi UNISSA.

# UNISSA MELAKAR KEMENANGAN VIC 2020



Berkat usaha gigih tenaga akademik dan pelajar Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban (PPHT), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah menerima beberapa Anugerah dalam pertandingan Virtual Innovation Competition (VIC) 2020 anjuran Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan, Malaysia, yang telah diadakan pada 9-22 Syawal 1441 bersamaan dengan 1-14 Jun 2020.

Sebanyak 347 projek, 1491 peserta, 5 kategori dari tiga buah negara dari Brunei, Malaysia dan Filipina telah menyertai pertandingan berkenaan. UNISSA merupakan satu-satunya institusi yang mewakili Negara Brunei Darussalam.

Kumpulan pertama pelajar UNISSA telah menampilkan produk mereka dengan nama "*Potilizer*", iaitu produk baja organik yang dibuat dari bahan kulit pisang telah menjuarai anugerah Platinum dan Pingat Emas bagi Kategori Sosial Sains (B). Manakala kumpulan kedua pula diumumkan sebagai penerima "*Pingat Perak*" dalam kategori yang sama dengan mempertandingan produk yang diberi nama "*Langis*" iaitu suatu produk yang dihasilkan dari bahan semula jadi iaitu tanah yang dibukukan dan dibungkus untuk memudahkan melakukan "*sertu*" jika terkena najis.



Produk Langis



Produk Potilizer



Pelajar UNISSA melakukan sesi tanaman menggunakan baja ciptaan.


# KULIAH KHAS HALAL




Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban (PPHT) telah menganjurkan kuliah khas sebanyak lima siri iaitu Kuliah Khas Halal and Haram in Quran and Sunnah Siri 1 pada 6 Sya'ban 1441 bersamaan dengan 31 Mac 2020, Kuliah Khas Halal Fatwa and Law pada 7 Sya'ban 1441 bersamaan dengan 1 April 2020, Kuliah Khas Legal Maxim in Halal Industry Siri 1 pada 8 Sya'ban 1441 bersamaan dengan 2 April 2020, Kuliah Khas Halal and Haram in Quran and Sunnah Siri 2 pada 13 Sya'ban 1441 bersamaan dengan 7 April 2020 dan Kuliah Khas Legal Maxim in Halal Industry Siri 2 pada 15 Sya'ban 1441 bersamaan dengan 9 April 2020 secara atas talian melalui virtual aplikasi Zoom. Tujuan kuliah khas ini telah diadakan bagi memberikan kefahaman dan kesedaran kepada mahasiswa-mahasiswa PPHT khususnya dalam mendalami konsep halal, haram and thayyiban dari perspektif Islam. Di samping sebagai sebahagian dari usaha untuk mengambil peluang kepakaran bidang Dr Haji Mohd Shahril untuk mendapatkan pencerahan dan membuka laluan minda untuk mempertingkatkan ilmu pengetahuan dalam bidang Sains Halal berteraskan ilmu agama Islam.

# Halal Product INNOVATION COMPETITION

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban (PPHT) telah mengadakan pertandingan *Halal Product Innovation* melalui virtual aplikasi Zoom pada 23 Ramadhan 1441 bersamaan dengan 16 Mei 2020. Sebanyak 4 buah kumpulan menyertai pertandingan ini iaitu *Bruleh*, *Sahabot*, *Potilizer* dan *Earth Bar*. Pertandingan ini merupakan satu platform bagi mahasiswa/i untuk mengetengahkan konsep dan idea baru produk dan perkhidmatan halal yang boleh dipasarkan. Pertandingan ini juga mampu memupuk kemahiran dan keyakinan diri dalam diri peserta-peserta sejajar dengan Wawasan Brunei 2035 dalam melahirkan rakyat yang terpelajar dan kompeten. Tempat pertama disandang oleh kumpulan *Earth Bar*, dan tempat kedua pula adalah *Potilizer*. Manakala tempat ketiga adalah terdiri dari kumpulan *Bruleh* dan *Sahabot*.



# PROGRAM HTSS IHYA WA 'IMARAH RAMADHAN



Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban (PPHT) telah mengadakan program HTSS 'Ihya wa 'Imarah Ramadhan dengan tema Bersama ke Syurga dengan Spirit Ramadhan' disepanjang bulan Ramadhan bermula pada 2 hingga 20 Ramadhan 1441 bersamaan dengan 25 April hingga 13 Mei 2020. Beberapa program yang telah dibuat adalah Tadarus di kalangan staf akademik, kakitangan dan juga mahasiswa/i PPHT yang telah dibahagikan kepada 15 kumpulan melalui aplikasi Zoom; Kuiz Hari Ramadan sebanyak 5 kali melalui aplikasi Instagram @htss.unissa; Tazkirah pendek selama 30 minit yang disampaikan oleh Profesor Madya Dr Nurdeng Deuraseh, Dr Zeiad Amjad Abdulrazzak Aghwan dan Dr Hj Mohd Shahril yang disampaikan pada tiga sesi berlainan melalui aplikasi Facebook ppht.unissa, Instagram @htss.unissa dan Zoom; dan Khatam Jamaah melalui aplikasi Zoom.

# Kemasukan 524 Pelajar Baharu UNISSA dalam Norma Baharu



Pelajar-pelajar baharu dikehendaki untuk mendapatkan maklumat dengan mengakses laman sesawang khas sempena Minggu Ta'aruf yang disediakan, iaitu '[www.unissa.edu.bn/studentportal/taaruf](http://www.unissa.edu.bn/studentportal/taaruf)'.

Dalam ucapan alu-aluan Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal merakamkan setinggi-tinggi tahniah ke atas kejayaan para pelajar mengikuti pengajian di UNISSA bagi sesi pengajian 2020/2021.

Rektor turut mengongsikan bahawa penubuhan UNISSA adalah merupakan mercu tanda keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sendiri untuk menjaga ilmuwan bertakwa sebagai pemangkin 'Negara Zikir' yang merupakan aspirasi murni baginda.

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah menerima kemasukan seramai 524 pelajar baharu bagi sesi 2020/2021, iaitu peningkatan jumlah dengan purata pelajar yang mengikuti pelbagai program pengajian di peringkat Lulusan Ijazah, Sarjana Muda dan Diploma.

Pecahan jumlah, iaitu pelajar Sarjana Muda dan Diploma (Under Graduate) adalah seramai 405 pelajar, manakala yang mengikuti di peringkat Lulusan Ijazah (*Post Graduate*) adalah seramai 119 pelajar. Kemasukan pelajar antarabangsa pada sesi pengajian 2020/2021 ini juga memperlihatkan kenaikan signifikan, di mana UNISSA menerima kemasukan seramai 53 pelajar antarabangsa dari pelbagai negara.

Pendaftaran Kemasukan Pelajar-Pelajar Baru Sesi Pengajian 2020/2021, sekali gus menandakan bermulanya Minggu Ta'aruf dalam bentuk norma baharu ini dikendalikan melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Pejabat Pengurusan Akademik dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP).

Proses pendaftaran pelajar baharu tahun ini dilaksanakan dengan pengambilan pek pelajar dan seterusnya menandatangani dokumen perjanjian dan Ikrar Pelajar sebagai langkah pencegahan dan pengawalan pandemik COVID-19.

Minggu Ta'aruf UNISSA dijadualkan berjalan selama empat hari iaitu pada 6-9 Zulhijjah 1441 bersamaan 27-30 Julai 2020 dan hanya melibatkan beberapa acara yang telah dijadualkan secara dalam talian dan sebahagiannya adalah secara bersemuka.

Beberapa pengisian aktiviti berupa sesi taklimat akademik dan pentadbiran, khidmat masyarakat, forum pelajar dan persidangan mini akan dilaksanakan sepanjang Minggu Ta'aruf ini.

Menurutnya, umat manusia kini berhadapan dengan cabaran semasa apabila gelombang Revolusi Industri 4.0 (The Fourth Industrial Revolution) yang telah membawa perubahan besar kepada gaya hidup, persekitaran pembelajaran dan cara kita berfikir.

Cabaran ini semakin kompleks dengan penularan COVID-19 di seluruh dunia termasuk Negara Brunei Darussalam yang menuntut perubahan drastik terhadap perkembangan pengajaran dan pembelajaran, dan ini tidak terkecuali di UNISSA.

Oleh yang demikian, Dr. Awang Haji Norarfan berharap agar para pelajar selain memperlempapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan kerohanian, mestilah juga mempersiapkan diri dengan pelbagai ilmu kemahiran, termasuk memiliki kefahaman menyeluruh mengenai teknologi serta berfikiran jauh ke hadapan kerana kita sekarang berinteraksi dengan mesin atau komputer dan perhubungan segala-galanya bergantung kepada rangkaian internet atau dikenali sebagai 'internet of things'.

Semua ini diambil perhatian sewajarnya di UNISSA dengan meletakkan Islam sebagai teras segala ilmu yang dipelajari. Inilah keunikan yang ada pada UNISSA berbanding universiti-universiti lain, jelasnya.

Minggu Ta'aruf ini juga memberikan peluang kepada para pelajar baharu untuk lebih memahami program pengajian yang telah dipilih dan sekali gus bersua kenal dengan warga UNISSA termasuk tenaga tadbir, ahli akademik dan kakitangan sokongan UNISSA.



# Para Mahasiswa UNISSA MENGENALI PENBORNEO



Seramai 26 mahasiswa dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) yang mengikuti program Sarjana Muda Tahfiz dan Qiraat mengadakan Lawatan sambil Belajar ke Pusat Pengkajian Borneo (penBORNEO) pada 6 Safar 1442 bersamaan dengan 24 September 2020.

Pensyarah Fakulti Usuluddin UNISSA, Dr. Ahmad Baha bin Mokhtar berkata, Lawatan sambil Belajar itu bertujuan bagi meninjau naskhah-naskhah manuskrip, yang disimpan di penBORNEO.

"Di bawah program Sarjana Muda Tahfiz dan Qiraat, para mahasiswa ada mempelajari mengenai manuskrip mashaf. Oleh kerana pusat pengkajian ini menyediakan bahan-bahan manuskrip, kami berminat untuk mengetahuinya dan mungkin terdapat manuskrip yang sesuai untuk dibuatkan kajian bagi para mahasiswa atau pensyarah," katanya.

Pada lawatan tersebut, rombongan diberikan penerangan mengenai Koleksi Manuskrip penBORNEO oleh Pegawai Sejarah pusat pengkajian berkenaan, Dayang Mardiah binti Haji Ramli.

Manakala, Pegawai Sejarah penBORNEO, Awang Muhd. Hefni bin Mahari turut

menyampaikan taklimat mengenai Asas Pemeliharaan Rekod Manuskrip.

Rombongan, seterusnya mengikuti aktiviti membaca dan mentransliterasi manuskrip, disusuli dengan lawatan ke koleksi bahan rekod dan sesi tunjuk cara asas pemeliharaan rekod.

Para mahasiswa tersebut terdiri daripada mahasiswa Tahun 3 dan 4 program berkenaan.

Objektif lawatan adalah bagi menambah ilmu pengetahuan tentang manuskrip-manuskrip secara umum dan manuskrip Al-Quran secara khusus, di samping mempelajari mengenai kaedah meneliti Rasm al-Mushaf juga Dabt al-Mushaf dalam manuskrip Al-Quran.

Di samping itu, ia membuka ruang lebih besar kepada para mahasiswa untuk membuat kajian berkaitan manuskrip, sama ada di peringkat Sarjana Muda mahupun Lepasannya.

PenBORNEO ditubuhkan pada 31 Januari 2013 sebagai sebahagian daripada Cawangan Pusat Sejarah Brunei dengan objektifnya, antara lain untuk menjadi sumber rujukan juga penyelidikan mengenai sejarah Borneo, selain menjadi destinasi pelancongan akademik dengan tujuan penyelidikan.





